



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil.14

Selasa

23 Julai 2024

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

Ucapan Tahniyah Sempena Pertabalan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong Ke-17 (Halaman 1)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN (Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Keterangan
Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2024 (Halaman 33)
Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual
Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2024 (Halaman 74)
Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2024 (Halaman 91)
Rang Undang-undang Sumpah dan Ikrar (Pindaan) 2024 (Halaman 98)
Rang Undang-undang Keselamatan
(Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2024 (Halaman 104)
Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2024 (Halaman 108)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Dato Awang Bemee bin Awang Ali Basah [Tuan Yang di-Pertua]
2. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Timbalan Tuan Yang di-Pertua]
3. “ Datuk Seri Amir Hamzah Azizan [Menteri Kewangan II]
4. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]
5. “ Puan Saraswathy a/p Kandasami [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
6. “ Dr. Zulkifli bin Hasan [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
7. “ Dato' Sri Ti Lian Ker
8. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai
9. “ Datuk Razali bin Idris
10. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol
11. “ Tuan Manolan bin Mohamad
12. “ Puan Susan Chemeraí Anding
13. “ Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah
14. “ Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
15. “ Tuan Robert Lau Hui Yew
16. “ Datin Ros Suryati binti Alang
17. “ Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa
18. “ Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan
19. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh
20. “ Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad
21. “ Tan Sri Dato' Low Kian Chuan
22. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah
23. “ Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan
24. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
25. “ Dato' Sivaraj a/l Chandran
26. “ Tuan Mohd Hasbie bin Muda
27. “ Tuan Abun Sui Anyit
28. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead
29. “ Puan Noorita binti Sual
30. “ Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian
31. “ Tuan Pele Peter Tinggom
32. “ Datuk Nelson W Angang
33. “ Dato' Setia Salehuddin bin Saidin

AHLI HADIR (samb/-)

- | | | |
|-----|----------------|--|
| 34. | Yang Berhormat | Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu) |
| 35. | “ | Tuan Haji Hussin bin Ismail. (Terengganu) |
| 36. | “ | Datuk Haji Aziz bin Ariffin |
| 37. | “ | Tuan Seruandi bin Saad (Perlis) |
| 38. | “ | Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan) |
| 39. | “ | Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan) |
| 40. | “ | Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan) |
| 41. | “ | Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Kelantan) |
| 42. | “ | Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof (Perak) |
| 43. | “ | Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris (Kedah) |
| 44. | “ | Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah) |
| 45. | “ | Dato' Ajis bin Sitin (Pahang) |
| 46. | “ | Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang) |
| 47. | “ | Datuk Lim Pay Hen (Johor) |
| 48. | “ | Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Johor) |
| 49. | “ | Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah) |
| 50. | “ | Datuk Noraini binti Idris (Sabah) |
| 51. | “ | Datuk Wira Koh Nai Kwong |
| 52. | “ | Datuk Haji Mustafa bin Musa (Melaka) |
| 53. | “ | Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang) |
| 54. | “ | Tuan Amir bin Md Ghazali (Pulau Pinang) |
| 55. | “ | Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak) |
| 56. | “ | Tuan Michael Mujah Lihan (Sarawak) |
| 57. | “ | Tuan Isaiah a/l D Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) |
| 58. | “ | Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya) |
| 59. | “ | Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman (Wilayah Persekutuan Labuan) |

AHLI TIDAK HADIR

- | | | |
|----|----------------|---|
| 1. | Yang Berhormat | Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Menteri Dalam Negeri] |
| 2. | “ | Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] |
| 3. | “ | Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir [Menteri Pengajian Tinggi] |
| 4. | “ | Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] |
| 5. | “ | Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim |
| 6. | “ | Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar (Perak) |

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Othman Said [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) (Pengerang)]
2. “ Tuan M. Kulasegaran [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) (Ipoh Barat)]
3. “ Datuk Mohamad bin Alamin [Timbalan Menteri Luar Negeri] (Kimanis)
4. “ Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Timbalan Menteri Dalam Negeri] (Lenggong)
5. “ Tuan Liew Chin Tong [Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri] (Iskandar Puteri)
6. “ Tuan Adly bin Zahari [Timbalan Menteri Pertahanan] (Alor Gajah)
7. “ Dato' Sri Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Timbalan Menteri Sumber Manusia] (Lipis)
8. “ Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] (Lahad Datu)
9. “ Datuk Ugak anak Kumbong [Timbalan Menteri Digital] (Hulu Rajang)
10. “ Puan Lim Hui Ying [Timbalan Menteri Kewangan] (Tanjong)
11. “ Datuk Mustapha @ Mohd Yunus Sakmud [Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi] (Sepanggar)
12. “ Tuan Wong Kah Woh [Timbalan Menteri Pendidikan] (Taiping)
13. “ Tuan Chan Foong Hin [Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi] (Kota Kinabalu)

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Haji Muhammad Zamani bin Mohd Ali

Setiausaha Dewan Negara

Muhd Sujairi bin Abdullah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Adlina Aisyah binti Ahmad Rusli

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PENYATA RASMI*(HANSARD TEAM)*

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Halijah binti Mat Sin @Md Zain

Rosna binti Bujairomi @Bijirani

Alzian binti Baharudin

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Noraidah binti Manaf

Siti Norlina binti Ahmad

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nur Hazwanie binti Mohd Rozali

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Aizafasya binti Zainal

Nur Aliya binti Mustaz

Adele Beatrice anak Rabeng

Noor Azimah binti Ahmad @Abu Bakar

Ahmad Syahril bin Haji Sikari @Sik'ari

Nik Muhammad Ismail bin Karim	Maryam binti Azinuddin
Azmir bin Mohd Salleh	Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa	Nurul Syakirah binti Ibharim
Nor Kamsiah binti Asmad	Suhaila binti Sariffuddin
Aifarina binti Azaman	Nor Afina binti Mohamed Rashid
Noorfazilah binti Talib	Muhamad Shafiq bin Ahamad
Farah Asyraf binti Khairul Anuar	Muhammad Akmal bin Md Yusoff
Julia binti Mohd. Johari	Wan Nur Faliqha binti Wan Hazani
Syahila binti Ab Mohd Khalid	Anisah Sahirah binti Hamzah
Ismalinda binti Ismail	Syaza Waheeda binti Mohd Dzarif
Amir Arshad bin Ab Samad	Siti Nor Aisyah binti Mohd Jaid
Hizamihatim Maggisa bin Juara	Shazryn bin Mohd Faizal
Muhammad Firdaus bin Ahmad	Sharon Eugena Jack Aman
Izzul Syazwan bin Abdul Halim	Mulyati binti Kamarudin

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Selasa, 23 Julai 2024**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

**Ucapan Tahniah Sempena Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17**

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Malaysia Madani.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Perkara 44 Perlembagaan Persekutuan jelas menyatakan bahawa kuasa perundangan Persekutuan hendaklah terletak hak pada Parlimen dan hendaklah terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong dan dua Majlis Parlimen iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Maka dengan itu Dewan yang mulia ini merafak sembah merakam ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah sempena pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17 pada 20 Julai 2024 bersamaan dengan 14 Muharam 1446 Hijrah.

Semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berdua bersemayam di atas singgahsana takhta dengan penuh keberkatan dari Allah SWT dan patik-patik sekalian, Ahli Dewan Negara setia berkhidmat menabur bakti di bawah payung pemerintahan Tuanku jua.

Dirgahayu Tuanku. Daulat Tuanku... *[Tepuk]*

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan.

Tuan Amir bin Ghazali: Terima kasih. Pertama sekali, saya hendak ucapkan mewakili negeri Pulau Pinang, saya ingin merakam ucapan tahniah atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Selamat menjalankan tugas dengan cemerlang dan soalan saya nombor 1.

1. **Tuan Amir bin Md Ghazali** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:
 - (a) apakah pendekatan utama yang dilakukan oleh kerajaan dalam konteks strategi luar negara untuk mempromosikan perdamaian dan keamanan di rantau ini; dan
 - (b) adakah terdapat kejayaan khusus yang dapat dikongsikan yang mencerminkan kesan langsung daripada pendekatan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Amir tadi, kan?

Tuan Amir bin Md Ghazali: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Mohamad bin Alamin]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Malaysia Madani.

Bagi pihak Kementerian Luar Negeri juga, kami ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Md Ghazali atas pertanyaan yang dikemukakan pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dan ASEAN memainkan peranan penting dalam memastikan keamanan dan kestabilan di rantau Asia Tenggara dan di peringkat global. Pendekatan ini berlandaskan prinsip-prinsip yang termaktub dalam piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Piagam ASEAN dan undang-undang antarabangsa. Pendirian Malaysia adalah konsisten dalam menekankan kepentingan, menghormati undang-undang antarabangsa, memelihara hak asasi manusia dan mencari penyelesaian konflik melalui usaha diplomatik tanpa kekerasan.

Malaysia berpegang teguh kepada prinsip penglibatan bersama permuafakatan dan kerjasama serta menolak sikap pemencilan dan tindakan sebelah pihak atau, dengan izin, *unilateral action*. Malaysia bersama negara-negara anggota ASEAN yang lain telah membuktikan kejayaannya dalam mengekalkan keamanan sejak penubuhannya pada tahun 1967 melalui pelbagai mekanisme dan inisiatif, antaranya melalui:

- (i) Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara atau, dengan izin, *Treaty of Amity and Cooperation*. Ianya merupakan kod tatalaku utama dalam mentadbir hubungan antara negara di rantau ini;
- (ii) mekanisme dialog ASEAN termasuk ASEAN+1, ASEAN+3, Sidang Kemuncak Asia Timur dan Forum Serantau ASEAN yang melibatkan rakan-rakan dialog dan kuasa-kuasa besar seperti China, Amerika Syarikat dan Rusia; dan
- (iii) Institut ASEAN mengenai Keamanan dan Perdamaian atau dengan izin, *ASEAN Institute for Peace and Reconciliation*. Institut ini menjalankan penyelidikan mengenai keamanan, pengurusan konflik dan penyelesaian konflik.

Peranan Malaysia penting. Ini dapat dilihat sebagai contohnya dalam beberapa peranan yang diberikan. Pertamanya, saya sebutkan contoh iaitu dilantik, diminta menjadi sebagai fasilitator proses damai Mindanao di Selatan Filipina dan fasilitator dalam proses dialog damai di Selatan Thailand.

■1010

Sebagai fasilitator proses damai Mindanao, Malaysia selaku fasilitator yang dilantik dan diminta oleh Kerajaan Filipina dan juga MILF bermula pada tahun 2001 susulan jemputan Kerajaan Filipina pada ketika itu. Di bawah fasilitasi Malaysia, proses ini telah berjaya mencapai kejayaan signifikan menerusi pemeteraian perjanjian-perjanjian damai yang antaranya berjaya membentuk *Bangsamoro Autonomous Region in Muslim Mindanao* pada tahun 2019.

Bagi proses damai di Selatan Thailand juga, Malaysia diberikan peranan yang serupa di mana dalam peranan ini Malaysia telah berjaya untuk mengadakan beberapa siri mesyuarat penting sehinggalah kita telah dapat membangunkan dokumen *Joint-Comprehensive Plan Towards Peace*. Dokumen tersebut menekankan tiga perkara utama iaitu pemberhentian keganasan, rundingan awam dan penyelesaian konflik.

Selain daripada itu Yang Berhormat Speaker, Malaysia juga memberi tumpuan utama kepada penyelesaian konflik dan krisis kemanusiaan di *Myanmar*. Malaysia menyokong usaha-usaha di peringkat ASEAN dan PBB termasuk pelaksanaan Kemuafakatan Lima Perkara- *Five-Point Consensus* dan mandat Utusan Khas Setiausaha Agung PBB bagi *Myanmar*.

Baru-baru ini YAB Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, telah menerima Kunjungan Hormat daripada Puan Julie Bishop, Utusan Khas PBB yang baru dilantik mengenai *Myanmar*. Perbincangan ini membincangkan pendekatan inklusif dalam mencari penyelesaian krisis di *Myanmar* dengan Malaysia menegaskan komitmennya untuk

bekerjasama rapat dengan PBB, negara-negara anggota ASEAN dan dengan negara-negara yang lain yang berkepentingan.

Sebagai bakal Pengerusi ASEAN pada tahun 2025 tahun hadapan *Insyah-Allah*, Malaysia akan menerajui usaha membina kepercayaan di kalangan semua pihak yang berkepentingan dan memulakan dialog untuk mencari penyelesaian kepada isu *Myanmar*. Malaysia dan ASEAN terus komited dalam usaha memelihara keamanan dan kestabilan serantau melalui kerjasama politik, ekonomi dan sosial serta penyelesaian konflik secara aman demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran Rantau Asia Tenggara. Sekian dan terima kasih.

Tuan Amir bin Md Ghazali: Bagi soalan tambahan Dato' Speaker, Dato' Yang di-Pertua, terkait dengan situasi di Bangladesh. Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih sebab jawapan yang komprehensif dan padat iaitu tentang Bangladesh, situasi yang saya rasa keselamatan tahap tinggi yang dikeluarkan negara Bangladesh.

Apakah langkah-langkah pihak kerajaan, Kementerian Luar untuk menyelamatkan rakyat Malaysia apatah lagi pelajar yang sedang berada di sana yang boleh kita- mereka berada dalam keadaan selesa dan selamat apabila situasi demonstrasi pertempuran antara pelajar dan Polis di sana makin meningkat dia punya kepanasan di dalam negara tersebut? Saya minta penjelasan daripada Menteri tentang situasi di Bangladesh sekarang ini. Terima kasih.

Datuk Mohamad bin Alamin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Antara peranan dan juga tanggungjawab Kementerian Luar Negeri ialah untuk memastikan keselamatan keadaan warganegara kita di luar negara itu berada dalam keadaan yang selamat. Itu antara peranan asas Kementerian Luar Negeri.

Mengenai isu yang dibangkitkan, semalam YAB Perdana Menteri telah pun bersetuju untuk memulakan proses evakuasi di mana proses evakuasi ini sedang berjalan, dikemudi oleh Kementerian Luar Negeri bersama-sama dengan Majlis Keselamatan Negara MKN.

Kita telah bersetuju untuk berunding dengan pihak penerbangan *AirAsia*. Mereka telah bersetuju untuk menghantar sebuah pesawat yang agak besar yang boleh menampung kapasiti penumpang 350 orang. Baru jam 8 pagi tadi Yang Berhormat Dato' Speaker pesawat itu tiba di Dhaka. *Insyah-Allah* proses untuk membawa balik seramai sekurang-kurangnya 124 orang pelajar kita akan dibawa balik dan akan diterbangkan balik ke tanah air. *Insyah-Allah* kalau tidak ada apa-apa halangan mereka akan tiba pada jam 6 petang nanti di KLIA2, Kuala Lumpur, *insyah-Allah*.

Jadi, ini antara peranan kita bahawa pelajar-pelajar kita, nasib warganegara Malaysia yang berada di luar negara itu harus dilihat dan diberi pemantauan sewajarnya. Bukan hanya pelajar, tetapi warganegara Malaysia yang lain terutamanya yang bekerja di Bangladesh. Ada lebih kurang sepuluh orang *Pilot*- Juruterbang bekerja dengan syarikat penerbangan di sana

dan bersama-sama dengan keluarga mereka juga. Kita akan bawa balik mereka ke tanah air juga pada hari ini *Insyallah*. Terima kasih... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Tuan Abun Sui Anyit: Memandangkan negara kita Malaysia ini adalah mengamalkan dasar *Non-Aligned Movement*- berkecuali, apakah langkah-langkah negara kita supaya berdamai dengan seluruh negara yang ada di dunia ini?

Datuk Mohamad bin Alamin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang antara Dasar Luar Negara kita ialah tidak mencampuri hal ehwal asing iaitu *non-aligned*. Itu sebabnya kita menjadi anggota dalam *Non-Aligned Movement* (NAM). Peranan kita dalam organisasi ini cukup jelas. Kita telah menyuarakan banyak kali dalam platform-platform antarabangsa termasuk dalam sidang kemuncak NAM yang saya hadiri di Kampala, Uganda pada tahun lepas.

Saya juga telah menyampaikan peranan kita bahawa kita tidak akan mencampuri hal ehwal luar negara, tetapi dalam soal keamanan sejagat, apabila ada mana-mana resolusi-resolusi daripada badan dunia umpamanya, mengenai isu Palestin umpamanya, kita bersama-sama dengan badan dunia untuk mencari jalan penyelesaian bagaimana untuk membela nasib saudara-saudara kita di Palestin sebagai contohnya.

Yang terakhir apabila ICJ telah membuat *judgement* ataupun *advisory opinion* sebagaimana yang diminta oleh badan dunia PBB di mana ingin saya *update* sedikit, ini baru sahaja berlaku. *Judgement* telah diberikan pada 19 Julai beberapa hari yang lepas di mana ICJ telah memutuskan dengan suara majoriti bahawa segala amalan Rejim Israel di *Occupied Palestinian Territory* adalah haram daripada segi undang-undang antarabangsa termasuk dasar dan amalan Israel.

Jadi dalam konteks ini, Malaysia akan memainkan peranannya untuk memberikan tekanan antarabangsa bersama-sama dengan negara sepemikiran dengan kita *like-minded countries* untuk bersama-sama termasuk dengan ASEAN umpamanya. Kita bersama-sama dengan ASEAN bagaimana kita ingin menzahirkan tekanan-tekanan antarabangsa bersama dengan sahabat-sahabat negara yang sepemikiran dengan kita supaya dilaksanakan gencatan senjata itu dengan segera.

Dan pada bulan Mei yang lepas, saya telah menerima panggilan daripada rakan sejawat saya Kurt Campbell, Timbalan Setiausaha Amerika Syarikat, mereka meminta Malaysia memainkan peranan supaya bercakap dengan pihak HAMAS untuk mematuhi resolusi supaya kita buat gencatan senjata, tetapi masa yang sama saya juga minta beliau supaya meyakinkan Israel supaya menerima tawaran untuk melaksanakan gencatan senjata dengan segera.

Jadi peranan kita Yang Berhormat Dato' Speaker di peringkat antarabangsa dan bersesuaian dengan *Non-Aligned Movement* itu dalam konteks yang lain, tetapi dalam isu

sejagat yang besar, apabila melibatkan sebuah badan dunia- kita bersama-sama dengan badan dunia dan juga mana-mana negara yang sepemikiran kita untuk membela nasib saudara-saudara kita yang berada di Palestin. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Assalamualaikum.* Salam Sejahtera Dato' Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah atas pelantikan. Soalan saya nombor 2.

2. Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah Minta Menteri Perladangan dan Komoditi menyatakan, bagaimanakah kementerian menguruskan risiko yang dihadapi oleh sektor perladangan dan komoditi termasuk risiko harga, cuaca dan penyakit tanaman dan bagaimanakah kementerian bersiap sedia menghadapi kesan perubahan iklim terhadap sektor perladangan dan komoditi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi [Datuk Chan Foong Hin]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas lantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator, kerajaan melalui Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) telah menggubal Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 secara holistik sebagai kesinambungan kepada dasar-dasar terdahulu bagi meneruskan kejayaan sektor agrikomoditi dan mengemudi sektor ini dalam mendepani pelbagai isu dan cabaran bagi tempoh sepuluh tahun yang akan datang, 2021-2030.

Sektor agrikomoditi sering berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti harga agrikomoditi yang tidak stabil, cuaca tak menentu dan serangan penyakit tanaman. Bagi mengatasi permasalahan ini, KPK telah mengambil langkah-langkah seperti berikut.

Pertama, insentif dan skim sokongan harga. Kerajaan menyediakan pelbagai insentif dan skim sokongan harga untuk membantu pekebun kecil termasuklah panduan kewangan untuk input pertanian seperti bahan kimia dan baja menerusi program panduan bagi tanaman koko, lada dan kenaf yang telah diluluskan dalam RMK-12.

■1020

Selain itu, Insentif Pengeluaran Getah (IPG) yang mula diperkenalkan pada tahun 2015 bertujuan untuk menangani impak ketidakpastian harga getah ke atas pendapatan pekebun kecil di samping memastikan pengeluaran getah tempatan yang berterusan. Insentif ini akan diaktifkan apabila harga purata bulanan peringkat ladang bagi getah *cuplumps* lebih rendah daripada RM3 satu kilogram.

Kedua, penggunaan teknologi melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi perlindungan penyakit dan cuaca ekstrem. Penerapan teknologi mula dipergiat bagi

meningkatkan perlindungan tanaman terutamanya berkaitan penyakit dan pengurusan serangan perosak. Sebagai contoh, teknik pertanian pintar dan moden seperti *multispectral* mampu menghasilkan tanaman lada yang berkualiti, berproduktiviti tinggi serta kalis jangkitan penyakit dan perosak.

Amalan pertanian inovatif serta R&D sebegini dijangka dapat meningkatkan produktiviti tanaman pekebun kecil. Manakala daripada segi persediaan dan inisiatif adaptasi perubahan iklim, KPK dan agensi-agensi di bawah kita melaksanakan kajian secara berterusan bagi menghasilkan klon-klon tanaman komoditi yang rentan terhadap perubahan cuaca yang ekstrem.

Ketiga, penggunaan amalan pertanian baik bagi perlindungan penyakit. Kita menggiatkan penerima gunaan amalan pertanian terbaik yang merupakan salah satu strategi dalam DAKN 2030. KPK melalui agensi-agensi memfokuskan kepada latihan yang bersesuaian bagi pekebun kecil mengenai amalan pertanian yang baik. Ini termasuk penggunaan input pertanian yang optimum, program pengurusan bersepadu bagi menangani perosak atau penyakit serta amalan pengurusan ladang yang berkesan bagi mencapai hasil maksimum.

Daripada segi inisiatif adaptasi iklim pula, KPK dan agensi-agensi di bawah kita turut melaksanakan penanaman *variety* tanaman komoditi yang mempunyai ciri-ciri yang dapat bertahan terhadap kemarau di kawasan-kawasan yang terdedah kepada kemarau.

Kedua, sistem pengairan yang cekap bagi memastikan tanaman komoditi mendapat bekalan air yang mencukupi semasa cuaca kering dan mengelakkan risiko banjir semasa hujan yang lebat dan amalan pengurusan ladang yang lestari juga digalakkan bagi mengurangkan kesan-kesan daripada perubahan iklim seperti banjir, hakisan tanah, *dry spell* dan hujan lebat terhadap produktiviti tanaman komoditi.

Dengan langkah-langkah ini, KPK berusaha untuk menguruskan risiko-risiko dalam sektor perladangan dan komoditi secara holistik serta bersiap sedia menghadapi kesan perubahan iklim demi memastikan kelangsungan dan kemapanan sektor ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua. Kalau kita lihat industri getah, kita telah memberi subsidi kepada petani-petani sejak sekian lama. Pada suatu ketika dahulu, getah merupakan pengeluaran utama negara dan kini kelapa sawit yang kita mempunyai jutaan hektar tanaman kelapa sawit.

Saya ingin tahu, adakah kerajaan menjalankan kajian yang mendalam tentang mungkin penghasilan baka-baka yang lebih tahan keadaan cuaca? Begitu juga dengan pengeluaran baja kerana dalam jangka masa yang panjang, kalau kita bergantung kepada pengimportan baja, kos pengeluaran adalah menjadi sangat tinggi. Bahkan sekarang sebahagian besar daripada baja, kita import dari luar negara yang menyebabkan kos

pengeluaran tinggi, tetapi dalam keadaan pasaran yang tidak menentu suatu ketika nanti, kerajaan akan berbelanja besar untuk membayar, memberi subsidi kepada petani yang mengusahakan komoditi ini.

Jadi, saya rasa suatu usaha yang komprehensif daripada baka, baja, cara penanaman sangat penting. Adakah peruntukan diberikan untuk usaha-usaha tersebut? Terima kasih.

Datuk Chan Foong Hin: Tuan Yang di-Pertua, memang KPK melalui agensi kita iaitu yang khusus untuk getah, Lembaga Getah Malaysia (LGM), kita ada menjalankan kajian untuk klon yang berskala besar di beberapa buah lokasi di Semenanjung Malaysia untuk mengenal pasti klon-klon yang sesuai ditanam di pelbagai kawasan atau pun di kawasan tertentu sahaja dengan berpandukan kesan cuaca, topografi, 'ciri tanah' dan taburan penyakit getah sedia ada terhadap klon yang diuji.

LGM telah mengesyorkan beberapa klon yang stabil dalam kumpulan satu. Kita ada beberapa *group* untuk klasifikasi klon-klon yang sesuai ditanam dan lebih stabil dan rentan kepada penyakit. So, ini antara yang kita menjalankan dan juga klon seperti PB350, PB260, RRIM928, RRIM3001 kini kesemuanya menunjukkan keupayaan untuk ditanam dalam persekitaran kering kerana ciri penjimatan airnya yang boleh mengekalkan status air pokok. Ini antara yang kita jalankan.

Cuma, untuk menjawab soalan ketidaktentuan harga ini, sebenarnya sekarang kamu lihat- ini *chart*, mungkin terlampau jauh sedikit... [*Menunjukkan sekeping kertas*] Harga trend dia untuk getah adalah semakin naik. Walaupun dia agak stabil untuk Januari 2023 sampai Ogos 2023, tetapi selepas Ogos 2023 memang dia ada menunjukkan tanda-tanda kenaikan harga itu walaupun tak setanding dengan komoditi-komoditi yang lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tiada lagi soalan tambahan?

Saya panggil Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Azhar bin Ahmad.

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam madani. Tahniah Datuk Speaker atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua di Dewan Negara ini. Soalan saya soalan nombor 3.

3. Datuk Dr. Azhar bin Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan, sejauh mana keberkesanan Program Bantuan Subsidi MADANI atau BUDI MADANI kepada pemilik kenderaan diesel persendirian bagi individu, petani kecil dan pekebun kecil komoditi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Menteri Kewangan (II) [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]: Terima kasih, Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Azhar bin Ahmad secara bersekali dengan pertanyaan-pertanyaan lain bagi tarikh yang sama iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd. Ghaffar dan Yang Berhormat

Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman. Ini kerana kesemua pertanyaan yang dibangkitkan adalah berkenaan isu yang sama iaitu pelaksanaan pensasaran semula subsidi diesel.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2023, kerajaan telah membelanjakan lebih RM80 bilion bagi membiayai keseluruhan subsidi, insentif dan bantuan sosial termasuk subsidi pengangkutan awam, pendidikan dan sektor agrikomoditi. Daripada jumlah ini, perbelanjaan subsidi penggunaan adalah terbesar iaitu sebanyak RM50 bilion iaitu merangkumi subsidi diesel, petrol dan gas memasak, subsidi minyak masak, subsidi bil elektrik serta subsidi harga ayam dan telur.

Seperti yang telah diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2024, mulai tahun ini, kerajaan akan melaksanakan pensasaran semula subsidi secara berfasa bagi membendung ketirisan yang kian berleluasa dan menyebabkan kerugian berbilion-bilion ringgit kepada negara. Setelah pensasaran semula subsidi dilaksanakan bagi ayam dan elektrik, kerajaan telah melaksanakan pensasaran semula subsidi diesel yang menyasarkan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan darat melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 (SKDS 2.0) dengan menggunakan kaedah *fleet card*. Melalui kaedah ini, syarikat pengangkutan barangan darat yang diluluskan layak untuk mendapat bekalan diesel di stesen minyak pada harga RM2.15 seliter.

Serentak dengan pelaksanaan langkah tersebut, kerajaan juga telah melancarkan Program BUDI MADANI Individu dan BUDI MADANI Agro-Komoditi iaitu pemberian bantuan tunai sebanyak RM2,400 setahun kepada pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak termasuk petani kecil dan pekebun kecil komoditi. Bantuan tunai RM200 secara bulanan ini dapat mengimbang kesan kenaikan harga diesel tanpa menjejaskan pendapatan boleh guna kumpulan sasar. Melalui pendekatan ini, pensasaran semua subsidi diesel dijangka menjana penjimatan sebanyak RM4 bilion kepada kerajaan sekali gus dapat disalurkan, antaranya, untuk menambah baik infrastruktur awam.

Secara amnya, keberkesanan inisiatif BUDI MADANI sejak pelaksanaan pensasaran diesel pada 10 Jun dapat dilihat pada data yang menunjukkan pengurangan ketara jualan diesel dari stesen minyak. Pada awal Jun 2024, purata jualan harian diesel dari stesen minyak untuk seluruh Semenanjung Malaysia adalah 28.6 juta liter sehari. Manakala awal Julai 2024, purata jualan harian diesel tersebut telah turun kepada 22.2 juta liter sehari. Ini merupakan pengurangan 6.5 juta liter sehari atau pengurangan 23 peratus jualan diesel dari stesen minyak Semenanjung Malaysia.

■1030

Dapat disimpulkan bahawa sebelum pensasaran semula diesel, sekurang-kurangnya 6.5 juta liter sehari telah disalahgunakan sama ada oleh industri atau diseludupkan ke negara jiran. Kesimpulan ini disokong dengan data yang menunjukkan jualan diesel secara komersial

telah meningkat sebanyak 4.8 juta liter sehari bagi tempoh perbandingan yang sama. Memandangkan kini harga di stesen minyak adalah pada RM3.35 seliter, pihak industri yang sebelum ini membeli diesel bersubsidi telah beralih balik kepada membeli diesel secara komersial.

Pada masa yang sama, terdapat stesen minyak di kawasan utara berdekatan dengan sempadan mengalami kejatuhan jualan diesel sehingga 40 peratus ke-50 peratus. Keadaan ini memaparkan kejatuhan aktiviti penyeludupan ke negara jiran disebabkan pengurangan margin keuntungan penyeludup.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, untuk dua bulan pertama pelaksanaan pensasaran semula subsidi diesel terutamanya melibatkan BUDI Individu, BUDI Agri-Komoditi, kerajaan telah menyalurkan hampir RM50 juta kepada hampir 120,000 penerima yang layak bagi menampung kesan kenaikan harga diesel. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Tuan Speaker, Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang sangat tepat dan spesifik. Pertamanya, tentulah kita bersetuju subsidi ini bersasar. Itu prinsipnya.

Jadi soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri, setelah mendengar daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, saya ingin melanjutkan pertanyaan tentang persoalan, bagaimana kerajaan dapat memastikan BUDI MADANI ini iaitu Agri-Komoditi dapat diuar-uarkan kepada rakyat, khususnya rakyat-rakyat di luar bandar, petani-petani dan pekebun-pekebun kecil, khususnya di luar bandar bagi memastikan mereka tak ketinggalan bagi mendapatkan insentif daripada kerajaan ini, daripada segi kadar dan bagaimana bagi mereka untuk mendapatkan bantuan ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Dato' Yang di-Pertua, berhubung dengan bantuan bagi petani kecil dan pekebun kecil, dalam melaksanakan pensasaran semula subsidi, kerajaan juga telah menyediakan bantuan tunai RM200 sebulan bagi petani kecil dan pekebun kecil yang ditakrifkan menghasilkan jualan di antara RM50,000 dan RM300,000 setahun.

Berdasarkan bantuan tersebut, petani kecil dan pekebun kecil yang memenuhi syarat kelayakan dan berdaftar portal GeoAgro Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan agensi di bawah Kementerian Perladangan dan Komoditi, layak memohon untuk bantuan tunai RM200 sebulan. Pada masa yang sama, petani kecil dan pekebun kecil yang layak, turut dapat memanfaatkan bantuan SKDS 2.0 bagi kenderaan logistik supaya kos pengangkutan, pengeluaran ke pasaran tidak meningkat.

KPKM juga sedang giat mengadakan sesi libat urus dan turun padang bersama dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri, bagi membolehkan pendaftaran para petani dan pekebun dapat dibuat dengan secara langsung. Setakat ini, sebanyak lebih 100 sesi telah diadakan oleh KPKM dan KPK serta jabatan dan agensi di pelbagai lokasi seluruh negara.

Kerajaan akan sentiasa memantau situasi semasa, termasuk pelaksanaan pensasaran semula diesel dan sekiranya perlu, menambah baik dari semasa ke semasa dan akan membuat dalam memastikan golongan yang benar-benar layak, terus mendapat perhatian kerajaan dan dapat mendepani cabaran kos sara hidup. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Soalan tambahan, Dato' Pengerusi.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Soalan tambahan.

Datuk Razali bin Idris: Soalan tambahan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Satu, penting. Penting sangat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dahulu yang angkat... [*Menunjuk pada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof*]

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Terima kasih kepada Tuan Speaker. Soalan saya berkenaan dengan apakah pengajaran- *lessons* yang kita ambil dalam isu pensasaran subsidi diesel sebab perkara yang kita bicara ini adalah soal perubahan struktural. Bila ia merupakan perubahan struktural, ia akan banyak memberi implikasi dan kesan, khususnya ketidakfahaman orang ramai, apatah lagi pihak Pembangkang menggunakan kesempatan ini.

Soalan saya ini penting kerana saya difahamkan bahawa RON95 juga akan menghadapi pensasaran dalam masa terdekat, kalau betul- bukankah kita perlu mengambil pengajaran, satu pendekatan yang lebih efektif ataupun kita- tiba-tiba kita dapat tahu disasarkan, kemudian cara mekanisme dia itu tiba-tiba baru dilontarkan.

Jadi, saya mohon penjelasan- supaya kita ambil pengajaran daripada pensasaran diesel ini, sebab ia adalah perubahan struktural, saya perlu ingatkan ya. Terima kasih Tuan Speaker.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tersebut. Dato' Yang di-Pertua, pensasaran semula subsidi diesel yang diuar-uarkan masa Belanjawan 2024 adalah satu dasar yang penting untuk kerajaan kerana kita perlu menangani kekangan kewangan yang ada, tapi yang lebih pentingnya mengurangkan ketirisan daripada penyeludupan dan penyelewengan yang ada berleluasa di dalam negara ini.

Sebelum pensasaran subsidi diesel ini dibuat, kajian menyeluruh telah diadakan, di mana kita mencari jalan, di mana kita dapat menangani kos kenaikan rantaian yang mungkin berlaku. Kerana itu, kita telah menambahbaikkan sistem SKDS yang kita ada dengan menambah SKDS 2.0, di mana 23 jenis kenderaan baru telah dimasukkan ke dalam SKDS 2.0. Ini bermakna, daripada segi logistik, pengangkutan barangan yang *affect* harga barangan harian tidak akan naik kerana kita memberi subsidi diesel kepada sektor pengangkutan ini. Kita juga telah mengenal pasti mereka yang kita rasa layak untuk menerima bantuan subsidi dan untuk menentukan jumlah subsidiya, kita balik kepada data-data yang kita ada dalam DOSM.

Kerana itulah kita menetapkan bahawa bantuan BUDI Individu adalah ditetapkan kepada RM200 sebulan atau RM2,400 setahun. Jadi saya boleh katakan, sebelum kerajaan menetapkan perubahan dasar, kita melakukan penyelidikan yang lebih mendalam kerana kita tahu macam mana nak buat. Namun mesti ada, bila ada apa-apa pertukaran yang ada, ada sekali-sekali terlepas pandang beberapa perkara.

Jadi, kerajaan juga sedia selalu untuk menambahbaikkan sistem yang ada. Jadi, kalau kita tengok daripada SKDS, kadang-kadang kemungkinan kenaikan itu lebih tinggi daripada yang dijangka oleh pengguna, di mana kuotanya tak cukup. Jadi, kita menerima cadangan daripada sektor-sektor yang terkesan dan kita boleh berbincang balik, di mana kita boleh menambahbaikkan.

Namun, rakyat juga memainkan peranan yang penting daripada beberapa perkara. Yang pertama, kita berharap mereka yang- kalau dah tahu yang akan ada sistem yang baharu, bila sistem SKDS 2.0 dilancarkan bulan Februari, kita berharap masa itu ramai orang akan datang mendaftar. Namun ada juga mereka yang menunggu ke hujung jalan. Bila pensasaran diesel dibuat bulan Jun, baru nak mendaftar. Jadi, ada kelambatan kerana orang menunggu sebelum sampai masa itu. Jadi, kerajaan juga telah terpaksa menambahbaikkan sistem dengan memberi *reimbursement*, kalau *fleet card* itu datang lambat kerana mereka memohon lambat.

Jadi, untuk sistem apa- kalau kita melihat balik kepada pensasaran RON95, kita akan meneliti apa-apa yang kita belajar daripada pensasaran subsidi diesel untuk dimasukkan dalam pensasaran semula RON95, tapi saya rasa untuk RON95, kita kena faham yang sistemnya berbeza pada sistem diesel, di mana sistem diesel, kita hanya melihat kepada segi pengguna 300,000 buah kenderaan yang diberikan, tetapi RON amat luas sekali.

Jadi, kerajaan masih meneliti, memperhalusi sistem yang ada, di mana kita dapat buat dengan lebih meluas, dengan lebih elok lagi kalau kita menyasarkan semula RON95. Terima kasih.

■1040

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Dato' Speaker, satu?

Datuk Razali bin Idris: Soalan susulan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri...

Datuk Razali bin Idris: Satu, Yang Berhormat Menteri?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan nombor 3, kita...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Sini yang tadi, Dato'.

Tuan Yang di-Pertua: Kita had dua *jer*.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Saya tanya Yang Berhormat Menteri, bolehkah..?

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: ...Boleh, boleh.

Datuk Razali bin Idris: Boleh, boleh, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: ...Soalan penting.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi dia minta tadi.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Bagi Terengganu sebelah sini dulu... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: ...Ya, sini YB, ya.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

Saya cuma sedikit *jer* nak *remind* Yang Berhormat. Saya rasa Dewan ini tak perlulah Dewan Negara ini tak perlu macam Dewan Rakyat *kot-* pembangkang, pencadang, pembangkang. Kita bercakap atas dasar satu sahaja. Itu pandangan sayalah, Dato'... *[Tepuk]*

Saya fokus. Saya nampak sedikit bila jawapan daripada Datuk Seri Menteri, macam ada sedikit ruang cahaya di hujung terowong- ada ruang untuk dinilai semula- dalam pensasaran subsidi ini, ada tiga bidang yang telah pun disebut, tetapi tak termasuk satu yang menjadi rungutan iaitu kalangan petani-petani kita ini ramai di bawah. Petani kecil, tetapi di sini tidak termasuk kos ataupun subsidi bersasar kepada diesel jentera pertanian, traktor, *excavator* bagi buka tanaman baharu, *backhoe* untuk kegunaan pembersihan dan lain-lain, yang akhirnya sekarang ini harga kos polarotor, rotor dan lain itu harganya mendadak naik. Sebab alasannya mereka tidak mempunyai harga subsidi yang dimasukkan dalam senarai 23 perkara.

Jadi, saya mencadangkan untuk pihak kementerian dapat pertimbangkan supaya masukkan beberapa lagi perkara lain yang langsung mempunyai kepentingan terhadap petani-petani bawahan khususnya apabila kos *initial* ataupun input pertanian awal ini tidak dipertimbangkan selama ini. Ertinya kesan dan kesengsaraan kalangan petani dirasakan sangat-sangat. Kos untuk angkut traktor, tak semua traktor ini berlesen *roadtax*, Datuk Menteri, tetapi bila hendak angkut sahaja kos *long loader*...

Seorang Ahli: Dalam estet.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: ...Dalam estet dan lain-lain, itunya berlipat ganda, menjadikan harga-harga di bawah itu. Harga polar, harga rotor, harga lain-lain itu sudah meningkat sangat banyak. Mohon supaya ruang ini dapat diberi pertimbangan oleh kementerian. Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Saya sambung soalan boleh? Sambung sedikit sahaja, pendek... *[Dewan ketawa]*

Jadi dua, sambung. Dato' Speaker, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Bawah peraturan tidak boleh sambung soalan.

Datuk Razali bin Idris: Sambung boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan lain.

Datuk Razali bin Idris: Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi sebab saya baru dilantik, *maybe I give you...*

Datuk Razali bin Idris: Boleh sambung ya?

Tuan Yang di-Pertua: ...*But not out of these question*-lah.

Datuk Razali bin Idris: Ya lah, okey. Bukan *question* dialah, *question* saya. Pendek sahaja, okey. Soalan saya sedikit sahaja.

Kenapa pihak kerajaan tidak masukkan subsidi diesel kepada industri pelancongan di Semenanjung, tetapi di Sabah dan Sarawak masuk? Kenapakah di Semenanjung tidak termasuk? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih, Yang Berhormat-Yang Berhormat kerana memberi beberapa soalan yang perlu diperincikan dengan lebih. Mungkin saya sambut dahulu soalan mengenai petani dan peladang kecil kerana masa kita buat pensasaran semula subsidi diesel, kita juga telah menambahbaikkan beberapa perkara.

Pertama, kepada mereka yang ada hasil antara RM50,000 ke RM300,000 setahun, mereka boleh memohon melalui BUDI Agri-Komoditi. Jadi, dengan memohon mereka mendapat RM200 sebulan atau RM2,400 setahun. Ini adalah satu bantuan untuk menolong menangani kos-kos yang mungkin ada kenaikan.

Namun, untuk petani dengan pesawah bantuan bajak dan tuai juga telah ditambahbaikkan, di mana bantuan yang diberikan antara RM100 sehektar telah dinaikkan kepada RM210 sehektar. Ini juga dapat menangani kos yang mungkin dah naik kalau mereka menggunakan diesel untuk perkakas yang digunakan untuk penanaman.

Di samping itu, pekebun-pekebun kecil seperti di mana bawah FELDA, FELCRA dan RISDA, kerajaan juga telah memberi komitmen supaya peruntukan subsidi tambahan diberikan kepada agensi berkenaan supaya pendapatan pekebun kecil tersebut tidak terjejas dengan kos pertambahan yang diberikan. Jadi, mereka akan memantau dan menentukan pendapatan yang diterima oleh petani dan pekebun.

Untuk soalan yang lagi satu tadi kan. Kalau kita tengok, kita buat pensasaran subsidi diesel buat masa sekarang untuk Semenanjung Malaysia. Untuk Sabah dan Sarawak, kita tidak masuk pada Sabah dan Sarawak kerana pemahaman logistik di Sabah dan Sarawak masih diperhalusi lagi kerana dia kompleks dan penggunaan diesel di Sabah dan Sarawak lebih daripada Semenanjung.

Jadi ini mungkin satu dilihat, untuk fasa kedua. Jadi, tidak ada yang kita katakan ada perbezaan pelancongan kerana Sabah dan Sarawak belum kita pensasaran semula subsidi, tetapi daripada segi dasarnya, apa yang kita lihat untuk sektor pelancongan, kebanyakan kenaikan akan ditampung oleh pelancong yang datang dari luar negara, ya. Jadi kita harap kalau kita tengok daripada segi subsidi, kita subsidilah rakyat Malaysia, bukan rakyat orang lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Profesor Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah.

Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tahniah atas lantikan sebagai Yang di-Pertua. Soalan saya ialah soalan nombor 4.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

4. Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, langkah jangka masa panjang kementerian untuk memastikan bekalan tenaga kerja dan bakat yang mencukupi dalam pasaran serta ekonomi negara melihat kepada suasana kadar penurunan kelahiran di Malaysia dan juga negara sedang menuju ke arah negara menua- *ageing nation*.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Abdul Rahman bin Haji Mohamad]:

Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

Sebelum itu, izinkan saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Awang Beme bin Awang Ali Basah atas pelantikan Yang di-Pertua Dewan Negara yang ke-21.

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Profesor Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah atas soalan tersebut. Beliau merupakan mantan *Chairman* PERKESO sebelum ini.

Berdasarkan kepada perangkaan demografi oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah kelahiran hidup pada suku tahun pertama 2022 menurun 9.4 peratus kepada 106,386 kelahiran berbanding 117,413 kelahiran pada suku tahun pertama 2023. Walaupun jumlah kelahiran hidup di Malaysia merekodkan penurunan, jangka hayat ketika lahir menunjukkan peningkatan daripada umur 73.8 pada 2022 kepada 74.8 pada 2023.

Perubahan demografi ini semestinya akan memberi kesan kepada pasaran buruh di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara Malaysia, tetapi ini di bawah Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dijangka menjadi sebuah negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk berumur 60 tahun dan ke atas mencapai 15 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk negara.

Menyedari kesan negara menua kepada pasaran buruh, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh KESUMA. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) pindaan Akta Kerja 1955 [Akta 265] pada tahun 2022 yang merangkumi peruntukan baharu termasuk larangan anti-diskriminasi dan kemudahan atur waktu kerja fleksibel. Pindaan ini melibatkan kemudahan aturan waktu kerja yang fleksibel yang menekankan aspek dengan izin, *work-life balance* yang dapat melindungi dan menambah baik hak pekerja

warga emas bagi menggalakkan penglibatan aktif warga emas dalam pasaran kerja; dan

- (ii) KESUMA melalui *Human Resource Development Corporation* (HRD) secara berterusan melaksanakan program latihan *reskilling* dan *upskilling* dengan membangunkan platform e-LATIH iaitu platform pembelajaran dalam talian untuk memberi peluang kepada rakyat Malaysia termasuk warga emas bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan. Ini bagi meningkatkan prospek pekerjaan dan keupayaan menjana pendapatan kepada warga emas melalui pelbagai kursus pembangunan peribadi dan profesional secara percuma.

KESUMA menerusi Talent Corporation Berhad secara proaktifnya, terus melaksanakan inisiatif-inisiatif dengan sinergi kolaborasi rentas kementerian, jabatan, agensi, institut pengajian tinggi awam swasta, kemahiran juga industri. Antara inisiatif berimpak tinggi yang sedang dilaksanakan oleh perwujudan *MyMAHIR Future Skills Talent Council* (FSTC) kolaborasi industri dan akademia, Program Kembali Bekerja khusus bagi golongan wanita, *Advocacy Work Life Practices* dan *Flexible Work Arrangement*.

■1050

Selain itu *TalentCorp* juga kini sedang melaksanakan dua kajian yang bakal memberi impak kepada isu bakat dan tenaga kerja masa hadapan iaitu kajian impak kecerdasan buatan *artificial intelligence* (AI), pendigitalan dan ekonomi hijau ke atas tenaga kerja dan landskap pekerjaan dan kajian penyertaan wanita yang belum diterokai, *untapped* dan pekerja tua termasuk veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di luar tenaga kerja formal.

Seterusnya KESUMA juga sedang dalam proses menyediakan Rangka Kerja Dasar Sumber Manusia 2024 hingga 2030. Rangka Kerja Dasar Sumber Manusia Negara ini akan turut meliputi perancangan pembangunan modal insan yang holistik yang mengambil kira keperluan setiap golongan pekerja seperti belia, wanita, warga emas bagi memastikan tenaga kerja sedia menghadapi cabaran pasaran buruh pada masa hadapan. Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Sini dulu.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Bagi tuan rumah dulu.

Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Pengerusi PERKESO.

Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah: ...Dan terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan yang diberi.

Soalan tambahan saya ialah, apakah usaha-usaha yang diambil untuk memberikan kondisi kerja dan melindungi hak-hak pekerja dalam sektor-sektor kritikal seperti penjagaan kesihatan yang semakin penting dalam menghadapi masyarakat yang menua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Abdul Rahman bin Haji Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Sebenarnya masyarakat menua ini adalah golongan- mungkin kita yang ramai dalam ini. Antara yang 60 tahun ke atas, ini yang dinamakan masyarakat penuaan dalam negara kita.

Lantaran itu, kita ketahui bahawa masih banyak yang perlu dilakukan kalau kita umur 60 tahun ini nampaknya masih kuat Ahli-ahli Yang Berhormat, nampak masih kuat maknanya boleh bertanding sekali lagi... *[Ketawa]* Boleh bertanding sekali lagi.

Sebab itu dalam hal ini, kementerian sedang meneliti perkara-perkara ini bagi pemerksaan daripada segi sistem perlindungan sosial kepada semua masyarakat khususnya golongan yang kita nyatakan di dalam bidang sektor swasta yang bekerja sendiri daripada sebarang krisis selepas persaraan akibat ketidakcukupan wang simpanan dan apabila mencapai umur persaraan.

Lantaran itu, kementerian sedang memperhalusi Kertas Konsep bagaimana cadangan mengenai kebolehlaksanaan bagi mewujudkan skim warga emas, perkara tersebut dan perkara ini sering saya bangkitkan dalam setiap kali perjumpaan atau mesyuarat-mesyuarat yang diadakan di KESUMA. Perkara-perkara inilah sebenarnya yang kita hendak jadikan kerangka nasional *pension reform* seperti hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sebab kita tahu bahawa yang 60 tahun ke atas ini masih segar bugar dan masih boleh melaksanakan banyak tugas. Yang Berhormat Yang di-Pertua, sebenarnya yang 60 tahun ke atas ini pun mungkin berasa sasa dan masih boleh melaksanakan banyak tugas-tugasan yang diperlukan, terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Wira Mohd Hatta.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih, terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Menteri sendiri mengaku bahawa lebih daripada 60 ini masih mantap, masih kuat. Apakah kita boleh mengambil pengajaran daripada negara lain, Jepun misalnya yang tidak meletakkan satu paras umur had kerja. Selagi mereka boleh bekerja, mampu, produktif, mereka terus diberikan peranan. Apakah kementerian dan kerajaan mengambil serius untuk melanjutkan tempoh bersara bukan hanya bagi sektor kerajaan, tetapi dasar yang sama untuk peringkat swasta. Panjangkan lagi umur bagi mereka yang nak bertugas, yang tak nak itu silakan.

Dato' Sri Abdul Rahman bin Haji Mohamad: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Dr. Hatta. Sebagai seorang doktor, mestilah saya percaya lebih mengetahui daripada segi *set time* dan penjagaan-penjagaan kesihatan tersebut.

Daripada segi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi bahawa kalau daripada segi usia yang bekerja di kerajaan, 60 tahun ke atas, yang ini saya tak boleh nak jawab Yang Berhormat Yang di-Pertua, sebab ini dasar. Memang saya tak boleh hendak jawab atas dasar, tetapi kita tahu ada yang sebahagian daripadanya disambung pekerjaan, disambung. Maknanya kalau kita melihat yang jawatan-jawatan tinggi, tetapi kalau dibangkitkan seperti di luar negara, di Jepun umpamanya.

Saya ingin nyatakan bahawa, kalau kita melihat di China Yang Berhormat Datuk Dr. Hatta, di China umpamanya, mereka menyediakan penempatan orang tua, tetapi pagi mereka masih pergi bekerja dan masih dibayar gaji.

Inilah yang saya katakan bahawa di KESUMA sedang membuat berbagai-bagai kajian melalui Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Steven Sim, kita sudah berbincang banyak perkara yang boleh membolehkan perkara-perkara ini termasuklah dalam bidang swasta itu sendiri, yang berumur pun kita boleh *up-skilling* dengan *re-skilling* bagi memastikan mereka ini dapat melaksanakan kembali tugas-tugas yang penting bagi untuk kepentingan negara kita sendiri Yang Berhormat Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan setinggi tahniah atas pelantikan sebagai Presiden Dewan Negara. Soalan saya nombor 5

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

5. Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri menyatakan, usaha yang telah diambil untuk memastikan perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS) tempatan mendapat manfaat daripada pelaburan langsung asing (FDI).

Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri [Tuan Liew Chin Tong]: Terima kasih Tan Sri Dato' Low Kian Chuan. Saya di sini juga mengucapkan tahniah kepada Dato' Awang Bemee bin Awang Ali Basah yang dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara baru-baru ini.

Dato' Yang di-Pertua, jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2023 adalah sebanyak RM329.5 bilion merangkumi 5,101 projek yang dijangka menjana 127,332 peluang pekerjaan baharu untuk rakyat Malaysia. Daripada jumlah tersebut, pelaburan langsung asing atau FDI merangkumi 57.2 peratus dan selebihnya adalah pelaburan domestik (DDI).

FDI dan DDI saling melengkapi. Kedua-dua pelaburan itu adalah daripada keadaan pasaran yang sama iaitu perniagaan yang kompetitif, saksama dan stabil. Permintaan domestik yang kukuh menghasilkan lebih banyak DDI yang seterusnya akan menarik lebih banyak FDI. Peningkatan FDI akan memberi peluang perniagaan kepada syarikat-syarikat

tempatan di sepanjang rantaian bekalan terutamanya perusahaan mikro kecil dan sederhana (PMKS).

Seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerajaan telah menetapkan DDI sebagai petunjuk prestasi utama atau KPI untuk mengembangkan jumlah pelaburan negara memandangkan potensi strategik DDI dalam menarik lebih banyak FDI di bawah rangka kerja ekonomi Madani.

Di antara beberapa inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan sebagai usaha membantu pelabur tempatan termasuk PMKS mendapat manfaat hasil kepesatan aktiviti pelaburan adalah berikut: pertama, pelaksanaan program *localization* industri menggalakkan kerjasama di antara pelabur asing dengan vendor tempatan dalam menghasilkan produk-produk yang berkualiti buatan negara.

Kedua, membangun dan mengukuhkan ekosistem rantaian bekalan tempatan menerusi penganjuran seminar rantaian bekalan atau *supply chain seminar* yang dapat menghubungkan syarikat tempatan, syarikat multinasional dan syarikat besar domestik.

Ketiga, mempergiatkan sesi libat urus dengan pelabur baharu dan pelabur sedia ada antaranya melalui *MIDA Investment Series Conference*, mesyuarat meja bulat, lawatan kerja dan majlis rangkaian- *networking session* yang turut dilaksanakan oleh pejabat MITI dan MIDA negeri.

Keempat, menganjurkan seminar pelaburan tempatan dan *SME Investment Debt*.

Kelima, mengadakan lawatan ke syarikat-syarikat berpotensi dan perbincangan mengenai rancangan baharu dan pengembangan projek pelaburan syarikat.

Keenam, menubuhkan Pusat Memudahkan Pelaburan Malaysia (IMFC).

Ketujuh, memperkenalkan rangka kerja IEHC yang merangkumi yang merangkumi empat teras iaitu piawaian, pembayaran, pembinaan kapasiti dan mekanisme pasaran.

Kelapan, MITI, KUSKOP dan kementerian-kementerian yang berkaitan akan terus bekerjasama dalam membangunkan PMKS di Malaysia agar lebih berdaya saing.

■1100

Pada masa yang sama, kerajaan sentiasa bersedia untuk menerima sebarang cadangan daripada Ahli-ahli Dewan sekalian yang membantu pembangunan PMKS. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, salah satu misi NIMP 2030 adalah untuk mengadakan PKMS mengamalkan automasi dan penggunaan teknologi dalam operasi perniagaan. Mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan status Industri 4.0 dan PKS yang telah menamatkan Program Penilaian Kesiediaan Industri iaitu *readiness assessment* dengan izinnya.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Senator dan juga Tuan Yang di-Pertua. Dalam NIMP kita ada empat misi:

- (i) untuk membangunkan industri yang lebih kompleks. *Adding the complexity to our economy*;
- (ii) *TechUp* ialah untuk menaikkan taraf teknologi kita termasuk inovasi automasi dan penggunaan AI, penggunaan pelbagai teknologi;
- (iii) *to push for net zero* supaya kita mengendalikan keadaan *climate change*, perubahan iklim bersama dengan isu tentang *admission*; dan
- (iv) untuk menjana dan menjaga keselamatan ekonomi or *economics security*.

So, ini lah empat misi yang kita hendak menjalankan serentak supaya industri kita naik taraf dan bukan sahaja berusaha dalam sektor yang hanya *pay low, low wages* dan ekosistem yang tidak baik. So dalam konteks ini, *Industrial Forward 4.0* yang telah dimulakan pada 31 Oktober 2018 telah diletak di bawah NIMP dan diberikan suntikan baru.

Dalam kalau kita mengimbas balik sejak 2019 sampai 2023, sebanyak 1,192 buah syarikat telah selesai menjalani Program *Readiness Assessment* walaupun yang dapat geran itu kurang daripada nombor yang saya telah umumkan. Walau bagaimanapun, kerajaan terutamanya MITI memang akan menggiatkan supaya program yang baru ini di bawah *TechUp* di bawah NIMP yang menggantikan *Industry Forward 4.0* dapat menyokong lebih banyak industri supaya mencapai sasaran di bawah NIMP.

Sasaran NIMP ialah sekurang-kurangnya menjelang tahun 2030, kita ada 3,000 buah kilang pintar atau *smart factory*. *Smart factory* yang mengguna pakai AI yang mengguna pakai automasi dan ini lah sasaran kita dan kita harap boleh membangun lebih banyak PMKS dalam sektor *smart factory* dan menjayakan misi-misi NIMP. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih. Terlebih dahulu saya mahu mengucapkan tahniah atas lantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan ini. Soalan saya nombor 6.

6. Tuan Robert Lau Hui Yew minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, apakah strategi kementerian dalam menangani masalah kekurangan Jururawat yang kronik dan membenarkan lebih banyak Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) untuk menawarkan Kursus Kejururawatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Ts. Mustapha Sakmud]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pendidikan Tinggi kami ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara Ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Tinggi bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia sedia maklum mengenai kekurangan Jururawat Berdaftar di negara ini dan telah mempertimbangkan untuk membenarkan lebih banyak Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) menawarkan Kursus Kejururawatan.

Susulan itu, setelah melalui beberapa siri perbincangan dengan pihak KKM, KPT pada 5 Julai 2024 telah membentangkan Nota Jemaah Menteri berhubung keputusan untuk menamatkan moratorium penawaran Kursus Pengajian Baharu Kejururawatan Peringkat Diploma di IPTS berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2024.

Penamatan moratorium ini dilaksanakan bagi memberi laluan kepada peningkatan permintaan terhadap Kursus Pengajian Kejururawatan dan turut dipengaruhi beberapa faktor-faktor seperti berikut:

- (i) penurunan jumlah IPTS yang aktif menawarkan Kursus Pengajian Kejururawatan Peringkat Diploma;
- (ii) penurunan pendaftaran Jururawat Berdaftar dalam kalangan graduan Diploma Kejururawatan IPTS; dan
- (iii) negara bakal mengalami kekurangan Jururawat Berdaftar bagi keperluan jagaan kesihatan dan keperluan populasi pada tahun 2030, sekiranya trend pengambilan pelajar Diploma Kejururawatan di IPTS dan bilangan pendaftaran Jururawat Berdaftar kekal menunjukkan penurunan.

Perincian pelaksanaan penamatan moratorium penawaran kursus pengajian baharu kejururawatan peringkat diploma ini akan dimaklumkan melalui satu surat pekeliling yang akan dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi kepada semua IPTS dalam masa yang terdekat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, YB Senator.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Soalan tambahan. Terima kasih Timbalan Menteri atas pengumuman pembatalan memorandum moratorium ini.

Soalan tambahan saya ialah, sampai sekarang ada berapa IPTS yang menjalankan Kursus Kejururawatan? Masih ada lesen menjalankan kursus ini? Berapa dari ini ada di Sarawak dan di Sabah? Terima kasih.

Datuk Ts. Mustapha Sakmud: Terima kasih atas soalan tambahan. Ini agak spesifik ya- daripada statistik, tetapi yang saya sebut tadi setakat yang kita ada ini, IPTS ini ada 46 buah IPTS di seluruh Malaysia. Cuma, tidak ada *breakdown* untuk- nanti kita akan buat soalan bertulis untuk yang spesifik di Sarawak. Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh minta Sabah *and* Sarawak?

Datuk Ts. Mustapha Sakmud: Sabah *and* Sarawak. Okey, terima kasih... [Ketawa]
 Saya orang Sabah ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Senator Dr?

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Boleh ya Tuan Yang di-Pertua? Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Hanya tentang kejururawatan.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Ya, tentang kejururawatan.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh. Yang Berhormat Menteri boleh tak?

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Boleh ya, tetapi sebelum itu bagi pihak saya ingin mengalu-alukan satu delegasi daripada *Chinese Muslim Association of Taiwan* yang diketuai oleh Mr. Pai Zhen Chea iaitu cucu Jeneral Pai Ch'ung-hsi dari *Chinese Muslim Association* di sebelah sana... [Tepuk]

Soalan saya, dahulu kita menghadapi pengalaman lambakan Jururawat di pasaran. Sekarang kita kurang pula. Soalan saya apakah yang telah dilakukan oleh pihak kementerian daripada segi mengkaji pasaran sebelum memperkenalkan apa-apa kursus? Ini kerana kalau kita terus buka tanpa mengkaji *needs* ataupun keperluan di pasaran, kita akan menghadapi masalah yang sama nanti lambakan pula.

So bagi saya, perancangan strategik untuk melihat keperluan *market* untuk Jururawat ini perlu dibuat dengan betul-betul. Kalau tidak, kita akan sentiasa mengulangi masalah yang sama kerana sefahaman saya dahulu berlaku lambakan kerana tidak ada perancangan untuk menyesuaikan keperluan pasaran pada waktu itu. Mohon pencerahan daripada pihak kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ts. Mustapha Sakmud: Terima kasih atas soalan tambahan. Okey dalam kajian kita, kita ada dua kaedah yang kita buat iaitu:

- (i) keperluan populasi, *population needs*. Ini merujuk kepada jumlah tenaga kerja kesihatan khususnya jururawat untuk memenuhi keperluan populasi; dan
- (ii) kita akan buat juga kajian tentang keperluan jagaan kesihatan. *Healthcare needs*. Ini merujuk kepada permintaan khusus dalam sektor penjagaan kesihatan termasuk fasiliti di hospital, klinik, pusat kesihatan dan fasiliti penjagaan kesihatan yang lain.

Mengikut statistik yang telah dibuat, kalau kita buat unjuran memang berlaku sekarang ini sahajalah, memang berlaku kekurangan jururawat ini. Kenapa moratorium itu telah di-*impose*, dengan izin, pada tahun 2010 sebab memang berlaku lambakan pada masa tersebut. Jadi, kita *stop* dahulu.

Stop maksudnya kita tidak benarkan lagi mana-mana IPTS baru yang akan menjalankan Kursus Kejururawatan, tetapi IPTS yang sedia ada itu diteruskan. Itu untuk menampung keperluan-keperluan.

■1110

Jadi ini yang kita- setelah kajian dibuat, memang kalau kita tidak buat sesuatu buat masa ini, kita akan mengalami defisit lebih kurang 62 peratus menjelang 2030. Jadi ini antara kajian-kajian yang telah kita buat dan kita akan cuba pastikan bahawa jumlah Jururawat kita akan memenuhi keperluan industri dan juga keperluan populasi. Sekian, terima kasih.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Satu soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: *No, already three, more than three.*

Yang Berhormat Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dahulukan dengan ucapan tahniah atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua. Semoga Allah menambahkan lagi berkat Dewan yang mulia ini. Soalan saya nombor 7.

7. **Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, keberkesanan pelaksanaan operasi Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (MBCA) yang diwujudkan dengan melibatkan beberapa buah agensi bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan pertahanan dan keselamatan negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Menjawab soalan sahabat saya, Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024 telah dibentang dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 16 Julai lepas.

Rang undang-undang yang mempunyai lima bahagian meliputi 25 fasal ini akan dibawa di peringkat seterusnya di Dewan Negara untuk diluluskan. Kemudian diwartakan penguatkuasaan bagi membolehkan agensi ini melaksana operasinya mengikut fungsi yang telah ditetapkan di pintu masuk negara seperti yang dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Januari 2024.

Secara ringkasnya Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (MCBA) akan melaksanakan lapan fungsi utama seperti berikut:

- (i) pemeriksaan dan kawalan orang yang memasuki atau meninggalkan Malaysia yang sebelum ini dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia;

- (ii) pemeriksaan dan kawalan barang-barang yang dibawa ke dalam atau keluar dari kawasan yang ditetapkan;
- (iii) pemeriksaan dan kawalan dan kuarantin apa-apa tumbuh-tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma yang dibawa ke dalam atau keluar dari Malaysia yang sebelum ini dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia;
- (iv) pemeriksaan dan kawalan apa-apa kenderaan yang dibawa ke dalam atau keluar dari Malaysia yang dilaksanakan oleh JPJ sebelum ini;
- (v) pemeriksaan dan kawalan makan dan benda-benda yang bersampingan dengan makanan, dadah, racun, kosmetik, benda lain yang berkaitan dengan kesihatan yang dibawa ke dalam atau keluar dari Malaysia yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan sebelum ini;
- (vi) pemeriksaan dan kawalan bahagian hidupan liar atau terbitan hidupan liar yang dibawa ke dalam atau keluar dari Malaysia;
- (vii) melaksanakan penguatkuasaan pemantauan, penahanan, risikan siasatan, rondaan dan pendakwaan; dan
- (viii) mengurus dan mentadbir mana-mana kompleks pintu masuk yang berkenaan.

Untuk makluman, saya sebutkan tadi bahawa rang undang-undang ini akan dibentangkan di Dewan ini untuk pelaksanaan seterusnya. Walau bagaimanapun, dengan struktur perjawatan asas sebanyak 104 perjawatan di peringkat ibu pejabat yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan bermula 1 Januari 2024, MCBA mulai 2 Mei 2024 telah mula melaksanakan operasi secara pentadbiran dengan mengguna pakai akta-akta agensi sedia ada untuk menyelaras operasi khas penguatkuasaan.

Ini telah dilaksanakan selaras dengan arahan Perdana Menteri dan keputusan Jemaah Menteri pada 17 April 2024. Penyelarasan operasi khas penguatkuasaan yang mengguna pakai pendekatan 3R iaitu *coordinate, command and control* seperti yang dizahirkan dalam terma rujukan MCBA telah dilaksanakan berdasarkan maklumat risikan yang diterima daripada pelbagai agensi.

Operasi ini Yang Berhormat selaras dengan bantuan logistik dan kekuatan sumber manusia, agensi seperti PDRM dan dilaksanakan dengan mengguna pakai serta menguatkuasakan akta-akta yang berkaitan khususnya Akta Kastam 1967. Sehingga 12 Jun 2024, MCBA telah menyelaras enam operasi khas penguatkuasaan dengan nilai rampasan yang dilaksanakan sehingga kini ialah sebanyak RM40 juta.

Penyelarasan operasi tersebut, sebagaimana Operasi Sibuh, Op Taring Bravo 3, Op Taring Bravo 1, Op Taring Bravo 2, Op Taring Palma, Op Taring Alpha dan ingin saya sebut bahawa Kementerian Dalam Negeri menyelaraskan dengan mengoperasikan MCBA di pintu-pintu masuk negara kelak setelah rang undang-undang MCBA diluluskan dan diwartakan dan agensi ini akan dapat beroperasi dengan cekap, berkesan sebagai entiti tunggal yang melaksana fungsi kawalan pemeriksaan di pintu-pintu masuk bagi menyokong usaha fasilitasi perdagangan dan menarik pelancong ke dalam negara ini. Terima kasih.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Penubuhan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (MCBA) bagi saya adalah satu keperluan yang bersifat semasa dan mendesak memandangkan isu-isu pelbagai yang ditimbulkan berkaitan keupayaan negara dalam mengawal dan melindungi negara daripada pencerobohan dan jenayah seperti penyeludupan, pemerdagangan manusia dan kehilangan sumber dan hasil negara.

Soalan saya, sebagai sebuah agensi baru, adakah MCBA mempunyai sebarang inovasi daripada segi mekanisme jaminan integriti dan pematuhan etika oleh para pegawai yang dipertanggungjawabkan kerana bagi saya, jika isu ini tidak diberi perhatian serius dan ditemukan penyelesaiannya, perwujudan MCBA ini tidak akan dapat mencapai matlamatnya yang utama. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, isu integriti di kalangan anggota penguat kuasa diakui merupakan satu isu yang diberi perhatian serius oleh kerajaan pada hari ini. Salah satu matlamat penubuhan MCBA ialah memperkukuh dan memperkasa integriti di kalangan pegawai agensi, yang ini menjadi isu pokok, yang menjadi keutamaan dalam pengoperasian MCBA kelak.

Ia selaras juga dengan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional 2024-2028 yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Saya hendak sebut bahawa di antara inisiatif awal yang dirangka oleh KDN untuk mencapai matlamat ini ialah dengan mewujudkan bahagian integriti dalam struktur asas ibu pejabat MCBA yang akan diketuai oleh seorang pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan gred P54 yang akan mengendalikan hal ehwal integriti dan tatakelakuan pegawai-pegawai di MCBA. Pendekatan ini diambil bagi memastikan sebarang siasatan dan tindakan ke atas pegawai-pegawai MCBA dapat dilakukan dengan telus dan penuh berkecuali.

Selain daripada itu, bahagian integriti ini akan pastikan enam teras integriti yang ditetapkan iaitu soal tadbir urus, soal pengurusan aduan, pengukuhan integriti, pematuhan pengurusan aduan dan tatatertib dapat dilaksanakan dengan berkesan. Kewujudan bahagian integriti ini juga akan diperluas di struktur pejabat-pejabat wilayah MCBA, sehingga ke peringkat bawah.

Apabila waran perjawatan, ini akan diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, perwujudan Bahagian Integriti di pejabat wilayah juga membolehkan program audit silang iaitu pejabat wilayah dilaksanakan dengan pelaporan berkala dengan pengurusan tertinggi agensi di peringkat KDN.

Kita harap bahagian-bahagian terlibat dengan operasi siasatan juga akan mempunyai penempatan pegawai SPRM bagi memastikan kepatuhan dan integriti di kalangan pegawai dapat kita laksanakan dengan lebih baik. Tentunya kita harap MCBA akan turut bekerjasama rapat dengan SPRM dalam semua keadaan bagi memastikan integriti MCBA pada tahap yang tinggi dan memenuhi impian rakyat dan juga negara. Terima kasih.

Tuan Musoddak bin Ahmad: Soalan tambahan.

Tuan Seruandi bin Saad: Soalan tambahan.

Tuan Musoddak bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, apakah kewujudan MCBA ini berlaku pertindihan tugas dengan agensi-agensi yang sedia ada bila wujud? Kemudian agensi-agensi lain itu adakah diambil tugas oleh MCBA ini? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Ini antara isu yang memang dibincang dan diberi perhatian serius oleh kerajaan dan Kementerian Dalam Negeri dalam usaha kita mewujudkan MCBA dan pelbagai sesi libat urus dengan kementerian berkaitan dan agensi terlibat juga diadakan.

■1120

Saya hendak sebut di sini bahawa kalau timbul isu-isu seumpama ini, isu pertindihan fungsi, mungkin di antara MCBA dengan agensi-agensi yang berkaitan. Perkara ini akan dibincangkan dan diselesaikan melalui satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemantapan Dasar dan Pengoperasian MCBA yang dipengerusikan sendiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dan dianggotai oleh semua pihak-pihak yang berwibawa dan berkepentingan. Jawatankuasa ini akan menjadi satu platform bagi menjadikan satu punca kuasa dan juga jawatankuasa ini boleh menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa lain, membentuk teknikal operasi bagi kita selaraskan apa juga isu-isu yang berkaitan sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 8.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

8. Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah usaha-usaha yang sedang dilaksanakan untuk memastikan pelajar-pelajar menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Senator Doktor yang mengajukan soalan kepada KPM. Antara usaha KPM dalam memastikan murid hadir ke sekolah dan menduduki peperiksaan SPM adalah seperti berikut:

- (i) memastikan Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bilangan 1 Tahun 2019 berkenaan dengan Panduan Pengurusan Rekod Sistem Kehadiran Murid di Sekolah KPM dipatuhi. Dokumen tersebut menegaskan bahawa rekod kehadiran dapat digunakan untuk membantu pihak sekolah dalam membuat keputusan dan tindakan berkaitan pembangunan, kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan murid;
- (ii) kami mengupayakan Jabatan Pendidikan Negeri dan juga Pejabat Pendidikan Daerah untuk membimbing sekolah dalam memantau kehadiran murid ke sekolah dan menduduki Peperiksaan SPM;
- (iii) KPM juga memantau kehadiran murid ke sekolah melalui sistem kehadiran murid, *e-Kehadiran* dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid. Murid yang hadir ke sekolah akan direkodkan, manakala murid yang tidak hadir ke sekolah akan dihubungi ibu bapa oleh pihak sekolah;
- (iv) KPM juga mengoptimumkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah melalui program pembangunan diri murid;
- (v) melaksanakan konsep amalan sekolah penyayang yang dilaksanakan secara berterusan dan menjadi budaya sekolah. Pelaksanaan amalan sekolah penyayang ini adalah bertujuan agar warga sekolah mengamalkan dan membudayakan sikap kasih sayang di sekolah; dan juga
- (vi) KPM melaksanakan aktiviti berfokus dengan lebih giat seperti ziarah cakna, sesi konsultasi ibu bapa, permuafakatan PIBG dan juga penglibatan PIBKS.

Pada masa yang sama, KPM juga memberikan ruang dan peluang kepada calon yang gagal dalam peperiksaan, termasuk calon yang tidak layak memperoleh sijil untuk menduduki SPM Ulangan (SPMU) yang dilaksanakan setiap tahun. KPM juga menawarkan perkhidmatan *patching* sijil peperiksaan SPM yang membolehkan beberapa mata pelajaran keputusan peperiksaan yang terbaik calon digabungkan dalam satu sijil peperiksaan SPM sahaja.

KPM yakin dengan pelbagai program intervensi langkah strategik yang dilaksanakan seperti yang saya huraikan tadi, murid-murid akan dapat mencapai penguatkuasaan akademik yang optimum dan juga kita dapat memastikan semua murid Tingkatan 5 hadir ke

sekolah dan menduduki Peperiksaan SPM dengan persediaan yang mantap. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Terima kasih. Soalan tambahan saya, Yang Berhormat Menteri. Jawapan yang baik. Cuma saya nak tahu, Yang Berhormat Menteri pernah menyatakan bahawa satu kajian akan dibuat untuk mengetahui mengapa pelajar-pelajar ini tidak menduduki peperiksaan?

Jadi saya nak tahu, apakah hasil kajian tersebut dan soalan saya, adakah kementerian bersedia untuk menilai semula Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia agar faktor pelajar gagal ini tidak hadir SPM diberi penekanan dan tidak berulang lagi? Terima kasih.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat. Berkenaan dengan bahagian kedua soalan tadi, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, ia bakal berakhir pada tahun 2025 dan sejak awal tahun ini, pihak KPM telah pun memulakan sesi libat urus dan juga konsultasi dengan kesemua pihak berkepentingan dan kita akan mengambil kira kesemua isu pendidikan yang dibangkitkan oleh rakan kita dari luar. Itu nombor satu.

Nombor dua, berkenaan dengan faktor-faktor ketidakhadiran. Saya ada satu laporan di sini yang mana faktor-faktor ketidakhadiran ke Peperiksaan SPM adalah termasuk ada yang sedang bekerja, ada yang telah berhenti sekolah, kemalangan, masalah keluarga, sebahagian kecil meninggal dunia, ada yang pindah, tumpang, ada yang sakit dan sebagainya. Ia mempunyai pelbagai faktor. Namun demikian, seperti yang saya nyatakan tadi, kita KPM daripada masa-ke-semasa, kita melaksanakan satu usaha secara berpanjangan. Usaha untuk memastikan budak-budak Tingkatan 5 ini untuk memastikan mereka duduk dalam Peperiksaan SPM ini kita tidak boleh buat seminggu, dua minggu sebelum itu. Ini memerlukan satu usaha berpanjangan yang mana pihak KPM sedang dan selalu dalam usaha untuk melaksanakannya.

Ini dapat dibuktikan Dato' Yang di-Pertua, sedikit maklumat tambahan, pada tahun 2023 iaitu Peperiksaan SPM tahun 2023, jumlah yang tidak hadir ke Peperiksaan SPM adalah seramai 10,160 orang. Sekiranya dibandingkan dengan tahun lepas 2022, jumlah yang tidak hadir adalah 14,858. Ia memaparkan satu penurunan lebih daripada 4,000 orang. Ini merupakan salah satu hasil daripada usaha pihak KPM yang dilaksanakan sepanjang tahun.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa apabila kita berbincang berkenaan dengan jumlah ketidakhadiran 10,160 tersebut, sememangnya dari sekolah KPM iaitu sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan, jumlahnya adalah 8,676 daripada 10,160; 8,676 adalah dari sekolah-sekolah KPM. Jumlah 8,676 pada tahun 2023 ini juga telah memaparkan, menunjukkan satu penurunan berbanding dengan tahun sebelum itu iaitu tahun 2022 yang mana jumlah ketidakhadiran adalah 13,227 di bawah sekolah KPM.

Maka, usaha daripada pihak kementerian akan diteruskan dalam tahun-tahun yang akan datang untuk meningkatkan kehadiran anak-anak kita ke Peperiksaan SPM seperti yang didaftarkan. Terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Datuk Lim Pay Hen: Soalan tambahan.

Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri mahu jawab kah? Dua soalan. Kita sepatutnya had kepada dua sahaja. Kalau dia tanya pasal mengapa tidak duduk SPM saja, *confine to that*, boleh Menteri?

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Ya, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: *I give you the third question in. Alright*, dia setuju.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Ini *second question*, kan?

Tuan Yang di-Pertua: *No... [Ketawa]*

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Okey. Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Lebih kurang- *three*.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Timbalan Menteri, penjelasan dan usaha untuk mengurangkan pelajar cicir SPM. Soalan saya ialah adakah kementerian bercadang dalam mewajibkan sistem persekolahan negara selama 11 tahun sehingga SPM terhadap setiap anak muda? Kerana ini adalah sebagai satu langkah menangani isu keciciran pembelajaran peringkat menengah iaitu SPM. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Wong Kah Woh: Ya, terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator. Sememangnya cadangan tersebut sedang dalam perbincangan dan sedang diperhalusi oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Sekiranya Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat satu keputusan muktamad, pihak kami akan membawa pindaan rang undang-undang yang sepatutnya untuk tujuan ini. Namun, pada peringkat sekarang, saya hendak menyatakan bahawa ia masih dalam satu peringkat untuk pihak KPM mengkaji dan juga membuat keputusan muktamad. So, itu pertama.

Pada masa sekarang, apabila Yang Berhormat Senator berbincang berkenaan dengan keciciran, sememangnya pihak KPM pada masa sekarang juga, khasnya untuk anak-anak kita di luar bandar dan juga anak-anak Orang Asli kita, yang mana pihak KPM telah pun memulakan usaha. Bukan sahaja untuk menubuhkan atau mengoperasikan sekolah K9 iaitu anak-anak kita belajar di bawah satu bumbung dari Darjah 1 sehingga Tingkatan 3, kita sedang dalam usaha juga untuk memperluaskan sekolah-sekolah K9 ini kepada K11 iaitu sampailah ke Tingkatan 5.

Pada tahun ini, kita mempunyai empat buah sekolah K11 yang telah pun beroperasi pada tahun ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding.

Puan Susan Chemerai Anding: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kerana dipilih menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara. Soalan saya nombor 9.

9. Senator Puan Susan Chemerai Anding minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan bagaimanakah pihak kerajaan menggalakkan kolaborasi antara sektor awam, syarikat swasta dan akademia dalam bidang sains, teknologi dan inovasi di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal]: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Senator atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara yang ke-21.

Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, MOSTI melalui Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi 2021-2030 menggalakkan kolaborasi antara sektor awam, syarikat swasta dan akademia dalam bidang STI di Malaysia. Antara beberapa inisiatif yang sedang dilaksanakan dalam merealisasikan usaha-usaha tersebut adalah menambah baik ekosistem pendanaan iaitu:

- (i) menubuhkan Majlis *Science Endowment* (MSE) yang berperanan sebagai sebuah platform dana alternatif kebangsaan yang khusus bagi tujuan mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan dalam membiayai aktiviti *research and development* melalui dana dari dalam dan luar negara, termasuklah geran dari industri, dana antarabangsa, penderma, *angel investors crowdfunding* dan *CESS Fund*;
- (ii) melalui Program Dana Pemacu Teknologi Strategik (PEMACU) Rancangan Malaysia Ke-12 yang mengutamakan kolaborasi padanan dana di antara IPT awam dan swasta, GRI dan industri telah digariskan dalam garis panduan permohonan Skim Pembiayaan Dana R&D MOSTI, di mana kerajaan menyediakan geran padanan sehingga 70 peratus daripada kos keseluruhan projek *research and development* tersebut; dan
- (iii) kolaborasi antara sektor awam, syarikat swasta dan akademia dalam bidang STI melalui geran padanan *Malaysia-Spain Innovating Programme* (MySIP) dan *Malaysia-Turkiye Technology Collaboration Programme* (MYTR) di bawah MIGHT dan inisiatif *Malaysian*

Collaborative Network Platform for Disruptive Innovation (i-Connect) yang diterajui oleh Akademi Sains Malaysia.

Selain itu, MOSTI juga secara aktif menerapkan inisiatif perkongsian Data Strategik Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) melalui beberapa platform yang telah dibangunkan. Antaranya, melalui platform *Knowledge Resource for Science and Technology Excellence Malaysia* dan *Malaysia Open Science Platform*.

Dalam aspek pengukuhan ekosistem menggalakkan pengkomersialan hasil *research and development* tempatan pula, antara inisiatif kolaborasi yang dilaksanakan oleh MOSTI adalah seperti berikut:

- (i) inisiatif "*tech roll-out*". Projek ini sedang dilaksanakan secara rintis bersama beberapa pihak berkuasa tempatan (PBT) terpilih untuk mengetengahkan penyelesaian teknologi tempatan bagi menambah baik pengurusan di PBT;
- (ii) *National Technology and Innovation Sandbox* (NTIS) membolehkan syarikat pemula atau setaraf, penyelidik, penggerak inovasi, perusahaan kecil sederhana (PKS) dan usahawan berteknologi tinggi menguji produk teknologi atau perkhidmatan dalam persekitaran yang sebenar atau *live environment* dan dalam keadaan yang selamat dengan memberi kelonggaran daripada undang-undang dan peraturan sedia ada;
- (iii) pendekatan *co-creation* merupakan strategi utama MIGHT kepada memupuk kerjasama pelbagai pihak dalam usaha memajukan penyelidikan inovasi dan pembangunan teknologi di Malaysia untuk menciptakan ekosistem inovasi yang lebih dinamik dan inklusif; dan
- (iv) MOSTI juga telah memperkenalkan program penggunaan barangan dan perkhidmatan hasil R&D tempatan MySTI dalam perolehan kerajaan dengan kerjasama Kementerian Kewangan (MOF) untuk memperkasakan lagi usahawan mengkomersialkan hasil R&D tempatan dengan membuka akses pasaran terutama dalam perolehan oleh kerajaan. MySTI sedang dilaksanakan secara rintis selama dua tahun mulai 26 Jun 2023 dan boleh diakses di portal.

Di kesempatan ini, saya ingin menyeru para penyelidik, pemilik syarikat dan *technopreneur* tempatan untuk mendapatkan pendanaan logo MySTI segera serta memanfaatkan pelbagai insentif yang disediakan. Pendaftaran adalah percuma sehingga Mei 2025.

Untuk Ahli-ahli Yang Berhormat jua, saya menyeru agar semua kementerian dapat menyokong program ini dengan mengutamakan barangan dan perkhidmatan hasil R&D tempatan dalam perolehan masing-masing. Dasar seumpama ini juga telah lama diamalkan di negara-negara yang maju seperti Eropah, Singapura dan Korea Selatan. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Puan Susan Chemerai Anding: Soalan tambahan. Terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan yang diberi. Tadi ada disebut mengenai MySTI dan pengenalan dalam perolehan kerajaan. Apakah status semasa pelaksana program ini dan bagaimanakah usaha kolaborasi ini dilaksanakan serta sebarang insentif kepada pengguna teknologi yang berkaitan? Terima kasih.

Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. MySTI menyediakan platform yang merangkumi program pendanaan logo atau inventori barangan dan perkhidmatan hasil R&D tempatan, yang boleh diakses di portal, seperti yang saya katakan awal tadi dalam jawapan saya. Barangan dan perkhidmatan dengan logo MySTI akan diberikan keutamaan dalam perolehan kerajaan, selain mempromosikan barangan R&D untuk kegunaan sektor swasta juga.

Program ini sedang dilaksanakan secara rintis selama dua tahun, melibatkan 10 kementerian. Setakat 10 Julai 2024, sebanyak 321 permohonan penandaan logo MySTI yang telah diterima dan 210 daripadanya telah diluluskan. Bagi menyokong perolehan barangan dan perkhidmatan MySTI, terdapat dua jenis dana yang diuruskan oleh Perbadanan Pembangunan Teknologi (MTDC) iaitu pertama, dana uji beli MySTI. Kedua, dana mudah cara MySTI. Tadi ada juga- dan STI.

Sekian, terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat-Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Lisan tamat.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN SAKSI KANAK-KANAK (PINDAAN) 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

11.38 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)
[Dato' Sri Azalina binti Othman Said]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2024 dibacakan untuk kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 [Akta 676] yang sedia ada memperuntukkan mengenai perkara berhubungan dengan keterangan saksi kanak-kanak dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada April 2023 lalu, pindaan pada Akta 676 telah dibuat untuk julung-julung kalinya sejak Akta 676 mula berkuat kuasa pada 31 Disember 2007 untuk menambah baik perlindungan terhadap saksi kanak-kanak dengan menaikkan umur saksi kanak-kanak daripada 16 tahun kepada 18 tahun, dengan memasukkan peruntukan yang berhubungan dengan pendengaran khas bagi saksi kanak-kanak, memberikan keterangan dan dengan melarang soalan yang tidak wajar kepada saksi kanak-kanak.

Pindaan-pindaan ini telah mula berkuat kuasa pada 11 Julai 2023, namun didapati masih terdapat keperluan untuk menambah baik peruntukan keterangan saksi kanak-kanak yang sedia ada. Antara lain, memastikan layanan sama rata diberikan kepada kanak-kanak dalam sistem undang-undang negara agar selaras, dengan izin, *global standards*.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan sedikit gambaran mengenai pengalaman yang perlu ditempuhi oleh seorang saksi kanak-kanak. Bayangkan seorang anak-anak kecil berumur tujuh tahun dalam satu keluarga yang dibelenggu isu keganasan rumah tangga atau seorang kanak-kanak yang menjadi mangsa dalam- kepada situasi pembuli siber.

Kanak-kanak ini menjadi saksi utama dalam perbicaraan di mahkamah dan perlu menceritakan pengalaman yang dilalui kepada Hakim dalam persekitaran mahkamah yang tidak mesra kanak-kanak sambil berhadapan dengan para peguam yang berbicara dalam bahasa undang-undang, dengan izin, *legal jargon*.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sistem perbicaraan dan proses pemberian keterangan di mahkamah adalah suatu pengalaman yang menggerunkan kepada orang dewasa. Bayangkan ketakutan yang akan dialami oleh seorang kanak-kanak.

■1140

Selain daripada itu, cara penyoalan dalam mahkamah amat berbeza dengan cara kanak-kanak berkomunikasi. Prosedur seperti pemeriksaan balas, dengan izin, *cross examination*, boleh menyukarkan dan mengganggu saksi kanak-kanak akibat caranya yang berkonfrontasi dan agresif. Tambahan pula, kedudukan undang-undang keterangan saksi kanak-kanak yang sedia ada bersifat diskriminasi dan lapuk termasuklah andaian undang-undang lapuk bahawa kanak-kanak terdedah kepada fantasi dan tidak boleh dipercayai.

Maka, faktor-faktor ini boleh menyebabkan kekurangan laporan, dengan izin, *underreporting*, dan ibu bapa tidak mahu terlibat dalam proses perbicaraan ataupun melibatkan kanak-kanak dalam prosedur mahkamah.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara ahli kepada Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak, dengan izin, *Convention on the Rights of the Child (CRC)* sejak 17 Februari 1995, kita hendaklah memastikan usaha berterusan dilaksanakan untuk melakukan yang terbaik untuk kanak-kanak dalam negara kita.

Dalam hal ini, dengan izin, *General Comment No. 12* tahun 2009 berkenaan dengan hak seorang kanak-kanak untuk didengari, dengan izin, *The United Nations Committee on the Rights of the Child* bahawa semua kanak-kanak berhak untuk memberi keterangan dalam prosiding kehakiman tanpa mengira umur.

Dengan izin, *The United Nations Guideline on the Justice in Matters Involving Child Victim and Witness of Crime* juga menyatakan dengan jelas bahawa setiap kanak-kanak harus dianggap sebagai saksi yang berkebolehan dan keterangan mereka tidak boleh dianggap tidak sah atau tidak dipercayai hanya kerana usia kanak-kanak itu semata-mata.

Sebagai langkah ke hadapan bagi menggerakkan usaha berkenaan dengan pindaan fasa kedua ini, Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan beberapa sesi libat urus berkaitan dengan cadangan pindaan dasar yang berkaitan bersama dengan Jabatan Peguam Negara, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Pesuruhjaya Kanak-kanak, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, pihak-pihak berkepentingan yang terdiri daripada wakil agensi, ahli akademik, pakar undang-undang keterangan, UNICEF dan organisasi masyarakat sivil termasuk *Child Rights Innovation and Betterment* (Yayasan CRIB), *Voice of The Children*, Keman Kolektif, Pusat Kesedaran Wanita, *Monsters Among Us*, Firma Pakar Rundingan ENGENDER, Persatuan Para Wanita

Untuk Wanita Sarawak, Persatuan Peguam Wanita (AWL), Pertubuhan Pergerakan Wanita Johor (JEWEL), Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) dan *All Women's Action Society* (AWAM) bagi membincangkan hala tuju serta mendapatkan input dan makluman balas persediaan dasar dan membincangkan parameter cadangan pindaan pada Akta 676.

Dengan mengambil kira semua maklum balas yang diberikan oleh pihak-pihak berkepentingan, cadangan-cadangan pertimbangan dasar telah disediakan secara khususnya yang melibatkan pindaan kepada Akta 646 serta akta-akta yang memperuntukkan mengenai keterangan saksi kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, cadangan rang undang-undang ini mengandungi lima fasal dan bertujuan untuk meminda Akta 676 dengan objektif utama untuk membuat peruntukan yang berhubungan dengan keterangan saksi kanak-kanak yang lebih baik.

Pada masa ini, Akta 676 mengandungi peruntukan berkenaan dengan cara saksi kanak-kanak memberikan keterangan, sementara peruntukan substantif yang berhubungan dengan kekompetenan saksi kanak-kanak dan keterangan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya serta peruntukan mengenai sokongan keterangan saksi kanak-kanak adalah dinyatakan dalam Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*].

Selain daripada Akta Keterangan 1950, perundangan lain iaitu Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 [*Akta 792*], Akta Sumpah dan Ikrar 1949 [*Akta 194*], Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 [*Akta 747*] dan Akta Angkatan Tentera 1972 [*Akta 77*] juga mengandungi peruntukan mengenai keterangan yang diberikan oleh saksi kanak-kanak.

Dengan pindaan kepada Akta 676 untuk mengadakan peruntukan bagi kedua-dua peruntukan substantif dan tatacara mengenai keterangan saksi kanak-kanak, Akta 676 akan menjadi perundangan utama yang memberikan tumpuan mengenai keterangan saksi kanak-kanak dan oleh itu, pindaan berbangkit perlu dibuat kepada Akta Keterangan 1950, Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017, Akta Sumpah dan Ikrar 1949, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 dan Akta Angkatan Tentera 1972 untuk meniadakan peruntukan yang perlu mengenai keterangan yang diberikan oleh saksi kanak-kanak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, pindaan-pindaan ini juga akan dilaksanakan dalam mesyuarat kali ini. Perincian dan penjelasan lanjut mengenai fasal-fasal di bawah rang undang-undang ini adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam naskhah biru, dengan izin, *the blue bill*.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk menggantikan tajuk panjang Akta 676 supaya selaras dengan perluasan skop Akta 676 untuk memperuntukkan mengenai kedua-dua aspek tatacara dan substantif bagi keterangan saksi kanak-kanak.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 676 dengan takrif “saksi kanak-kanak” untuk membetulkan takrif itu dengan memotong rujukan mengenai “seorang tertuduh”.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan ke dalam Akta 676, Bahagian baharu IA dan IB. Bahagian IA mengandungi seksyen 2A, 2B, 2C dan 2D yang berhubungan dengan kekompetenan saksi kanak-kanak, keterangan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya, inkuiri mengenai kekompetenan saksi kanak-kanak dan keupayaan saksi kanak-kanak untuk memahami sifat sumpah dan keterangan saksi kanak-kanak tanpa sokongan yang diberikan dengan sumpah atau selainnya masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kehendak mandatori bagi sokongan keterangan saksi kanak-kanak telah pun ditiadakan bagi maksud pensabitan tertuduh bagi kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 [*Akta 792*] dan mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam jadual ke dalam akta itu serta pensabitan tertuduh bagi kesalahan keselamatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2017.

Prinsip keterangan sokongan dan penggunaan amaran tentang keterangan kanak-kanak adalah berdasarkan andaian undang-undang lapuk bahawa kanak-kanak terdedah kepada fantasi dan tidak boleh dipercayai. Andaian lapuk ini adalah berdasarkan *common wisdom* dan bukannya sains atau bukti. Kini, tanggapan bahawa kanak-kanak lebih cenderung untuk berbohong, mudah dimanipulasi atau mengelirukan fakta dengan fantasi telah ditolak oleh penyelidikan dengan pembuktian sains.

Sebagai tindak balas kepada bukti ini, prinsip undang-undang keterangan sokongan mandatori dan keperluan untuk memberikan amaran tidak lagi wujud di negara-negara lain, dengan izin, *the common law* seperti *United Kingdom*, Kanada, Australia dan New Zealand bermula pada tahun 1980-an.

Bahagian IB pula mengandungi seksyen baharu 2E bertujuan untuk memberikan panduan kepada mahkamah dalam memulakan pengurusan kes di bawah seksyen 172B Kanun Tatacara Jenayah untuk memberikan arahan berkenaan dengan cara saksi kanak-kanak memberikan keterangan dan bagaimana pemeriksaan saksi kanak-kanak akan dijalankan. Pemberian arahan ini adalah mandatori apabila pengurusan kes itu adalah berkenaan dengan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 atau kesalahan yang dinyatakan dalam jadual kepada akta itu jika mangsa itu adalah kanak-kanak.

Seksyen ini seterusnya memperuntukkan bahawa dalam memberikan arahan itu, mahkamah boleh mengambil kira, antara lain, umur saksi kanak-kanak dengan keperluan

khas saksi kanak-kanak itu. Menjadi matlamat peruntukan ini untuk memastikan pertimbangan awal dibuat mengenai langkah di bawah Akta 676 yang akan digunakan untuk membantu saksi kanak-kanak untuk memberikan keterangan supaya perkiraan yang sesuai boleh dibuat bagi memastikan perbicaraan berjalan dengan lancar.

Sebagai tambahan, pemberian arahan semasa pengurusan kes akan memberikan masa yang mencukupi kepada pihak-pihak untuk membuat persediaan sewajarnya dan mengurangkan bantahan dan gangguan semasa pemberian keterangan oleh saksi kanak-kanak yang akan mengganggu perasaan saksi kanak-kanak dan memanjangkan proses pemeriksaan.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 6 Akta 676 untuk memasukkan subseksyen baharu (2A) yang membenarkan rakaman video keterangan saksi kanak-kanak diterima sebagai keterangan tanpa disertakan dengan transkrip dalam bahasa asal yang digunakan dalam rakaman video itu dan terjemahan bahasa asal yang digunakan dalam rakaman video itu dengan syarat mahkamah berpuas hati bahawa penyediaan transkrip bahasa asal itu tidak boleh dilaksanakan.

Adalah diharapkan bahawa melalui cadangan pindaan ini, kanak-kanak dan ibu bapa akan lebih yakin untuk melaporkan kesalahan dan lebih selesa untuk memberi kerjasama dalam prosiding jenayah jika mereka yakin kepentingan kanak-kanak yang terlibat akan dijaga. Kanak-kanak juga boleh mendapat keadilan tanpa melalui trauma tambahan atau, dengan izin, *secondary victimization* dan mereka boleh memberi keterangan dengan lebih baik dan akan mendorong kepada perbicaraan yang lebih adil memandangkan keterangan oleh saksi kanak-kanak akan diberi layanan yang sama seperti saksi-saksi yang lain.

Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, sebaik mana pun hasrat di sebalik pindaan ini, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak yang terlibat pada setiap peringkat pelaksanaan undang-undang ini, baik Pegawai Polis, Peguam, mahupun mahkamah supaya hasrat sebenar di sebalik undang-undang ini difahami secara jelas, lantas dapat dikuatkuasakan dengan sebaik mungkin untuk kanak-kanak dalam negara kita.

■1150

Dengan izin, *it is not the enactment of the piece of legislature per say, but the implementation of the law that ultimately matters*. Maka, keberkesanan undang-undang bergantung kepada cara ianya dikuatkuasakan dan dilaksanakan bagi rakyatnya. Dalam hal ini, terdapat keperluan bagi latihan yang sesuai dilaksanakan secara berterusan dan berkesan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran semua pihak yang terlibat mengenai semua aspek undang-undang baharu ini.

Sememangnya cadangan pindaan ini menggambarkan iltizam politik- *political will* Kerajaan Madani ke arah terus mereformasikan undang-undang negara kita, selaras dengan

arus perkembangan masa dan standard antarabangsa. Dengan hormatnya Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah rang undang-undang bernama sesuatu akta untuk meminda Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada 14 orang yang nak berbahas. Maka saya buat ketetapan bahawa masa diberikan adalah 5 minit seorang. Dipersilakan Dato' Kesavadas untuk memulakan perbahasan.

11.51 pg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih YB Martina bagi saya peluang untuk *jump the que* sebab ada mesyuarat. Merujuk kepada peruntukan baharu seksyen 2A yang menggariskan tentang kredibiliti kanak-kanak sebagai saksi dalam satu-satu prosiding mahkamah. Saya ingin menyatakan pandangan saya mengenai proses *inquiry* yang disebut dalam seksyen 2C.

Dalam perspektif guaman, seseorang saksi tersebut, saksi yang berumur di bawah 16 tahun, perlu mempunyai kredibiliti yang tidak boleh dipersoalkan dalam aspek pemahaman dan pengucapan. Justeru, seseorang saksi kanak-kanak perlu dibuktikan untuk diperakui terlebih dahulu oleh mahkamah, sama ada dia benar-benar mempunyai kompetensi yang diperlukan oleh seksyen 2A untuk memberi keterangan dalam satu-satu prosiding atau tidak.

Saya secara prinsipnya bersetuju dengan pelaksanaan amalan *inquiry* oleh mahkamah, yang digariskan dalam seksyen 2C dengan bersandarkan justifikasi-justifikasi yang berikut”:

- (i) *inquiry* tersebut membolehkan seseorang saksi kanak-kanak memahami aturan atau *sequence* serta tatacara prosiding mahkamah yang memerlukan dia untuk memberi keterangan secara lisan;
- (ii) *inquiry* tersebut penting kepada seseorang saksi kanak-kanak untuk memahami dengan jelasnya inti pati serta keperluan sumpah yang perlu diangkatnya sebelum permulaan satu-satu prosiding di mahkamah;
- (iii) seperti yang disebut dalam seksyen 2C(2) *inquiry* tersebut penting untuk memastikan kelancaran prosiding yang telah pun bermula dengan memastikan seseorang saksi kanak-kanak itu berupaya memberi keterangan secara konsisten; dan

- (iv) *inquiry* tersebut penting kepada mahkamah untuk menilai serta meneliti sama ada seseorang saksi kanak-kanak itu tidak mengalami apa-apa bentuk gangguan psikologi yang boleh memberi implikasi kepada kredibiliti keterangan yang akan diberikan.

Walaupun begitu, saya ingin membangkitkan beberapa pertanyaan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan pelaksanaan *inquiry* tersebut:

- (i) adakah *inquiry* boleh dilakukan secara dalam talian menerusi panggilan video atau sebarang bentuk komunikasi yang bersifat secara langsung?;
- (ii) apakah mekanisme atau pendekatan yang boleh digunakan oleh mahkamah semasa menjalankan *inquiry* untuk memastikan seseorang saksi itu pada hakikatnya tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak, khususnya ibu bapa yang mungkin ada pertalian dengan tertuduh?; dan
- (iii) apakah bentuk bimbingan psikologi yang boleh dipertimbangkan oleh mahkamah bagi tujuan untuk mendorong seseorang saksi kanak-kanak yang enggan memberi keterangan di dalam satu-satu prosiding mahkamah atas faktor yang tidak dapat dinilai secara zahir?

Saya berpendapat bahawa tahap kompetensi atau kredibiliti seseorang saksi kanak-kanak perlu di sebaliknya oleh mahkamah semasa *inquiry* dijalankan. Oleh sebab itu, tatacara yang ditetapkan dalam seksyen 2C(3) dan (4) perlu dilaksanakan sebaik-baiknya oleh mahkamah untuk menilai sama ada seseorang kanak-kanak itu mempunyai keupayaan yang tidak boleh diragui atau sebaliknya, untuk memberikan keterangan sebagai saksi dalam satu-satu perbicaraan.

Penilaian terhadap kompetensi seseorang saksi kanak-kanak yang saya tekankan itu mempunyai kewajaran dalam aspek kehakiman, selain berupaya dijadikan sebagai ruang kepada mahkamah untuk memahami tingkah laku serta karakter seseorang saksi kanak-kanak. Penilaian kompetensi yang dibuat itu juga mampu melancarkan lagi perjalanan satu-satu perbicaraan kes, lebih-lebih lagi kes yang melibatkan keganasan fizikal yang berupaya untuk mempengaruhi reaksi psikologi seseorang saksi.

One more page. Yang terakhir saya ingin menyentuh berkenaan pengecualian penyediaan transkrip serta terjemahan skrip bagi video keterangan oleh saksi-saksi kanak-kanak yang digariskan dalam subseksyen (2A) yang merupakan peruntukan tambahan kepada seksyen 6(2). Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, mengenai kewajaran peruntukan baharu tersebut memandangkan pengecualian tersebut

boleh menyukarkan mahkamah serta pihak-pihak lain yang terlibat tersebut dibuat dalam bahasa asing.

Saya berpandangan bahawa mahkamah seharusnya diperuntukkan secara mutlak dengan ruang perundangan untuk memastikan setiap video keterangan yang dibuat dalam bahasa asing perlu disertakan transkrip serta terjemahan transkrip seperti yang ditetapkan dalam seksyen 62(2) sedia ada.

Sepertimana yang dinyatakan dalam pindaan seksyen 2E(4) yang memperuntukkan penglibatan pakar untuk membuat mahkamah dalam aspek kelancaran komunikasi seseorang saksi kanak-kanak, mahkamah juga perlu diberikan hak untuk disediakan pakar yang boleh membantunya bagi maksud penyediaan transkrip serta terjemahan transkrip.

Peranan mahkamah dalam mengendalikan satu-satu kes jenayah khususnya dimartabatkan dengan memastikan segala keperluan mengenai penyediaan video keterangan yang ditetapkan dalam seksyen 6(2), disediakan menerusi khidmat kepada pihak-pihak berkepakaran dalam bidang...

Timbalan Yang di-Pertua: YB Dato' Kesavadas, dah habis?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Datuk Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' ada mesyuarat... *[Ketawa]*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' ada mesyuarat.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya, sekian sahaja ucapan perbahasan, bagi saya *landing* sekejap. Betul tak? Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Terima kasih Dato' Kesavadas. Sekarang saya jemput Dr. Wan Martina Wan Yusoff.

11.58 pg.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Datuk Yang di-Pertua atas ruangan yang diberikan kepada saya untuk perbahasan rang undang-undang yang bertujuan untuk meminda Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007.

Datuk Yang di-Pertua, melalui perluasan skop Akta 676, sebagai perundangan utama mengenai saksi kanak-kanak, sejauh mana peruntukan substantif dan tatacara keterangan saksi kanak-kanak ini dapat memastikan perlindungan hak kanak-kanak secara menyeluruh, seperti yang termaktub dalam Artikel 12, Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) yakni hak untuk mendapatkan perbicaraan yang adil dan saksama di bawah sistem perundangan termasuk hak untuk beri keterangan sebagai saksi dalam mana-mana prosiding ataupun perbicaraan.

Apakah mekanisme penilaian yang digunakan untuk membezakan antara saksi kanak-kanak yang merupakan pemerhati kejadian dengan saksi kanak-kanak yang menjadi mangsa sebenar dalam kes gangguan seksual? Adakah pindaan ini juga telah mengambil kira keterangan saksi kanak-kanak di sebalik ancaman jenayah siber baharu termasuk kaedah baharu penderaan seksual kanak-kanak secara atas talian yang semakin kerap berlaku, mengambil kira amalan terbaik yang dipraktikkan di peringkat global?

Mengambil kira isu penderaan kanak-kanak dan jenayah terhadap kanak-kanak yang semakin meruncing cabang hari, adakah pihak kementerian turut merangka strategi khusus untuk mengesan dan mengenal pasti mangsa-mangsa yang enggan tampil membuat laporan berkaitan kes jenayah penderaan dan penganiayaan terhadap kanak-kanak, terutama yang membabitkan ahli keluarga yang terdekat. Dan akibatnya si pelaku tidak dibawa ke muka kehakiman, bahkan terlepas daripada hukuman yang setimpal.

■1200

Dengan pindaan ini, apakah bentuk inisiatif baharu dan sokongan yang ditawarkan dalam mewujudkan suatu persekitaran yang lebih mesra kanak-kanak di mahkamah- di kamar mahkamah, seperti yang disyorkan oleh Tabung Darurat Kanak-kanak Antarabangsa PBB supaya setiap saksi kanak-kanak dilayan dengan adil? Bagi membolehkan mangsa kanak-kanak menceritakan kisah sebenar tanpa merasa ketakutan atau dalam tekanan, terutama mereka yang mengalami penderaan seksual atau keganasan rumah tangga dalam keluarga.

Apakah penambahbaikan terhadap sesi pendengaran khas bagi membolehkan keterangan saksi kanak-kanak direkodkan sepenuhnya pada kadar segera sebelum ingatan mereka pudar? Apakah bantuan khusus yang ditawarkan untuk membantu mangsa atau saksi kanak-kanak daripada mengalami trauma berlarutan akibat terpaksa melalui proses perbicaraan yang panjang atau berulang mahupun tekanan yang dihadapi disebabkan kaedah soal jawab peguam yang mungkin tidak sesuai dengan tahap perkembangan mereka?

Saya juga merujuk kepada seksyen baharu 2B bertujuan menghendaki seorang saksi kanak-kanak untuk memberikan keterangan dengan sumpah jika dia telah mencapai umur 12 tahun dan mempunyai pemahaman yang mencukupi mengenai keseriusan memberikan keterangan dalam prosiding dan memahami kewajipan untuk bercakap benar.

Sejauh mana budi bicara mahkamah untuk menilai kebolehpercayaan saksi kanak-kanak dan menentukan pemberat keterangan yang diberikan oleh saksi kanak-kanak, mengikut kes spesifik supaya keterangan daripada setiap orang saksi kanak-kanak, sama ada secara bersumpah atau selainnya diberi layanan yang sama rata sekali gus menambah baik perlindungan saksi kanak-kanak dalam proses kehakiman?

Misalnya percanggahan keterangan yang berlaku antara saksi kanak-kanak dan ibu bapa seperti yang berlaku dalam kes Zayn Rayyan. Apakah inisiatif khusus kerajaan bagi mengelakkan kanak-kanak kurang upaya (OKU) menjadi sasaran perlakuan jenayah,

termasuk usaha mempergiatkan penganjuran program advokasi secara meluas untuk golongan ibu bapa yang memiliki anak istimewa?

Bagaimanakah kerajaan memastikan keberkesanan pemantauan dibuat bagi golongan saksi kanak-kanak yang diberikan peluang untuk memberi keterangan tanpa sumpah atas sebab mereka tidak memenuhi kehendak atau memberikan keterangan bersumpah serta implikasi yang terlibat?

Akhirnya, apakah usaha untuk menambah baik pemberian kuasa kepada mahkamah dalam aspek melarang soalan-soalan tidak wajar kepada kanak-kanak? Misalnya pertanyaan soalan dalam bahasa di luar kemampuan perkembangan saksi kanak-kanak, tumpuan kepada butiran kecil atau bertanya soalan secara berulang-ulang sehingga mengelirukan mereka dengan penggunaan struktur ayat yang sukar difahami. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB Dr. Martina. Sekarang saya jemput Senator Dr. Lingeshwaran a/l Arunasalam.

12.03 tgh.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani.

Sebelum saya membahaskan RUU ini, izinkan saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan salam takziah kepada keluarga mendiang Rajaswary Appahu atau lebih dikenali sebagai Esha atas kehilangan yang tragis disebabkan oleh *cyber bully baru-baru* ini. Saya minta daripada semua Ahli-ahli Dewan untuk berdiri dan mendoakan mengikut kepercayaan masing-masing untuk saudara Rajaswary untuk 30 saat.

Timbalan Yang di-Pertua: Sepatutnya saya yang buat *ruling* itu YB.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Okey. Saya minta Tuan Yang di-Pertua untuk... *[Dicelah]*

Timbalan Yang di-Pertua: Tak apa YB- teruskan ucapan.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Datuk Speaker.

Saya bersama-sama semua Ahli Dewan mula ini mengecam keras tindakan *cyber-bully* ini yang menyebabkan kematian seorang insan yang muda.

Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk turut terlibat dalam perbahasan RUU Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak dan diharapkan ia akan membuka ruang bagi saksi kanak-kanak untuk memberikan keterangan dalam keadaan yang lebih kondusif kepada keperluan mereka dan lantas mengurangkan trauma yang dihadapi.

Saya tertarik dengan hujah Dato' Seri Azalina tempoh hari yang menyatakan bahawa pindaan-pindaan yang dibuat ini bukanlah satu titik noktah kepada reformasi undang-undang berhubung dengan penglibatan kanak-kanak dalam sistem keadilan kita. Juga usaha kerajaan untuk beranjak kepada tema-tema tentang keselamatan digital yang sudah tentu akan meningkatkan lagi perlindungan kepada kanak-kanak kita, khususnya dalam kesalahan mengenali bahan penganiayaan seksual kanak-kanak.

Menurut akhbar *Sinar Harian* yang bertarikh 22 Mei 2024, kes jenayah seksual kanak-kanak meningkat saban tahun. Lagi merisaukan kes seksual kanak-kanak juga yang dilakukan oleh keluarga sendiri semakin membimbangkan di negara ini apabila menunjukkan peningkatan sejak empat tahun lalu dengan sebanyak 2,722 kes direkodkan sejak tahun 2020. Jumlah paling tinggi direkodkan ialah pada tahun lalu iaitu 766 kes berbanding 499 kes pada tahun 2020.

Bagi tahun ini, setakat empat boleh sehingga bulan April, sebanyak 268 kes telah dilaporkan. Ini memberi bayangan bahawa kes jenayah seksual kanak-kanak akan terus meningkat tahun ini.

Datuk Yang di-Pertua, menurut Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Jenayah Seksual Wanita dan Kanak-kanak (D11), Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan, "*Cabaran utama untuk bahagian D11 termasuk kurang laporan atau under reporting dengan izin, kurangnya kerjasama mangsa dalam siasatan Polis...*"

Sebagai contohnya, apabila Polis menerima maklumat mengenai alamat Internet protokol berdaftar tempat yang digunakan untuk mengakses bahan penganiayaan seksual kanak-kanak atau sebelum ini dikenali sebagai pornografi kanak-kanak dan menangkap suspek yang menggunakan alamat IP untuk jenayah itu. Polis mungkin menemui dan mengenal pasti mangsa kanak-kanak semasa siasatan.

Saya ingin bertanya kepada Menteri, berapa kes yang sama seperti senario di atas berlaku dalam lima tahun kebelakangan ini? Kenapakah pihak Polis tidak dapat meneruskan siasatan atau pertuduhan jika kanak-kanak atau ibu bapa mangsa tidak ingin tampil ke hadapan untuk membuat laporan Polis?

Datuk Yang di-Pertua, di bawah seksyen 19 Akta Keselamatan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017, terdapat penalti denda maksimum RM5,000 bagi mereka yang gagal untuk membuat laporan Polis mengenai niat seseorang untuk melakukan jenayah seksual terhadap kanak-kanak atau gagal membuat laporan Polis mengenai jenayah seksual tersebut. Saya ingin bertanya kepada Menteri, berapa kes yang telah dituduh dan telah disabit di bawah seksyen tersebut untuk lima tahun kebelakangan ini?

Datuk Yang di-Pertua, selain daripada pihak polis, kita juga tidak patut melupakan jasa CSO atau badan bukan kerajaan dalam usaha untuk menangani jenayah seksual kanak-

kanak badan-badan seperti *Women's Centre for Change Penang* dan *Protect and Save the Children Association of Selangor and Kuala Lumpur* telah menerbitkan maklumat dan garis panduan untuk membantu proses laporan polis dan juga temu ramah siasatan Polis ke atas kanak-kanak yang menjadi mangsa kepada jenayah seksual kanak-kanak. Kita harus menguar-uarkan usaha mereka dan juga memberi sokongan dan bantuan kepada mereka untuk terus bergiat aktif dalam isu ini.

Saya ingin bertanya kepada Menteri, adakah badan-badan tersebut menerima peruntukan daripada kementerian untuk membantu dalam menampung kos advokasi mereka? Jika ada, berapakah peruntukan yang telah disalurkan dalam lima tahun kebelakangan ini? Jika tidak, bolehkah kerajaan mempertimbangkan penyaluran peruntukan kepada badan-badan tersebut dan menjadikan mereka sebagai rakan kongsi dalam menangani isu ini?

Datuk Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini dan mengharapkan semua Ahli-ahli Dewan akan menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB. Lain kali YB hendak buat apa-apa, maklum pada saya dahulu. Ya?

Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Maklum Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik... *[Ketawa]* Terima kasih.

Dengan ini, saya jemput YB Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

12.09 tgh.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Malaysia Madani. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua atas peluang dan ruang yang diberikan untuk sama-sama berbahas mengenai Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007. Pindaan ini mencerminkan komitmen politik Kerajaan Madani untuk terus mereformasikan undang-undang negara kita agar selaras dengan perkembangan semasa dan standard antarabangsa.

■1210

Dengan pindaan ini, kita akan menggunakan peruntukan yang lebih baik berhubung keterangan saksi kanak-kanak, termasuk pindaan kepada Akta Keterangan 1950, Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 dan beberapa akta lain yang berkaitan.

Saya amat tertarik dengan yang pertama sekali tentang kekompetenan saksi kanak-kanak, di mana semua kanak-kanak hendaklah dianggap kompeten untuk memberi keterangan dalam mana-mana prosiding. Ini saya rasa pernyataan yang sangat penting kerana

banyak kes-kes mahkamah telah digugurkan kerana soal kekompetenan saksi kanak-kanak ini.

Malahan kekompetenan saksi kanak-kanak ini boleh ditentukan melalui inkuiri yang perlu diadakan sebelum proses mahkamah dijalankan dan dalam pengurusan kes mahkamah, mahkamah boleh tentukan apakah kaedah-kaedah yang paling munasabah, yang paling berkesan untuk menentukan kekompetenan saksi kanak-kanak, di samping menentukan apakah kaedah yang sesuai untuk kanak-kanak ini memberikan informasi-informasi yang penting semasa proses perbicaraan berjalan, termasuk kaedah-kaedah memberi keterangan melalui rakaman video.

Di samping itu juga, mahkamah diberi peluang seluasnya untuk mendapatkan informasi daripada saksi kanak-kanak ini tanpa menyebabkan mereka rasa tertekan dengan prosiding mahkamah. Sebagaimana dikatakan oleh YB Menteri tadi, orang dewasa pun bukan main lagi tertekan apabila memberi keterangan ataupun berhadapan dengan kes-kes mahkamah, apatah lagi kanak-kanak.

Jadi dalam soal ini, saya ingin menyarankan beberapa perkara untuk menambahbaikkan perundangan ini. Saya ingin mencadangkan iaitu golongan yang terlibat, hakim, *lawyer* dan kakitangan yang terlibat ini diberi latihan khusus tentang bagaimana berinteraksi secara berkesan dengan kanak-kanak supaya mereka, terutamanya mereka tidak tertekan. Kalau mereka tidak tertekan, mereka bebas untuk mengeluarkan pandangan atau mengeluarkan apa yang mereka nampak, mereka saksikan yang menjadikan mahkamah ini lebih *specialize* dalam mengendalikan kes-kes saksi kanak-kanak ini.

Di samping itu, kerajaan juga perlu menyediakan sokongan psikologi, kaunseling kepada kanak-kanak sebelum, semasa dan selepas mereka memberi keterangan. Ini adalah kerana untuk memastikan kesejahteraan mental, emosi kanak-kanak terjaga sepanjang proses perundangan serta memperketat peraturan mengenai perlindungan identiti saksi kanak-kanak untuk memastikan bahawa identiti mereka tidak didedahkan kepada umum. Ini termasuk larangan penerbitan nama, gambar, atau maklumat lain yang boleh mengenal pasti saksi kanak-kanak tersebut.

Selain itu juga, saya ingin menyarankan agar mahkamah memperluaskan penggunaan teknologi seperti rakaman video dan *teleconference* untuk membolehkan saksi kanak-kanak memberi keterangan tanpa perlu hadir secara fizikal di mahkamah. Saya rasa dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB kerana mematuhi masa... *[Ketawa]*
Sekarang saya jemput Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian.

12.14 tgh.

Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia Madani.

Datuk Yang di-Pertua, *alhamdulillah* pada hari ini saya telah diberi peluang untuk menyertai perbahasan tentang Rang Undang-undang Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2024.

Datuk Yang di-Pertua, sehubungan dengan Rang Undang-undang Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak yang saya bahaskan pada hari ini, mempunyai kaitan secara langsung dengan Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*] iaitu undang-undang khusus yang berfungsi untuk mengawal selia setiap aspek keterangan dalam mahkamah.

Jika merujuk kepada seksyen 118, Akta Keterangan 1950 yang menyatakan bahawa setiap orang yang dianggap sebagai saksi yang kompeten sehingga mahkamah berpendapat sebaliknya, maka keterangan saksi kanak-kanak adalah relevan untuk diterima. Namun, masih terdapat kebimbangan dalam menghadirkan kanak-kanak sebagai saksi dalam mahkamah, memandangkan wujudnya persoalan kerasionalan kanak-kanak sebagai saksi iaitu adakah kanak-kanak berkenaan kompeten untuk menjadi saksi.

Sebagaimana pelaksanaan Rang Undang-undang Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak perlulah dapat menjamin keesahan *validity* mahupun menjamin kebolehpercayaan *reliability* saksi kanak-kanak yang dihadirkan dalam mahkamah. Justeru, Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak perlu digubal agar ia dapat berdiri sendiri serta menjadi undang-undang khusus yang dapat mengawal selia keterangan saksi kanak-kanak.

Datuk Yang di-Pertua, dalam hal saksi kanak-kanak, kewibawaan mereka sebagai saksi dalam mahkamah menjadi persoalan sama ada keterangan boleh diterima atau sebaliknya.

Dalam seksyen 2, Akta Kanak-kanak 2001 [*Akta 611*] menyatakan bahawa individu yang berumur 18 tahun ke bawah adalah definisi bagi golongan kanak-kanak. Sementara Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 pula memperuntukkan bahawa saksi kanak-kanak itu adalah individu yang berumur 16 tahun ke bawah.

Di sini wujud percanggahan daripada segi kategori umur kanak-kanak yang mungkin menyebabkan kepentingan saksi kanak-kanak itu dipertikaikan. Maka, adalah penting agar satu peruntukan khas undang-undang bagi saksi kanak-kanak untuk menyelaraskan kategori umur kanak-kanak yang boleh dijadikan sebagai saksi dalam mahkamah.

Oleh itu, Rang Undang-undang Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak perlu dimuktamadkan agar persoalan daripada segi keupayaan fizikal mahupun mental kanak-kanak tidak menjadi faktor yang menyebabkan mereka tidak dianggap sebagai saksi penting dalam mahkamah.

Datuk Yang di-Pertua, setelah kita melihat adanya dua kategori umur kanak-kanak dalam peruntukan undang-undang sebelum ini, maka dalam Rang Undang-undang Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2024 adalah wajar dan memadai untuk memperuntukkan bahawa saksi kanak-kanak boleh memberi keterangan dengan sumpah jika telah mencapai umur 12 tahun dan kanak-kanak tersebut memahami sifat sumpah berkenaan. Sementara saksi yang berumur 12 tahun ke bawah, yang tidak memahami sifat sumpah menjadi saksi dengan memberikan keterangan iaitu mempunyai kewajipan untuk bercakap benar.

Namun demikian, dalam perihal seksyen 2B(4) menyatakan bahawa keterangan saksi kanak-kanak yang diberikan tanpa sumpah di bawah subseksyen (2) jika diterima oleh mahkamah, dilayan dengan cara yang sama dan cara seolah-olah keterangan tersebut diberikan dengan sumpah. Di sini terdapat percanggahan dalam seksyen 133A Akta Keterangan, yang menyatakan mahkamah memerlukan bukti sokongan sebelum menyabitkan kesalahan jika keterangan saksi kanak-kanak diberikan tanpa bersumpah.

Harus diperingatkan bahawa bila mana kanak-kanak atau saksi tersebut memberikan keterangan yang tidak bersumpah dan keterangan tersebut diambil sebagai di posisi, di bawah seksyen 269 Akta Keterangan, kesahihan, keterangan saksi kanak-kanak tersebut tidak dapat dipastikan kerana tidak ada sesi soal jawab oleh peguam bela. Tanpa sesi soal jawab peguam bela dengan saksi kanak-kanak tersebut, amat sulit untuk keterangan tersebut diberikan berat bukti yang setimpal kerana keterangan tersebut tidak pernah diuji melalui soal jawab atau *cross examination*.

Justeru, apa yang dikhuatiri adalah menyamakan keterangan saksi kanak-kanak yang diberikan secara bersumpah dan diuji melalui sesi soal jawab atau *cross examination* dengan keterangan saksi kanak-kanak diberikan tanpa bersumpah kerana kesahihan keterangan tersebut tidak teruji dan boleh jadi ada sebarang keterangan tersebut diberikan panduan motif yang tidak jujur.

Dalam situasi lain, kanak-kanak tersebut boleh jadi diarahkan oleh seseorang untuk memberikan keterangan sedemikian. Contohnya suami isteri yang sering bergaduh dan isteri yang ingin membalas dendam terhadap suami boleh saja mempengaruhi anaknya untuk membuat laporan palsu dan memberikan kenyataan tanpa bersumpah, tanpa perlu menghadapi soal jawab daripada peguam bela.

■1220

Perkara ini perlu diberi penelitian sewajarnya. Mohon sedikit masa lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: 30 saat... [Ketawa]

Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian: Datuk Yang di-Pertua, melalui Rang Undang-undang Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2024 ini, keraguan terhadap

sejauh mana kanak-kanak kompeten dalam menjadi saksi dapat juga diselaraskan. Ini kerana kanak-kanak yang menjadi saksi akan menjalani proses *inquiry* terlebih dahulu bagi mengenal pasti kanak-kanak tersebut berupaya untuk memberikan keterangannya dalam mahkamah atau sebaliknya.

Proses *inquiry* ini penting agar faktor-faktor seperti gangguan mental dan emosi kanak-kanak berkenaan tidak mengganggu kenyataan yang disampaikan di dalam mahkamah. Selanjutnya, mahkamah boleh memutuskan sama ada kanak-kanak-kanak tersebut kompeten untuk menjadi saksi atau sebaliknya sekiranya proses *inquiry* ini telah dijalankan. Datuk Yang di-Pertua, kanak-kanak adalah individu yang perlu kita lindungi dan dijagai dengan sebaiknya kerana ia adalah amanah daripada Allah SWT kepada kita.

Maka dengan itu saya percaya bahawa melalui Rang Undang-undang Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2024, adalah titik permulaan untuk kita mengiktiraf saksi kanak-kanak dalam prosiding mahkamah sebagai individu yang boleh kita percayai dan mampu berfikir secara bijak dan matang dalam memberikan keterangan mereka. Kanak-kanak umpama kain putih. Kitalah yang mencorakkan bagaimana bentuknya. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB. Baik, sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Robert Lau.

12.21 tgh.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih Yang di-Pertua untuk peluang, untuk berbahas rang undang-undang pindaan ini. Pindaan kepada Akta Keseksaan Kanak-kanak 2007, Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 dan akta berkaitan adalah tindakan yang dialu-alukan.

Pindaan akta-akta tersebut membolehkan kanak-kanak memberi keterangan tanpa perasaan takut, memandangkan sifat sistem permusuhan dalam sistem mahkamah kita, dengan izin, *it makes giving evidence by a child less daunting even the nature of adversarial system in our court system*. Pindaan ini adalah tepat pada masanya dan penting memandangkan penderaan seksual kanak-kanak berlaku dalam talian merupakan kawasan penubuhan yang terbesar pada masa kini.

Oleh kerana undang-undang yang sedia ada dirangka untuk kes-kes dalam talian, membuktikan ramuan kesalahan yang berlaku dalam talian adalah pematuhan dengan cabaran. Kita dapat melihat dan membaca bahawa bilangan laman web yang terlibat dalam bahan kenderaan seksual kanak-kanak adalah besar dan meningkat. Saya ingin bertanya soalan berikut. Berapa bilangan kes penderaan seksual yang dilaporkan kepada polis, sejak akta tersebut diluluskan pada tahun 2017?

Berapa banyak kes ini melibatkan penderaan seksual dalam talian dan berapa banyak kes yang telah dibawa ke mahkamah, di bawah akta ini? Berapa ramai yang berjaya didakwa? Pada masa yang sama, adakah polis atau jabatan kerajaan yang berkaitan mempunyai statistik jumlah kes yang dilaporkan kanak-kanak didera secara seksual. Bidang undang-undang ini perlu sentiasa disemat dan dikemas kini untuk memastikan keadilan dilaksanakan dan kanak-kanak dilindungi semasa memberi keterangan.

Kita boleh mengikut apa yang telah dilakukan di bidang kuasa lain, terutamanya mahkamah United Kingdom yang mempunyai, dengan izin, *guidelines in relation to children giving evidence in family proceedings*. Garis panduan berkaitan itu ialah bertarikh 20 Jun 2011 dan, dengan izin, *code of crown prosecution* yang diterbitkan pada 26 Oktober 2018 dan telah dikemas kini baru-baru ini.

Pindaan ini, pindaan di hadapan kita hari ini telah menetapkan umur minimum 12 tahun untuk memberi keterangan secara bersumpah. Bagi mereka yang bawah 12, kanak-kanak itu akan dimaklumkan bahawa dia adalah kewajipan untuk bercakap benar. Soalan saya ialah mengapa umur 12 tahun dipilih sebagai penanda aras untuk mengangkat sumpah, dengan izin, *why was 12 years old chosen and the rational for it?*

Di bawah undang-undang United Kingdom, kecekapan kanak-kanak untuk memberikan keterangan diuji pada pemahamannya dan bukan berdasarkan umur. Bolehkah ini dianggap sebagai pendekatan yang lebih waras. Walau bagaimanapun dan akhir kata, perlu diingatkan bahawa prinsip tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah, *the principle of innocent until proven guilty*, dengan izin.

Dengan ini, saya menyokong rang undang-undang tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Senator Datuk Awang Sariyan.

12.26 tgh.

Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan untuk saya turut berbahas dalam isu berkaitan dengan pindaan Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007.

Pada dasar dan prinsipnya, saya memberikan dukungan penuh kepada pindaan akta ini ataupun rang undang-undang ini kerana ia merupakan satu bentuk transformasi dan juga transformasi sosial undang-undang negara. Selaras dengan perkembangan yang berlaku dalam kerangka keadilan, sistem keadilan sedunia seperti yang telah ditaklimatkan semalam.

Namun, berapa kebimbangan dan yang memerlukan susulan agar pindaan akta ini akan dapat dilangsungkan dengan berkesan terutamanya berkaitan dengan isu pokok yang dibicarakan oleh semua pembahas. Isu kekompetenan atau kompetensi kanak-kanak atau saksi kanak-kanak. Ini memerlukan suatu perencanaan tatacara yang sangat rapi atas faktor

psikologi, kognitif, linguistik dan tadi juga Yang Berhormat menyebut soal umur kognitif ataupun umur *biologist* kerana ini ada kaitan dengan soal kesahan atau kebolehpercayaan atau soal kekompetenan saksi kanak-kanak itu.

Bahkan juga dalam konteks persiapan aspek-aspek logistik yang diperlukan dalam proses, baik proses *inquiry* mahupun proses keadilan di mahkamah. Ini tentulah memerlukan suatu perencanaan pentadbiran yang rapi, bagi memastikan isu kekompetenan ini tidak menjadi suatu batu halangan dan pelaksanaan akta ini. Kedua yang ingin saya sentuh ialah soal keperluan diadakan khidmat pakar runding undangan terutama pakar psikologi kanak-kanak, baik dalam proses *inquiry* itu tadi mahupun dalam proses berlangsungnya secara kehakiman di mahkamah.

Ini kerana rujukan ini biasa dibuat memang pada pakar-pakar dalam bidang-bidang tertentu untuk memastikan kesahihan suatu fakta ataupun suatu keterangan yang diberikan itu dapat diterima ataupun tidak. Jadi, saya membayangkan atau menyarankan supaya dimasukkan suatu keperluan melantik perkara runding undangan bagi bidang psikologi kanak-kanak dalam proses *inquiry* dan juga dalam proses berlangsungnya sistem keadilan di mahkamah.

Seterusnya yang ingin saya sentuh ialah adakah atau kementerian ataupun kerajaan sendiri telah melaksanakan suatu kajian menyeluruh tentang isu-isu yang timbul dalam pelaksanaan penggunaan saksi kanak-kanak ini yang dilangsungkan di negara-negara lain. Ini kerana isu-isu yang timbul di negara-negara lain saya kira ada kaitan dan sangat relevan dalam konteks serta mempelajari isu-isu dan keberkesanan tatacara ataupun kaedah yang dilaksanakan dalam penggunaan saksi kanak-kanak ini.

Satu lagi yang saya ingin sentuh barangkali, bual pun disebut ada keterangan secara rakaman dan sebagainya. Bagi kanak-kanak yang mengalami kecacatan pendengaran dan pertuturan perlu direncanakan supaya ada kemudahan untuk bahasa isyarat itu diterima sebagai suatu bentuk keterangan saksi kanak-kanak dan ini memerlukan dengan sini pakar bahasa isyarat bagi menterjemahkan ataupun menginterpretasikan keterangan oleh saksi kanak-kanak yang terbabit.

■1230

Datuk Yang di-Pertua, saya kira itu sahaja yang ingin saya kemukakan dan dengan ini saya mohon menyokong pindaan akta yang berkaitan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Sekarang saya jemput Senator Tuan Amir bin Md. Ghazali.

12.30 tgh.

Tuan Amir bin Md. Ghazali: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat tengah hari. Terima kasih kerana diberikan saya peluang berbahas di Dewan yang

mulia mengenai Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2024. Pindaan tentang 676, kenaikan umur, keterangan saksi, kompetensi kanak-kanak itu perlu dimulai melalui kaedah dan garis panduan yang ketat serta memastikan penglibatan badan-badan profesional.

Saya ingin menyentuh tentang situasi di mana kanak-kanak menjadi saksi kes, apatah lagi umur yang dikategorikan sebagai belum matang berhadapan dengan *high inquiry session*. Ia akan mewujudkan sindrom trauma yang berlanjutan hingga dewasa jika tiada kaunseling dan rawatan susulan minda daripada pihak yang wewenang.

Terdapat beberapa contoh kes yang melibatkan kanak-kanak. Situasi ini memberi gambaran tentang bagaimana undang-undang yang digunakan untuk melindungi kepentingan dan kesejahteraan kanak-kanak semasa proses perbicaraan sejajar dengan apa yang kita semua bahaskan pada tengah hari ini dengan meminda Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak yang memerlukan sokongan semua pihak.

Datuk Yang di-Pertua, berikut adalah beberapa contoh yang mesti saya ingin sentuh, bentang dan kongsi kan kepada semua Ahli Dewan. Yang pertama tentang kes kesalahan seksual. Kanak-kanak mungkin menjadi saksi dalam kes kesalahan seksual seperti pemerkosaan ataupun penderaan seksual. Dalam kes ini, kanak-kanak mungkin diperlukan untuk memberikan keterangan mengenai peristiwa yang mereka alami atau saksikan. Proses perbicaraan ini perlu dilakukan dengan berhati-hati untuk mengelakkan penyoalan yang merosakkan bagi menjamin keadilan semua pihak.

Kedua, kes keganasan rumah tangga banyak berlaku sekarang ini dan semakin meningkat. Kanak-kanak ini juga mungkin akan menjadi saksi dalam kes keganasan dalam rumah tangga antara ibu bapa dan penjaga. Mereka mungkin akan memberi keterangan mengenai insiden-insiden keganasan yang mereka lihat atau alami di dalam rumah.

Yang ketiga, situasi apatah lagi hari ini ada kes masalah rumah tangga, kes perceraian dan juga hak penjagaan yang meningkat naik. Dalam proses perceraian atau pertikaian hak penjagaan ini, kanak-kanak terlibat. Mungkin diminta memberi keterangan mengenai hubungan dengan ibu bapa mereka, keadaan kehidupan sehari-hari dan ini semua terkait dengan emosi mereka. Penting, ada keperluan untuk dipantau serta pengawasan daripada pihak-pihak yang berwajib.

Keempat ialah situasi di mana kes penganiayaan atau penderaan fizikal. Kanak-kanak ini yang menjadi mangsa penganiayaan fizikal oleh orang tua atau penjaga mungkin mereka akan memberi keterangan dalam mahkamah mengenai kecederaan mereka ataupun insiden-insiden keganasan yang mereka alami. Orang dewasa pun bermasalah nak jawab, tambah pula kanak-kanak.

Situasi yang kelima ialah kes kehilangan sempadan atau pemindahan orang tua, perebutan kanak-kanak. Kanak-kanak mungkin menjadi saksi dalam kes di mana mereka

terlibat dalam proses pemindahan ataupun pertikaian sempadan antara ibu bapa ataupun penjaga. Dalam setiap kes ini, mahkamah berusaha untuk memastikan bahawa kanak-kanak memberi keterangan dengan cara yang sesuai, dengan tahap penghayatan mereka dan dengan menjaga kebajikan mereka.

Langkah-langkah ketika ini menggunakan perantara keterangan ataupun sekatan pertanyaan tertentu mungkin dikenakan untuk melindungi kanak-kanak daripada tekanan emosi atau trauma yang tidak perlu semasa memberi keterangan. Datuk Yang di-Pertua, penggunaan perantara keterangan. Dalam beberapa situasi, mahkamah boleh membenarkan penggunaan orang-orang tengah ataupun kaunselor kanak-kanak untuk membantu proses pemeriksaan atau menyampaikan keterangan kanak-kanak kepada mahkamah dengan cara yang lebih sesuai dan meminimumkan trauma tersebut.

Datuk Yang di-Pertua, seksyen 118A Akta Keterangan ini juga memberi kuasa kepada mahkamah bagaimana untuk memutuskan keterangan kanak-kanak dapat dipenuhi dan bagaimana prosedur pemeriksaan dijalankan. Mahkamah juga boleh mengenakan sekatan terhadap pertanyaan yang tidak sesuai yang boleh mengundang tekanan emosi yang berlebihan kepada kanak-kanak.

Akhirnya, yang paling penting adalah pendidikan dan kesedaran. Pihak berkuasa undang-undang dalam negara kita harus berusaha untuk meningkatkan pendidikan dan kesedaran mengenai proses memberi keterangan kanak-kanak di kalangan profesional, undang-undang, kaunselor dan juga penegak hukum. Ini termasuklah memastikan mereka memahami keperluan untuk mendekati kes ini dengan penuh sensitiviti terhadap kanak-kanak.

Datuk Yang di-Pertua, saya menyokong RUU Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2024. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Tuan Amir.

Yang Berhormat, nampaknya ada tinggal lagi tiga atau empat orang sahaja yang akan berbahas. Masa dah 12.35. Menteri nak *start* menggulung sekarang? Hendak mula menggulung sebelum pukul 1 dan sambung balik 2.30 ataupun nak mulakan pukul 2.30?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Dato' Sri Azalina binti Othman Said]: Mula 2.30 lah senang.

Timbalan Yang di-Pertua: Mula 2.30 ya?

Dato' Sri Azalina binti Othman Said: Kalau tak kejar kereta kita, *pi* pula kena tinggal.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. YB Menteri dah minta nak gulung pukul 2.30. Jadi, pembahas yang tinggal saya berikan masa lebih lah daripada 5 minit untuk nak habiskan masa sampai jam pukul 1. Jadi, ada tiga lagi tinggal- Datuk Nelson Angang, Datuk Dominic, Dato' Salehuddin Saidin.

Jadi, saya jemput Datuk Nelson untuk berbahas.

12.36 tgh.

Tuan Nelson W Angang: Selamat pagi, salam sejahtera dan salam Madani. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk turut serta dalam perbahasan berkaitan dengan rang undang-undang untuk meminda Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak. Sudah tiba masanya satu pindaan dilakukan terhadap Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak bersesuaian dengan kehendak dan cabaran semasa berkaitan dengan kesalahan-kesalahan, terutama kesalahan seksual yang melibatkan mangsa kanak-kanak.

Pengenalan kepada Bahagian baharu IA khususnya seksyen 2A berkenaan dengan kekompetenan saksi kanak-kanak dan seksyen 2B yang mana keterangan saksi kanak-kanak boleh diberikan dalam keadaan bersumpah dan tidak bersumpah bagi saksi kanak-kanak adalah bersesuaian untuk memastikan setiap keterangan lebih-lebih lagi daripada saksi kanak-kanak dapat didengar dan dipertimbangkan oleh pihak mahkamah.

Dalam seksyen 2C juga memperuntukkan satu *inquiry* dibuat untuk menentukan sama ada saksi kanak-kanak tersebut kompeten untuk memberikan keterangan dalam situasi mana jika kompetensi kanak-kanak tersebut dicabar. Dalam prosiding jenayah, boleh dikatakan ini merupakan perkara yang pertama yang akan dibuat oleh pihak pembelaan atau tertuduh. Rang undang-undang ini juga bertujuan memansuhkan keperluan untuk keterangan sokongan saksi kanak-kanak.

Bahagian 2D sangat jelas mengenai perkara ini. Ini bermakna bahawa pihak pendakwa boleh memilih untuk bergantung semata-mata kepada keterangan saksi kanak-kanak itu tanpa mengemukakan keterangan sokongan. Persoalan dan kebimbangan yang wujud khususnya adalah berkaitan dengan isu keberatan keterangan atau, dengan izin, *the weight to be attached* terhadap keterangan kanak-kanak yang tidak bersumpah.

Persoalan saya YB Menteri, walaupun dengan pengenalan seksyen 2B sub (4) yang menyatakan bahawa keterangan saksi kanak-kanak hendaklah dilayan dengan cara yang sama seolah-olah keterangan itu telah diberikan dengan sumpah.

Namun, secara realitinya adakah penilaian dan pertimbangan pihak mahkamah terhadap beban pembuktian kes atau, dengan izin, *burden of proof* hanya dengan bergantung kepada keterangan kanak-kanak yang tidak bersumpah adalah mencukupi tanpa keterangan sokongan yang lain bagi melangkaui beban pembuktian kes *beyond reasonable doubt*?

Terdapat banyak *precedent* dalam kes-kes bagi keterangan saksi yang tidak bersumpah, dengan izin, *no weight is attached to it* atau tiada keberatan keterangan yang dibuat oleh pihak mahkamah. Saya menyokong pengenalan undang-undang yang membenarkan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun yang tidak memahami sifat sumpah untuk memberi keterangan.

Apa yang penting saksi kanak-kanak ini dapat diberi ruang dan peluang untuk memberi keterangan mereka di mahkamah untuk pertimbangan pihak mahkamah. Namun, bagi

memastikan bukan sahaja kompetensi kanak-kanak tersebut diterima, kita juga mahukan keterangan saksi kanak-kanak ini diterima oleh pihak mahkamah.

Kebimbangan tertumpu kepada kecekapan dan kualiti penyiasatan dan pengendalian pendakwaan di mahkamah dengan pemansuhan kehendak mandatori untuk keterangan saksi kanak-kanak tanpa sumpah hendaklah disokong. Sebelum pindaan ini dibuat, keterangan seorang saksi kanak-kanak perlulah disokong.

■1240

Mungkin ada sebab di sebalik keperluan ini. Mungkin daripada segi untuk memastikan kes pendakwaan adalah kuat dengan bukti-bukti yang dikemukakan di mahkamah dan juga untuk memastikan kualiti penyiasatan pihak Polis yang tinggi, yang mana pihak Polis atau pegawai penyiasat menyedari bahawa mereka tidak boleh hanya bergantung kepada keterangan kanak-kanak itu tetapi mereka juga perlu melihat lebih jauh untuk mencari bukti lain untuk menyokong keterangan saksi kanak-kanak tersebut. Kita tidak mempertikaikan kecekapan pihak Polis untuk membuat siasatan terhadap kes-kes berkaitan.

Namun, kita tidak juga boleh mengendahkan wujud kemungkinan di mana terdapat situasi, yang mana seorang Pegawai Penyiasat berpandangan sudah tidak ada keperluan untuk menyokong keterangan saksi kanak-kanak lagi. Kualiti dan usaha untuk menyiasat dengan lebih lanjut atau lebih terperinci diendahkan atau tidak dilakukan.

Human factor atau faktor manusia tidak boleh diabaikan dalam perkara ini. Jika terdapat hujah mengatakan bahawa kita perlu memberi anggapan atau, dengan izin, *benefit of the doubt* bahawa Pegawai Penyiasat akan terus membuat penyiasatan yang rapi bagi memastikan keterangan sokongan yang wujud di setiap kes, maka kenapa ada keperluan untuk memansuhkan kehendak mandatori keterangan sokongan terhadap keterangan saksi kanak-kanak yang tidak bersumpah?

Persoalan juga wujud terhadap cara pengendalian pihak pendakwaan terhadap kes-kes berkaitan, jika undang-undang sekarang tidak memerlukan keterangan kanak-kanak disokong, pihak pendakwaan mungkin memutuskan untuk tidak memanggil lebih banyak saksi atau mengemukakan keterangan sokongan atau bukti-bukti tertentu, jika ada pihak yang berhujah bahawa pihak pendakwaan akan mengetahui dan memahami kekuatan kes mereka dan keterangan atau bukti sokongan lain akan dikemukakan juga di mahkamah. Maka persoalannya, kenapa perlu untuk memansuhkan keperluan mandatori keterangan sokongan tersebut?

With respect, dengan izin, tidak keterlaluan untuk menyatakan *it is concerning*, merisaukan dengan hanya menyerahkan budi bicara, kebijaksanaan dan kepakaran setiap individu sama ada sebagai seorang pegawai penyiasat atau pihak pendakwa raya dalam membuat keputusan dan andaian sama ada keterangan saksi kanak-kanak tersebut sudah

memadai tanpa perlu mendapatkan dan mengemukakan keterangan sokongan semasa perbicaraan sesuatu kes di mahkamah.

Risiko terhadap kegagalan untuk membuktikan kes pendakwaan di mahkamah tidak boleh diandahkan. Kita perlu menghargai beban undang-undang dalam kes jenayah adalah untuk pihak pendakwaan membuktikan kesnya di luar keraguan munasabah- *beyond reasonable doubt*. Saya memahami terdapat hujah menyatakan, dengan izin, *we should leave the law developed through the courts*, untuk membenarkan undang-undang berkembang di mahkamah.

Namun, untuk menyatakan dan mengharapkan bahawa undang-undang boleh berkembang di mahkamah atau *development of the law through the courts*, saya katakan *the court can only do so much where there is insufficient evidence before it*, dengan izin. Jika keterangan saksi kanak-kanak yang tidak bersumpah...

Timbalan Yang di-Pertua: YB, YB boleh tamatkan ucapan?

Tuan Nelson W Angang: Yes, terima kasih. Kesan terhadap seorang kanak-kanak melalui pengalaman yang menggerunkan dalam memberi keterangan di mahkamah dan akhirnya, bagi kes pembunuhan, gagal untuk membuktikan akan meninggalkan kesan dan parut yang lebih besar untuk kanak-kanak itu.

Dalam usaha untuk memastikan keterangan saksi kanak-kanak diberi peluang untuk didengar dan dipertimbangkan di mahkamah, kita pada masa yang sama juga perlu memastikan integriti kualiti penyiasatan pihak polis dan pengendalian pendakwaan di mahkamah diperkasakan.

Dengan ini Yang di-Pertua, dengan ini Datuk Yang di-Pertua, saya menyokong terhadap pindaan kepada rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Sekarang ini ada tiga lagi pembahas yang tinggal. Bila YB Hasbie dah masuk, masa tinggal 17 minit. Saya berharap ketiga-tiga pembahas ini akan cuba isikan masa sampai jam 1 ya, tapi bagi-bagilah. Jadi, saya berikan masa 6 minit seorang.

Sekarang saya jemput YB Datuk Dominic Lau untuk berbahas.

12.44 tgh.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Datuk Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang saya untuk membahaskan RUU Keterangan Saksi Kanak-kanak. Datuk Yang di-Pertua, objektif yang terutama adalah memastikan kanak-kanak menikmati *equal treatment* atau layanan yang sama dalam sistem perundangan negara kita. Selari dengan piawaian antarabangsa. Saya telah meneliti beberapa tulisan, pendapat, cadangan dalam *public domain* atau domain awam dalam memahami keperluan pindaan ini. Berikutlah merupakan pandangan saya, termasuk cadangan yang menambah baik, yang boleh

ditimbang oleh pihak kerajaan sebagai susulan menyediakan suasana yang lebih selesa, lebih sihat, lebih selamat untuk kanak-kanak kita.

Di sini saya ada tiga cadangan sahaja. Cadangan yang pertama ialah meningkatkan kuasa mahkamah untuk mengosongkan galeri awam. Walaupun Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak membenarkan pemasangan skrin di mahkamah untuk mengelakkan saksi kanak-kanak daripada melihat dan dilihat oleh tertuduh. Namun, kanak-kanak itu sudah menyedari kehadiran orang awam di mahkamah.

Dalam kesalasan tertentu seperti mangsa serangan seksual, kanak-kanak mungkin merasa tidak selesa untuk memberi keterangan di hadapan orang ramai yang seterusnya akan menyebabkan kanak-kanak itu berdiam diri kerana ketakutan terhadap akibatnya. Untuk menyelesaikan isu ini, saya nak cadangkan agar mahkamah diberikan kuasa budi bicara untuk mengosongkan galeri awam apabila perlu. Saya ulang, apabila perlu.

Ini selaras dengan objektif Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Hak Kanak-kanak, UNCRC- *the United Nations Convention on the Rights of the Child*, dengan izin, untuk melindungi pentadbiran keadilan kanak-kanak daripada segi prosedur, di mana ketidakmatangan mental dan emosi kanak-kanak yang terlibat diambil kira.

Cadangan yang kedua ialah untuk menyediakan satu- bilik menunggu khas untuk kanak-kanak. Mengenai peruntukan ini, mahkamah harus memastikan bahawa kanak-kanak diletakkan dalam suasana yang selamat, sihat dan selesa dan semasa memberikan keterangan di mahkamah dan sebelum memberikan keterangan. Adalah sangat disyorkan untuk menyediakan bilik menunggu yang berasingan dikhaskan khusus untuk kanak-kanak sahaja. Ini adalah untuk mengelakkan kanak-kanak merasa tidak selesa ketika menunggu giliran mereka sambil duduk bersama saksi dewasa yang lain. Ini cadangan yang kedua.

Cadangan yang seterusnya, cadangan yang ketiga ialah mengadakan orang sokongan atau pengiring yang terlatih khas. Pengiring untuk saksi kanak-kanak sebaiknya perlu merupakan daripada kalangan profesional yang terlatih dengan garis panduan khusus untuk mereka yang sejajar dengan peruntukan standard antarabangsa dan bukan sekadar ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut.

Dalam beberapa kes tertentu, apabila keluarga kanak-kanak adalah pelaku pengiring yang terlatih khas ini penting untuk membantu kanak-kanak sepanjang proses keadilan bagi mencegah risiko paksaan atau menjadi mangsa sekunder. Pengiring juga akan bertindak sebagai pengantaraan dalam kes mahkamah apabila saksi memberikan keterangan di mahkamah dengan menyediakan maklumat tentang prosedur mahkamah, menawarkan sokongan emosi, melawat mahkamah sebelum perbicaraan untuk membiasakan saksi dengan susunan atur mahkamah dan menyediakan bantuan praktikal seperti pengangkutan saksi kanak-kanak ke mahkamah.

Datuk Yang di-Pertua, walaupun saya faham kemungkinan besar antara cadangan-cadangan yang saya diberikan mungkin dalam peringkat penguat kuasa ataupun sedia ada. Tak apalah, kita berterima kasih kepada kerajaan dan semua yang bekerja kuat dalam mempertahankan kebajikan kanak-kanak dalam perkara ini. Yang penting sebagai penggubal undang-undang, walaupun kita pembangkang, kita bertanggungjawab kepada kepentingan kanak-kanak kita. Saya mengambil peluang ini, sokong cadangan yang dimaksudkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB. Sekarang ini saya jemput Dato' Salehuddin bin Saidin. Ucapan pertama beliau.

12.49 tgh.

Dato' Setia Salehuddin Saidin: Terima kasih Yang di-Pertua. Terima kasih juga kerana telah mengizinkan saya untuk bercakap buat kali pertama di Dewan Negara ini. Biasa cakap dekat mahkamah sahaja. Hari ini suasananya yang agak berlainan sedikit. Namun, saya tidak mengambil masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dibangkitkan oleh Senator Datuk Nelson tadi, ada kebenarannya dan saya ingin menambah sedikit apa yang telah beliau perkatakan.

■1250

Sebenarnya, rang undang-undang berkaitan dengan keterangan saksi kanak-kanak ini ialah satu rang undang-undang yang memang seharusnya diadakan dan dipinda untuk memastikan bahawa keterangan kanak-kanak ini diterima dengan baik di mahkamah dan kanak-kanak ini dipelihara ketika memberikan keterangan di mahkamah.

Namun, ada seperkara yang saya ingin tarik perhatian kepada Yang Berhormat Menteri, berkaitan dengan keterangan tanpa sokongan saksi kanak-kanak yang mana dalam pindaan ini mengatakan bahawa, *"Apa-apa yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, seseorang tertuduh boleh disabitkan atau seseorang kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan boleh didapati bersalah bagi suatu kesalahan berasaskan keterangan tanpa sokongan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya"*.

Isu dia sekarang Yang di-Pertua, kanak-kanak dia ada dua kategori. Satu yang mengangkat sumpah, satu lagi yang tidak mengangkat sumpah, sama ada dia dah berumur 12 tahun ataupun sebelum tetapi tidak boleh mengangkat sumpah. *Now*, dalam undang-undang yang dipinda ini, kedua-dua kategori tersebut boleh digunakan oleh mahkamah untuk mensabitkan tertuduh tanpa sebarang keterangan sokongan. Persoalan dia, apa rasionalnya undang-undang begini diwujudkan? Ini kerana kita kena faham sebab nak mensabitkan seseorang tertuduh di mahkamah- sebab ini bukan kira tertuduh yang melakukan kesalahan

di bawah Akta Kesalahan Jenayah Seksual sahaja, tetapi melibatkan kanak-kanak sebagai tertuduh juga.

Jadi, kalau sekiranya kita mensabitkan tertuduh dan ataupun kanak-kanak sebagai tertuduh hanya berpandukan kepada satu keterangan yang bersumpah ataupun tidak bersumpah daripada seorang kanak-kanak tanpa sokongan, adakah adil kepada tertuduh itu tadi? Sebab kita tahu, nak sabitkan seseorang, "*A man is innocent until proven guilty*", dengan izin. Nak sabitkan seseorang, bukan sahaja keterangan perlu ada daripada saksi utama, malah, kena ada keterangan sokongan, tetapi dalam kes ini, risikonya untuk kita mensabitkan seseorang tertuduh tanpa keterangan yang jelas, tanpa keterangan yang boleh kita akui sebagai keterangan yang boleh mensabitkan tertuduh, ianya akan menyebabkan kemungkinan sabitan berlaku tanpa mendapat keterangan yang secukupnya.

Malah, apa yang lebih merisaukan apabila kita lihat kepada pindaan fasal 2(d)(3) yang mengatakan begini, "*Mana-mana rukun atau prinsip yang mengehendaki mahkamah untuk memperingatkan dirinya sebelum mensabitkan seseorang tertuduh atau membuat dapatan bahawa seseorang kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan bersalah bagi suatu kesalahan berasaskan keterangan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya semata-mata kerana keterangan itu diberikan oleh seseorang kanak-kanak hendaklah juga terhenti terpakai*".

Bermakna, apa-apa prinsip undang-undang yang sedia ada yang berkaitan dengan mahkamah, keperluan mahkamah mengingatkan pada dirinya bahawa ini adalah keterangan yang tiada sokongan. Sekurang-kurangnya, kalau kita gunakan ataupun peruntukan sivil masih ada, ianya dapat meyakinkan tertuduh bahawa mahkamah telah mengambil kira bahawa bahayanya untuk mensabitkan dengan keterangan kanak-kanak itu tadi, tanpa sokongan. Tetapi, sekarang ini, cadangan pindaan ini juga mahu menghapuskan peruntukan sedemikian.

Jadi, kalau peruntukan sedemikian pun dikeluarkan yang mana mahkamah, apabila mahkamah- undang-undang menyatakan mahkamah perlu mengingatkan dirinya, mahkamah perlu mencatatkan dalam nota prosiding bahawa dia telah mengingatkan diri dia bahawa keterangan yang nak digunakan adalah keterangan kanak-kanak yang bersumpah atau tidak bersumpah untuk disabitkan tanpa sokongan.

Jadi, disebabkan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mendapat sedikit penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Apakah rasional di sebalik keterangan yang begini yang nak digunakan untuk mensabitkan tertuduh? Tidakkah kita fikirkan juga kebajikan ataupun kedudukan tertuduh itu sendiri sebab ianya melibatkan bukanlah saja undang-undang yang berkaitan dengan Akta Kesalahan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak, ia juga melibatkan Akta Kesalahan Keselamatan Langkah-langkah Khas dan juga Akta

Angkatan Tentera 1972 yang mana ada kaitannya, hubungan antara pindaan yang dicadangkan.

Itu saja. Walau bagaimanapun, saya menyokong rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Saya terpesona mendengar hujah daripada YB tadi sebagai seorang pengamal undang-undang... [Ketawa]

Sekarang ini saya jemput pembahas terakhir kita iaitu YB Hasbie bin Muda.

12.55 tgh.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Datuk Yang di-Pertua atas peluang untuk saya turut sama membahaskan rang undang-undang ini.

Secara rumusnya, pindaan ini adalah satu pindaan yang progresif kerana membantu mengangkat keterangan daripada seorang saksi kanak-kanak tanpa sebarang cubaan diskriminasi dan juga intimidasi daripada mana-mana pihak terhadap kompetensi seorang saksi kanak-kanak. Pindaan ini juga memberikan hak keadilan terhadap kes-kes yang melibatkan kanak-kanak, terutamanya kes amang seksual dan sebagainya. Kes-kes sebegini dilihat semakin meruncing apabila melibatkan hubungan terdekat, misalnya seorang ayah ataupun abang, penjaga kepada anak-anak itu sendiri.

Cuma untuk ruang ini saya ingin penjelasan daripada Menteri. Pertamanya, apakah jaminan pihak kementerian terhadap proses inkuiri kerana disebutkan tadi? Adakah proses inkuiri ini akan menyebabkan keterangan yang diberikan oleh pihak saksi kanak-kanak itu bakal berubah sekiranya selepas inkuiri berkenaan saksi kanak-kanak itu disahkan kekompetennya? Itu yang pertama.

Keduanya, bagaimana suatu permintaan untuk menyoal tahap ataupun kekompetenan seseorang saksi itu boleh dilakukan? Adakah kementerian akan mengeluarkan satu garis panduan kerana kita bimbang sekiranya proses ataupun permintaan inkuiri itu dibuat secara sesuka hati ataupun tanpa asas yang kuat?

Seterusnya berkenaan dengan seksyen 2(b)(3). Secara puratanya, berapakah kes yang tempoh telah melangkaui satu jangka masa yang panjang di mana saksi kanak-kanak tersebut telah pun mencapai satu usia di mana mereka bukan lagi dikategorikan sebagai seorang kanak-kanak? Apakah tindakan dan perancangan daripada pihak kementerian supaya kes-kes terutamanya yang melibatkan saksi kanak-kanak ini dapat dipercepatkan?

Jadi, saya ingat itu saja Datuk Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: YB, YB, YB, kalau ada apa-apa cadangan lagi? Ada tiga minit lagi... [Ketawa]

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: *[Ketawa]* Saya ingat itu sajalah. Sebahagiannya telah disebut oleh rakan-rakan yang lain, tetapi bagi saya Datuk Yang di-Pertua, inilah satu reformasi ataupun satu dasar yang memberikan pengiktirafan ataupun suatu- pengiktirafan kepada kelompok kanak-kanak yang sebelum ini mungkin prosesnya agak tidak mesra, tetapi satu lagi saya ingat, sebelum tertinggal Datuk Yang di-Pertua ialah kita bercakap tentang prosedur, tetapi sejauh mana fasiliti kita di mahkamah memberikan ruang yang selesa kepada kanak-kanak?

Saya setuju dengan cadangan daripada YB Dominic tadi, perlu ada ruang khusus kerana saya difahamkan sekarang ini tak ada perkara sebegitu dan banyak mahkamah-mahkamah kita yang tidak mesra kepada saksi kanak-kanak. Saya harap ini diberikan perhatian oleh kerajaan...

Tuan Abun Sui Anyit: Sebelum duduk dulu, saya nak mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh, boleh. Silakan. Ada masa lagi.

Tuan Abun Sui Anyit: Boleh, ya- boleh, ya?

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Tuan Abun Sui Anyit: Saya juga ingin bertanyalah kepada kerajaan, saksi kanak-kanak ini, sekarang kalau kita ambil 18 tahun, bagaimana? Kadang-kadang, perbicaraan ini akan mengambil masa. Masa dia- kesalahan itu dilakukan, mungkin dia masih kanak-kanak. Dalam proses ini, dia jadi dewasa, lepas umur 18. Jadi, bagaimana kerajaan ataupun- ya lah, kehendak kerajaan untuk mahkamah melihat perkara itu? Daripada kanak-kanak menjadi umur dewasa. Jadi, ini juga penting kita pertimbangkan.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: Boleh masukkan ucapan YB Abun tadi dalam ucapan saya... *[Ketawa]*

Terakhir Datuk Yang di-Pertua, boleh juga untuk kita sebutkan tentang pindaan dalam seksyen 2D juga tadi. Ini juga satu perkara yang perlu dipuji kerana kerajaan dalam pindaan ini sememangnya mengangkat legitimasi sesebuah keterangan daripada saksi kanak-kanak dan bebas daripada perlunya disokong untuk mendapatkan sabitan dalam prosiding jenayah.

Jadi, saya ingat yang itu saja Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tahniah YB. Ngam-ngam pukul 1... *[Ketawa]*
Jadi, dengan ini dengan tamatnya perbahasan, Menteri akan mula menjawab jam 2.30 nanti. Jadi, dengan ini saya tempohkan persidangan Dewan ini dan disambung semula jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]

[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair mempengerusikan Mesyuarat]

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey, kita sambung ya. Okey, sekarang jemput Menteri jawab.

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)

[Dato' Sri Azalina binti Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih. Tuan Yang di-Pertua pun *dah* bahas tadi.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: *[Ketawa]*

Dato' Sri Azalina binti Othman Said: Sama ada saya jawab, *conflict of interest* ataupun saya beri jawapan bertulis... *[Ketawa]*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Itu *part of law*. Ini tugaslah.

Dato' Sri Azalina binti Othman Said: Tak ada. Saya buat lawak tengah hari. Kalau tak semua orang mengantuk Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya tengok macam mana. *If it's* terlampau *a bit difficult to jawab now*, saya buat secara jawapan bertulis ya.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya, boleh.

Dato' Sri Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua- 12 Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyertai sesi perbahasan Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2024. Segala cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat amat dihargai dan akan diberikan perhatian sewajarnya.

12 Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan rang undang-undang ini adalah Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair, Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff, Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah, Yang Berhormat Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian, Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew, Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan, Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Md Ghazali, Yang Berhormat Senator Tuan Nelson W Angang, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai, Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin Saidin dan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, saya akan menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan mengikut skop isu pindaan satu demi satu seperti berikut iaitu rasional kepada cadangan pindaan pada Akta 676 kekompetenan kanak-kanak sebagai saksi, pemansuhan keperluan undang-undang, keterangan sokongan mandatori, pengurusan kes, dengan izin, *case management* dan isu-isu yang lain seperti kesedaran melalui NGO dan sebagainya.

Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin Saidin menanyakan apakah rasional cadangan pindaan kepada Akta 676 secara keseluruhan.

Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana yang saya telah pun maklumkan dalam ucapan pembukaan rang undang-undang sebentar tadi, secara umumnya adalah antara cabaran yang mencetuskan cadangan pindaan terhadap Akta 676 ini pertama, kekurangan perlindungan dan sokongan yang bersesuaian menghalang kanak-kanak mempunyai akses kepada keadilan yang baik; penglibatan kanak-kanak dalam perbicaraan jenayah boleh mewujudkan perasaan yang takut seperti saya sebut tadi; kanak-kanak bukanlah orang dewasa dan ketakutan oleh kanak-kanak ini akan menjadi sifat perlindungan oleh ibu bapa yang tidak mahu anak-anak memberi keterangan.

Hal ini menyebabkan laporan kurang dibuat, dengan izin, *underreporting* ya. Itu antara cabaran yang paling besar di bawah jenayah seksual kanak-kanak ialah *underreporting* dan ibu bapa cenderung untuk menarik anak-anak mereka keluar daripada perjalanan kes pertengahan ya. Kecenderungan itu wujud kerana mereka mungkin rasa risau dan mereka tidak suka dan tidak mahu sentiasa pergi ke mahkamah atas proses keadilan kehakiman kadang-kadang memang memakan masa. Persekitaran yang sesuai perlu disediakan bagi kanak-kanak dalam proses keadilan jenayah yang berkesan.

Keduanya, prosiding perbicaraan jenayah seadanya telah dirangka oleh orang dewasa. Semua orang tahu bahawa tentang Undang-undang Keterangan antara *evidence in chief*, antara pihak pendakwa- *prosecution* dengan *defense* memang daripada awal selalu mengambil kira yang di *examination-in-chief* dalam mahkamah selalunya dirangka oleh orang dewasa dan dijawab oleh orang dewasa. Oleh itu, kanak-kanak memang menghadapi kesulitan apabila dalam sistem keadilan jenayah, ketidaksepadanan prosedur dan suasana mahkamah yang kadang-kadang dilihat sebagai *mismatch*.

Ketiganya, sistem undang-undang ini tidak adil terhadap kanak-kanak kerana Undang-undang Keterangan yang bersifat diskriminasi terhadap kanak-kanak. Terdapat peruntukan sedia ada yang masing-masing berlandaskan pada prinsip undang-undang *Common Law* yang lapuk sedangkan negara-negara Komanwel yang lain telah pun berganjak ke hadapan dengan memodenkan Undang-undang Keterangan Kanak-kanak selaras dengan peredaran masa dengan penekanan *global best practices*.

Keempat, kanak-kanak menjadi mangsa proses keadilan jenayah dengan izin, seperti yang saya sebut tadi, "*Children are victimized by the criminal trial process itself.*" Kadang-kadang nak memberikan keterangan pun ketakutan dan menganggap orang tidak mempercayai. Kadang-kadang menyebabkan kanak-kanak itu dalam nak beri keterangan pun boleh dilihat sebagai mangsa ya dalam proses kita yang ada.

Kelima, cara penyzoalan tidak sesuai dengan kanak-kanak sehingga mampu menjejaskan proses perbicaraan yang adil. Ini terbukti disebabkan kadang-kadang dalam

aspek *cross examination* dengan kanak-kanak ini, bila mereka tidak menjawab atau tidak menjawab tepat, tidak berertinya mereka tidak boleh menjawab.

Oleh itu, elemen kekompetenan kanak-kanak ini sebagai saksi ini kita membuat pindaan supaya bila kanak-kanak dipanggil untuk memberikan keterangan, premis pertama kita ialah elemen kekompetenan itu ada walaupun kita memang wujudkan *inquiry*, tetapi kita mesti ingat ya Tuan Yang di-Pertua, elemen kekompetenan berbeza dengan elemen kredibiliti ya. Kekompetenan itu ialah masuk ke pintu depan, semuanya dianggap sama. Kredibiliti itu dengan izin, *is the weight of the evidence*. Itu sebab *case management* itu penting.

Jadi, kalau daripada mula kekompetenan itu dilihat sebagai pada sifar- *negative, zero*, belum mula lagi keterangan diskriminasi itu wujud atas proses, sudah tentu proses keterangan kanak-kanak di mahkamah itu dilihat di dalam beberapa elemen yang *prejudge* ataupun negatif. Jadi sekarang, kita mewujudkan pindaan supaya kemasukan keterangan dalam elemen kompetensi dan *of course*, keberatan keterangan tersebut *the weight of the evidence* dilihat dalam aspek kredibiliti yang memang pun wujud dalam pindaan ini dalam dua proses yang kita wujudkan.

Kekompetenan kanak-kanak sebagai saksi Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda telah membangkitkan mengenai bagaimanakah satu permintaan untuk menyoal tahap kekompetenan seorang saksi dilakukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi tanggungjawab mahkamah untuk menentukan seorang saksi kanak-kanak itu berkompeten untuk memberi keterangan di mahkamah ataupun tidak. Kekompetenan saksi kanak-kanak tidak bergantung pada umur kanak-kanak sahaja. Sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen baharu 2(a) yang dicadangkan, semua kanak-kanak adalah kompeten untuk memberi keterangan pertama.

Sekiranya dia memahami soalan yang dikemukakan kepadanya dan kedua, dia boleh memberikan jawapan yang rasional terhadap jawapan tersebut. Namun, sekiranya kekompetenan saksi kanak-kanak itu dipersoalkan, maka mahkamah akan menjalankan *inquiry* yang sewajarnya mengenai kekompetenannya sebagaimana yang diwujudkan dalam seksyen 2(c) baharu yang diperkenalkan melalui rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai bertanya apakah rasional umur 12 tahun ditetapkan bagi kanak-kanak memberikan keterangan secara bersumpah?

■1440

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, seksyen 82 Kanun Keseksaan memperuntukkan bahawa dengan izin, "*nothing is an offence which is done by the child under ten of aged*". Manakala di bawah seksyen 83 Kanun Keseksaan pula, memperuntukkan bahawa, dengan izin, "*nothing is an offence which is done by the child above ten of aged and under twelve, who has not attained sufficient maturity of understanding to judge of the nature and the consequences of his conduct of that occasion*".

Ini bermaksud undang-undang menganggap bahawa apa-apa perbuatan oleh kanak-kanak di bawah umur 10 tahun, dengan syarat tertentu tidak terjumlah kepada satu kesalahan di bawah undang-undang. Prinsip yang sama juga diguna pakai dalam cadangan pindaan ini, untuk menentukan kekompetenan saksi kanak-kanak.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson pula bertanya tentang keberkatan keterangan, dengan izin *the weight of evidence*.

Untuk makluman Yang Berhormat, "kekompetenan" merujuk kepada keupayaan kanak-kanak itu untuk memberikan keterangan itu di mahkamah. Manakala, "kredibiliti" merujuk kepada kebolehpercayaan atau kebenaran keterangan kanak-kanak tersebut.

Subseksyen 2B(4) baharu di bawah rang undang-undang ini, memperuntukkan bahawa keterangan kanak-kanak yang diberikan secara tidak bersumpah hendaklah diberikan layanan yang sama sebagaimana keterangan saksi kanak-kanak yang diberikan secara bersumpah. Dalam hal ini telah dibangkitkan sama ada penilaian mahkamah yang hanya bergantung kepada keterangan saksi kanak-kanak, mencukupi untuk mensabitkan tertuduh. Untuk menjawab hendaklah ditekankan bahawa keterangan kanak-kanak hanya merupakan sebahagian daripada keterangan yang akan dikemukakan di mahkamah. Mahkamah juga akan menilai keterangan yang dikemukakan secara menyeluruh iaitu termasuk keterangan-keterangan lain.

Selain itu, mahkamah juga akan menilai kredibiliti kanak-kanak tersebut dan pendakwaan masih mempunyai beban pembuktian yang berat iaitu perlu membuktikan tertuduh melakukan kesalahan yang melampau keraguan munasabah dan, dengan izin, *beyond any reasonable doubt*. Sekiranya gagal memenuhi bebanan pembuktian itu tertuduh akan dilepas dan dibebaskan sama seperti kes lain yang melibatkan keterangan saksi orang dewasa.

Maknanya tuan Yang di-Pertua, tak ada pula pindaan ini kita mewujudkan elemen *strict liability* ye tuan Yang di-Pertua. Tak ada mengatakan bila kanak-kanak memberi saksi *automatically* disabitkan, tidak. Mahkamah masih memainkan peranan dalam aspek kredibiliti iaitu *weight of evidence*.

Kita membuat pindaan supaya- seperti yang saya sebut berulang kali, bila kanak-kanak itu sampai di mahkamah memberi keterangan, dilihat sebagai kanak-kanak itu mempunyai kekompetenan untuk memberi keterangan. Sudah tentu tertakluk kepada cabaran daripada mana-mana pihak yang akan dibawa kepada mahkamah untuk membuat penentuan. Maknanya masih ada- boleh, proses ini membenarkan mereka membawa kepada mahkamah, bahawa mereka tidak berpuas hati dan mahu isu kekompetenan itu diuji yang mana kita sebut dalam proses ini dalam pindaan akta ini, *inquiry* yang dinyatakan.

Sebab dalam akta ini, pindaan ini ada dua *inquiry* kepada kekompetenan, tetapi *case management* itu bila kes itu berjalan. Maknanya pada tiap *level* dan tahap melibatkan proses

keadilan jenayah bagi kanak-kanak, proses itu ada. Bukannya elemen kanak-kanak bagi pembuktian, terus *strict liability*. Itu bukan niat ataupun harapan daripada pihak kerajaan, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi selain daripada itu, walaupun seksyen baharu 2D, memperuntukkan bahawa mahkamah boleh mensabitkan seseorang tertuduh atas keterangan saksi kanak-kanak yang diberikan secara tidak bersumpah tanpa apa-apa keterangan sokongan, namun mahkamah masih boleh mengehendaki keterangan saksi kanak-kanak itu disokong oleh keterangan yang lain dalam apabila mahkamah mendapati kredibiliti saksi kanak-kanak itu meragukan ataupun dipersoalkan.

Sebagai contoh, apabila keterangan saksi kanak-kanak itu tidak konsisten dengan keterangannya sendiri, serta bercanggah dengan saksi-saksi pendakwa yang lain dibandingkan dengan penilaian maksimum, dengan izin, *maximum evaluation*, keseluruhan keterangan yang dikemukakan di hadapan mahkamah bagi kes berkenaan.

Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin juga bertanya tentang membangkitkan keperluan untuk meniadakan prinsip supaya mahkamah, dengan izin, *warned itself* sekiranya hakim tu memutuskan untuk mensabitkan seseorang tertuduh berdasarkan keterangan saksi kanak-kanak yang tidak disokong oleh keterangan sokongan.

Seksyen 133A Akta Keterangan 1950 memperuntukkan mengenai keperluan keterangan sokongan secara mandatori untuk kanak-kanak yang memberikan keterangan secara tidak bersumpah. Kehendak mandatori bagi sokongan keterangan saksi kanak-kanak telah pun ditiadakan bagi maksud pensabitan tertuduh bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Kanak-kanak 2017 ataupun mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam jadual pada akta itu sekiranya mangsa itu adalah kanak-kanak. Dan pensabitan tertuduh bagi mana-mana kesalahan keselamatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Kesalahan Keselamatan Langkah-langkah Khas 2012.

Peruntukan berkenaan telah menyimpang daripada seksyen 133A Keterangan yang memperuntukkan bahawa seorang tidak boleh disabitkan ke atas keterangan tanpa sokongan yang tidak diberikan atas sumpah oleh kanak-kanak yang berusia muda. Pindaan pada ketika itu tujuan untuk menaikkan status kanak-kanak sebagai saksi supaya keterangan mereka diberikan pertimbangan yang sewajarnya.

Pindaan pada hari ini adalah untuk memansuhkan kehendak mandatori bahawa keterangan saksi kanak-kanak yang diberikan tanpa sumpah hendaklah disokong untuk mendapatkan sabitan dalam prosiding jenayah. Pindaan selanjutnya juga memperuntukkan bahawa rukun yang mengehendaki bahawa mahkamah untuk memperingatkan dirinya sebelum mensabitkan seseorang tertuduh, atau membuat dapatan bahawa kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan, bersalah bagi satu kesalahan berasaskan keterangan

saksi kanak-kanak, yang diberikan dengan sumpah atau sekiranya semata-mata kerana keterangan itu diberikan oleh kanak-kanak, hendaklah terhenti terpakai.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan pindaan yang dibentangkan pada hari ini tidak akan menjejaskan hak tertuduh untuk dibicarakan dengan adil. Pendakwaan masih perlu membuktikan kesalahan tertuduh melangkaui keraguan munasabah, dengan izin, *beyond reasonable doubt*. Pindaan ini akan sekadar bermakna mahkamah menilai keterangan kanak-kanak sebagai mana mereka menilai keterangan mana-mana saksi lain.

Semenjak Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017, memansuhkan keperluan keterangan sokongan terhadap keterangan-keterangan yang diberikan oleh seorang saksi kanak-kanak, didapati mahkamah masih berhati-hati dalam mensabitkan tertuduh tanpa keterangan sokongan dan penggantian peraturan undang-undang yang memerlukan keterangan sokongan dengan peraturan berhemat standard tidak menjejaskan beban pembuktian.

Dalam sesetengah kes, Tuan Yang di-Pertua mahkamah mendapati keterangan saksi kanak-kanak adalah cukup jelas dan meyakinkan bagi memenuhi beban pembuktian. Dan dalam kes lain tertuduh dibebaskan kerana keterangan saksi kanak-kanak yang tidak cukup jelas dan konsisten untuk keterangan itu disifatkan sebagai meyakinkan luar biasa.

Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa seksyen 18 Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak seksyen 2017, yang memansuhkan keperluan keterangan sokongan untuk saksi kanak-kanak bagi kes berkaitan dengan kesalahan seksual tidak melanggar hak Perlembagaan defendan atau melepaskan pendakwaan daripada beban pembuktian. Selain itu, prinsip undang-undang keterangan sokongan mandatori dan keperluan untuk memberikan amaran tidak lagi wujud di negara-negara lain, yang sama undang-undang- *common law* seperti kita iaitu *United Kingdom*, Kanada, Australia, New Zealand sejak 1980-an lagi.

Yang Berhormat Senator Dato' Pengerusi telah menanyakan- Tuan Yang di-Pertua telah tentang *inquiry* di bawah seksyen 2C baharu yang dicadangkan. Secara khususnya berhubungan dengan pelaksanaan *inquiry* adalah boleh dijalankan secara dalam talian. Jawapannya "Ya". Berdasarkan perenggan 2C(4)(b) yang baharu, jika saksi yang akan dipanggil iaitu seorang kanak-kanak, langkah-langkah di bawah subseksyen 3(1) Akta 676 sama ada menggunakan penghadang atau kanak-kanak yang tertuduh atau kanak-kanak yang dipertuduhkan atas satu kesalahan, rangkaian secara langsung, dengan izin, *online* rakaman video atau melalui pendengaran khas adalah terpakai.

Pihak-pihak dalam prosiding juga hadir dalam *inquiry* tersebut. Yang Berhormat Senator, juga telah menyoal berkenaan dengan mekanisme atau pendekatan yang boleh

digunakan oleh mahkamah untuk menjalankan *inquiry* supaya kanak-kanak tersebut tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya mana-mana orang dewasa dibenarkan untuk menemani kanak-kanak semasa *inquiry* seperti ibu bapa berdasarkan subseksyen 9(3) Akta 676, orang dewasa yang menemani saksi kanak-kanak itu tidak boleh memberikan galakan kepada saksi kanak-kanak itu untuk menjawab mana-mana soalan. "B", mempengaruhi jawapan kanak-kanak itu mengganggu saksi kanak-kanak itu semasa dia disoal.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, Yang Berhormat Senator Hajah Dr. Wan Martina, Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Azam telah membangkitkan pendekatan yang akan diambil dalam pengurusan bimbingan psikologi kepada saksi kanak-kanak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, persoalan ini merupakan perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, namun ingin dikongsi pindaan-pindaan bahawa rang undang-undang ini saksi kanak-kanak akan diberikan perlindungan yang lebih baik.

■ 1450

Contohnya di bawah Perenggan 2C(iii)(c) baharu, mahkamah boleh memberikan arahan tentang penggunaan apa-apa kelengkapan atau alat untuk membantu menyampaikan soalan kepada saksi kanak-kanak dan untuk memperoleh jawapan daripada saksi kanak-kanak seiring dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan sistem pemberian keterangan lebih mesra kanak-kanak.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas juga ingin mendapatkan penjelasan kewajaran peruntukan ini kerana mungkin menyukarkan prosiding mahkamah.

Untuk makluman Yang Berhormat, pindaan kepada seksyen 6 yang dicadangkan, subseksyen 6(2a) yang memperuntukkan bahawa rakaman video boleh diterima tanpa disertakan dengan transkrip bahasa asal yang digunakan dalam rakaman video itu dan terjemahannya tidak dapat disediakan masih lagi boleh diterima oleh mahkamah sebagai keterangan utama tanpa menjejaskan tertuduh.

Oleh sebab pada ketika perbicaraan dijalankan nanti, jika hakim atau majistret tidak dapat memahami bahasa yang dipertuturkan tersebut, mahkamah akan melantik jurubahasa yang berkenaan untuk menterjemahkan bahasa yang digunakan dalam video tersebut. Jadi, tidak ada keadaan di mana orang kena tuduh akan terjejas haknya daripada perbicaraan yang adil. Rakaman video tersebut adalah untuk penerimaan keterangan sahaja.

Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina membangkitkan apakah inisiatif baharu dalam mewujudkan persekitaran yang lebih mesra kanak-kanak di kamar mahkamah. Bilik saksi dan bilik menunggu saksi kanak-kanak yang telah ditubuhkan adalah bersifat mesra kanak-kanak dan membolehkan saksi mangsa kanak-kanak yang hadir perbicaraan di

mahkamah berasa lebih selesa dengan selamat kerana mereka ditempatkan berasingan daripada orang awam.

Yang Berhormat Senator juga menanyakan sejauh manakah peruntukan substantif dapat pastikan perlindungan kanak-kanak selaras, dengan izin, *Convention of The Rights of The Child*, hak untuk mendapatkan perbicaraan yang adil termasuk hak untuk memberikan keterangan dalam mana-mana prosiding atau perbicaraan.

Untuk menjawab soalan ini, keupayaan kanak-kanak untuk mendapatkan akses kepada keadilan bergantung kepada sama ada mereka diiktiraf sebagai saksi yang kompeten, yang mampu memberikan keterangan di mahkamah. Jenayah terhadap kanak-kanak terutamanya jenayah seksual lazimnya berlaku secara tertutup tanpa saksi. Jadi, peraturan-peraturan yang menghadkan keupayaan kanak-kanak untuk memberikan keterangan menjejaskan hak mereka mendapat keadilan dan menjadi penghalang kepada memastikan penjenayah-penjenayah dipertanggungjawabkan.

Dalam dokumen, dengan izin, *General Command No. 12 (2009) on The Right of the Child to be Heard, United Nations Committee on The Right Of The Child* menekankan bahawa Perkara 12 menjamin semua kanak-kanak dapat menyatakan hak mereka untuk memberi keterangan dalam prosiding mahkamah tanpa had umur. *United Nations Guidelines on Justice in Matters Involving Child Victims and Witnesses of Crime*, dengan izin, juga menyatakan bahawa setiap kanak-kanak harus dianggap sebagai saksi yang berkebolehan dan keterangan mereka tidak boleh dianggap tidak sah atau tidak dipercayai kerana hanya usia kanak-kanak itu sahaja.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina juga telah bertanya apakah penambahbaikan sesi pendengaran khas bagi membolehkan saksi kanak-kanak direkodkan sepenuhnya dengan kadar segera sebelum ingatan mereka pudar. Untuk memastikan ingatan saksi kanak-kanak tidak pudar, mahkamah boleh mengarahkan supaya keterangan saksi kanak-kanak diberikan melalui satu pendengaran khas.

Berdasarkan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 6A(1) Akta 676 di mana mahkamah dengan segera boleh menentukan masa dan tempat pengendalian-pengendalian khas tanpa menunggu masa perbicaraan penuh. Maknanya Tuan Yang di-Pertua, boleh diadakan perbicaraan khas sebelum diadakan perbicaraan penuh. Ia boleh dilakukan dalam kes-kes sedemikian.

Yang Berhormat Senator Puan Anna Belle telah menanyakan kemungkinan percanggahan daripada kategori umur di bawah Akta Keterangan dan Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak walau penting bagi saksi kanak-kanak diselaraskan dengan kategori umur.

Untuk makluman, Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 telah dipinda melalui Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2023 dan meminda takrif saksi kanak-kanak

menjadikan umur saksi kanak-kanak sekarang selaras dengan Akta Kanak-kanak 2001 iaitu di bawah 18 tahun.

Yang Berhormat juga bertanya apakah usaha menambah baik proses mahkamah dalam aspek melarang soalan tidak wajar? Dengan adanya peruntukan ini, subseksyen 2E(3), mahkamah berfungsi untuk mengawal dan menyusun bagaimana soal jawapan dijalankan. Ini termasuk menetapkan soalan yang relevan dan mengelakkan soalan yang mungkin mengganggu perjalanan prosiding dengan adil. Perkara ini dilakukan bagi memastikan perbicaraan berjalan dengan lancar dan efisien.

Salah satu isu utama yang timbul ialah bahawa pindaan ini mungkin memaksa pembelaan untuk mendedahkan strategi mereka lebih awal daripada mereka yang inginkan. Dalam perbicaraan tradisional, pembelaan biasanya akan mengekalkan elemen kejutan sebagai salah satu taktik untuk menangkis kes pendakwaan. Dengan pengurusan kes yang lebih ketat dan pengaturan soalan yang boleh dan tidak boleh ditanya, ini mungkin menyebabkan pembelaan kehilangan kelebihan tersebut.

Dalam hal ini, subseksyen 2E(3) memastikan bahawa semua pihak mempunyai akses kepada maklumat yang sama, yang boleh meningkatkan ketulusan dalam perbicaraan. Apabila semua soalan dan persoalan yang telah ditetapkan terlebih dahulu, kedua-dua pihak mempunyai pemahaman yang jelas mengenai batasan soalan yang boleh ditanya, mengurangkan unsur kejutan yang tidak adil. Apabila pembelaan mengetahui soalan-soalan yang akan ditanya lebih awal, mereka boleh membuatkan persediaan yang lebih baik. Ini boleh termasuk penyediaan bukti yang relevan dan mengatur saksi dengan lebih berkesan. Persediaan yang lebih baik boleh membantu pembelaan untuk memberikan hujah yang lebih mantap dan terfokus.

Yang Berhormat juga bertanya apakah inisiatif baharu dalam mewujudkan persekitaran yang lebih mesra kanak-kanak. Saya dah sebut tadi bahawa memang bilik kanak-kanak di mahkamah terutama yang disebut sebagai Mahkamah Jenayah Khas Kanak-kanak, Tuan Yang di-Pertua ini memang sangat-sangat *child friendly* ya. Bukannya saya kata semua dalam bilik itu adalah kanak-kanak, tetapi bila orang dewasa masuk dalam bilik itu, kadang-kadang pun merasa diri mereka macam kanak-kanak.

Dia tak warna mahkamah, dia tak- warna mahkamah selalunya hitam ataupun kelabu ataupun macam inilah, coklat. Kanak-kanak masuk mesti takut tetapi dia warna-warni, Tuan Yang di-Pertua. Dia ada Ketua Hakim Negara daripada mula dengan kewujudan ini membantu untuk menjadikan bilik itu asing, dia ada sistem teknologi kamera, berdepan *telecast live* dengan mahkamah bersebelahan, tetapi yang lebih penting Tuan Yang di-Pertua ialah kemasukan dan keluaran kanak-kanak di mahkamah bukan jalan pintu yang sama.

Ini menjadi suatu elemen yang sangat-sangat penting, ya. Sebab kalau dalam *environment* itu orang biasa tahu bahawa ini adalah Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-

kanak, akan wujudnya pemikiran yang negatif terhadap anak-anak yang masuk keluar dalam bilik tersebut. Kita hendak letakkan kepada premis berlainan dengan mahkamah yang ada pun dengan teknologi, sudah tentu memang boleh tetapi disebabkan oleh kadang-kadang yang tertuduh dalam lokap polis, kadang-kadang Hakim Mahkamah Jenayah Seksual ini selalunya dipengerusikan oleh Hakim Mahkamah Seksyen yang macam-macam kes jenayah juga didengari.

Jadi, Hakim yang kadang-kadang bertukar kepada mahkamah, tetapi bilik khas ini ialah bilik yang agak berlainan. Ini Menteri Kewangan Kedua ada depan saya ini, mungkin *insya-Allah* pada tahun 2025 banyak lagi peruntukan yang boleh diberikan oleh kerajaan kepada mahkamah, *insya-Allah*, Tuan Yang di-Pertua... [Tepuk] Sebab bagi saya, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri Kewangan pun ada.

Dato' Sri Azalina Othman Said: ...Yang paling penting ialah bila kita mempunyai undang-undang sedemikian, kita mempunyai mesej yang sangat positif bahawa Kerajaan Madani tidak akan melindungi mereka. Sekurang-kurangnya galakan untuk membuat laporan itu ada, itu satu.

Keduanya, kita hendak memberi mesej kepada mereka yang berkemungkinan mempunyai niat untuk berfikir banyak kali bahawa tidak ada lagi menganggap kanak-kanak bercakap dan memberikan laporan secara fantasi. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, mereka yang selalunya menjadi *perpetrator*, dengan izin, selalunya orang yang paling dekat dan kadang-kadang mereka menganggap bahawa takkan orang hendak percaya kanak-kanak berbanding dengan mereka dewasa.

Jadi, pindaan ini yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan *insya-Allah* akan disokong juga oleh Dewan Negara, akan memberikan mesej yang sangat tepat dan padat kepada mereka di luar sana bahawa Kerajaan Madani ini tidak akan bertoleransi kepada mereka tidak kira siapa. Cikgu kah, ustaz kah, siapa pun sekalipun salah tetap salah. Itulah mesej yang kita hendak buat dan kita tidak akan melindungi mereka atas apa-apa elemen sekalipun.

■1500

Seterusnya yang akhir sekali, Senator Tuan Abun Sui Anyit semasa perbahasan dan juga Yang Berhormat Senator Hasbie membangkitkan isu sekiranya seorang saksi kanak-kanak mencapai umur dewasa dalam satu perbicaraan yang panjang, jawapannya adakah melalui seksyen ini, apakah akan terjadi?

Jadi dalam seksyen 13 yang sedia ada, ia memperuntukkan bahawa seorang saksi kanak-kanak memberi keterangan di hadapan mahkamah dan semasa memberi keterangan, dia mencapai umur 18 tahun, mahkamah hendaklah terus mendengar keterangan saksi kanak-kanak itu dan menjalankan semua kuasa di bawah Akta 676. Maka perlindungan yang

telah diberikan kepada saksi tersebut ketika dia seorang kanak-kanak boleh terus diberikan oleh mahkamah.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, yang sangat-sangat penting di sini ialah saya telah membincang daripada mula kewujudan Akta Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak bahawa kebanyakan kes sedemikian, Ketua Hakim Negara juga bersetuju patut dan wajib diselesaikan dalam jangka masa satu tahun. Itulah komitmen kerajaan daripada mula akta ini diwujudkan. juga dengan pindaan kepada undang-undang keterangan pensaksian kanak-kanak, *insya-Allah* ia akan menggalakkan kesenangan untuk menyelesaikan dalam masa 12 bulan, *insya-Allah*. Saya berharap bahawa pindaan ini akan memberi seterusnya banyak perlindungan kepada anak-akan kita yang sentiasa kadang-kadang menjadi mangsa hanya kerana umur mereka.

Dengan itu sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator. Penghargaan saya kepada pandangan, pada input, pada cadangan dan perkongsian oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan semua isu yang tak sempat saya jawab, *insya-Allah* saya akan berikan secara bertulis, tetapi yang lebih penting, saya percaya kita di dalam Dewan ini mahukan yang terbaik bagi generasi akan datang kita dalam negara yang kita cintai...

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: [*Bangun*]

Dato' Sri Azalina binti Othman Said: Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya selaku Ahli Parlimen Pengerang memohon sokongan kepada pindaan kepada undang-undang keterangan pensaksian kanak-kanak. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, boleh saya mencelah? Boleh Menteri, saya mencelah?

Dato' Sri Azalina binti Othman Said: Silakan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Boleh ya?

Dato' Sri Azalina binti Othman Said: Boleh, boleh.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Boleh.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya nak mendapatkan sedikit penjelasan YB Menteri. YB. Menteri ketika menjawab soalan saya tadi berkaitan dengan rasional di sebalik pindaan kepada akta ini, sebenarnya persoalan saya lebih menjurus kepada rasional di sebalik pindaan kepada isu yang berkaitan dengan *corroboration* ataupun keterangan sokongan.

Seperti mana yang YB. Menteri menyatakan bahawa tidak ada akan perubahan daripada segi beban pembuktian pihak pendakwa. Ianya akan perlu membuktikan kes melepasi keraguan yang munasabah *but* apa yang menjadi persoalan sekarang ini adalah

apabila undang-undang itu sendiri mengatakan bahawa keterangan sokongan tidak diperlukan.

Corroboration evidence, dengan izin, tidak diperlukan bagi kes yang melibatkan kanak-kanak ini apatah lagi kanak-kanak yang tidak mengangkat sumpah. Sebab kita kena faham ya bahawa kadang-kadang kanak-kanak ini mudah di *influence*, mudah dipengaruhi oleh mereka yang dewasa. Jadi dalam keadaan undang-undang itu sendiri mengatakan bahawa tidak perlu ada keterangan sokongan, keterangan kanak-kanak itu kita tak melihat kepada aspek adakah dia dipengaruhi? Adakah ada pihak lain yang menentukan apakah yang hendak diperkatakan di mahkamah. Jadi dalam keadaan sedemikian, apakah rasionalnya untuk kita meletakkan atau membuat pindaan tersebut tanpa mengambil kira hak tertuduh?

Apatah lagi bila ada satu lagi peruntukan mengatakan bahawa mahkamah pun tak perlu berhati-hati ataupun *warn themselves* bahawa ini adalah keterangan yang tiada sokongan. Jadi, kalau dahulu

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Baik, pendekkan soalan Yang Berhormat.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Jadi soalan saya, apakah langkah-langkah yang boleh pihak YB Menteri lakukan dalam keadaan keterangan undang-undang begini memerlukan hanya keterangan saksi tanpa sokongan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Speaker.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Baiklah, Menteri.

Dato' Sri Azalina binti Othman Said: Tuan Speaker, saya ucap terima kasih ya. Yang Berhormat, dia baharu. Hari ini hari kedua dia. Dia seorang peguam bela, peguam cara yang begitu terkenal. Selalunya bila jadi peguam bela, peguam cara, tak pernah kalah kes. Hebat tapi tak tahulah dia jadi Senator, nak masuk pintu politik, saya pun tak tahu kenapa tapi rugilah sistem keadilan kita. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan.

Sebenarnya Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat dengar ucapan saya daripada mula dengan ucapan saya dalam penggulungan di Dewan Rakyat ya. Pertama sekali, dalam negara kita, sejak wujudnya undang-undang jenayah seksual kanak-kanak, undang-undang langkah keselamatan dan juga undang-undang angkatan tentera, memang undang-undang tersebut menyatakan bila kanak-kanak memberi keterangan, tidak perlu *corroboration*. Dah disebut dalam tiga kategori undang-undang tersebut, tetapi pindaan yang kita lakukan ini, kita akan buat *supplementary* pindaan kepada beberapa seksyen undang-undang ke dalam rang undang-undang tersebut, jenayah seksual kanak-kanak, undang-undang langkah keselamatan dan juga undang-undang ketenteraan.

Saya rasa kita ada enam ke-tujuh *supplementary*? Lima *supplementary*. Itu sebenarnya kita akan lakukan. Memang isu *corroboration* tidak berlaku kerana seperti mana Yang Berhormat sebagai orang yang sangat wajar dalam mahkamah, kita bukan sistem-dalam Malaysia kita ada sistem di mana sistem *adversarial*. Maknanya dia bukan sistem yang

mana kita ada *jury system* seperti negara lain. Dia ada *jury system*, juri buat keputusan. Hakim hanya menjatuhkan hukuman, tidak.

Dalam negara kita, dalam semua kebanyakan kes termasuk sekali kes-kes jenayah, semua keputusan adalah mahkamah yang menentukan. Antara elemen *corroboration*, kompetensi itu ialah isu *enquiry* yang ada kita letak. Kemudian adanya dalam pengurusan kes. Kalau kita tengok dalam seksyen pengurusan kes bahagian 1B, dalam semua seksyen 2E, dalam subseksyen 2E(1), (2), (3), (4), (5) ini, dalam elemen pengurusan kes ini bila kita menyatakan permulaan prosiding pengurusan kes di bawah seksyen 172b Kanun Tatacara Jenayah, ini dalam kes-kes jenayah ya, pengurusan kes. Disebut bahawa mahkamah lah yang akan mempunyai kata putus. Jadi arahan yang disebut dalam seksyen ini boleh termasuk cara soalan, anggaran.

Jadi isunya di sini ialah dalam proses mahkamah itu berjalan, hakim yang membuat penentuan. Katakan *defense council* bangun mengatakan mereka masih tidak yakin ataupun mereka mahukan bahan pembuktian lebih, terpulang kepada Hakim untuk menentukan. Kita tidak mahu sistem di mana bila kanak-kanak bersama orang dewasa yang dituduh, kita nak a *level playing field*. Yang kita hendak supaya Hakim yang membuat penentuan dan ini kita tulis termaktub di dalam *blue bill* tersebut tentang proses yang akan berlaku.

Dalam subseksyen pindaan iaitu tentang bawah keterangan tanpa sokongan saksi kanak-kanak iaitu 2D, (2), (2) dan (3) Yang Berhormat Senator-senator sekalian, kita meletakkan prosedur-prosedur tentang elemen keterangan tanpa sokongan iaitu *uncorroborated* dalam bahasa Inggeris kalau kita tengok bacaan dia dalam 2D itu, ia menyatakan bahawa, '*uncorroborated evidence of child witness*'.

Kita letak di sini proses dan prosedur. Jadi dalam perkara ini dia mengatakan, izin saya baca, "*Notwithstanding anything contrary in any other unwritten law, an accuse maybe liable to be convicted or a child charge with any offense maybe found guilty for an offense on the basis of the uncorroborated evidence of the child witness given upon oath or otherwise. Any rule providing that an accuse cannot be convicted or a child charge with an offense cannot been found guilty for an offense on the basis of the uncorroborated evidence of the child witness given upon oath or otherwise shall cease to applied. Any rule requiring the court to warn itself before convicting and accuse of finding a child charge with any offenses guilty for an offense on the basis of the evidence of a child witness given appoint oath or otherwise merely because the evidence is given by a child shall also cease to applied.*"

Maknanya di sini Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan yang kita wujudkan di sini ialah kita menekankan sekali lagi kepada semuanya kepada peranan mahkamah. Mahkamah iaitu hakim lah yang membuat penentuan kepada perkara tersebut. Ini kerana dalam aspek yang kita lihat di sini, terutama sekali dalam semua kebanyakan kes, hakim juga lah yang memainkan peranan untuk menentukan tentang proses prosiding tersebut.

Sebab kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan bahawa kemungkinan pendakwa ataupun peguam pembela ingin menanyakan soalan-soalan kepada mereka yang perlu ditanya dan wajar ditanya walaupun begitu susah soalan itu ditanya. Sudah tentu pada proses jenayah yang melibatkan kanak-kanak, mahkamahlah yang menjadi penentu boleh ke tidak boleh soalan tersebut ditanya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey. Satu penggulungan jawapan yang amat jelas dan mudah difahami.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) (Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson) dan diluluskan]

■1510

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN-KESALAHAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK (PINDAAN) 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.12 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]: Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2024 dibacakan untuk kali yang kedua sekarang.

Dato' Yang di-Pertua, pada hari ini, Dewan ini telah meluluskan Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2024 DR25/2024 secara sebulat suara. Saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas sokongan yang diberikan. Usaha kita ini pasti akan membuka ruang bagi saksi kanak-kanak untuk memberikan keterangan dalam keadaan yang lebih kondusif kepada keperluan mereka, lantas mengurangkan trauma yang dihadapi.

Dato' Yang di-Pertua, melalui Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2024 yang diluluskan tadi, Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 [Akta 676] dipinda untuk mengadakan peruntukan bagi kedua-dua peruntukan substantif dan peruntukan tatacara mengenai keterangan saksi kanak-kanak dan Akta 676 akan menjadi perundangan utama yang memberikan tumpuan mengenai keterangan saksi kanak-kanak.

Oleh itu saya akan pada hari ini, membentangkan lima rang undang-undang berhubung dengan pindaan-pindaan berbangkit- *consequential* untuk tindakan peruntukan yang perlu mengenai keterangan yang diberikan oleh saksi kanak-kanak dalam beberapa akta yang lain.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 [Akta 792] dan mengandungi tiga Fasal.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas yang dicadangkan dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 pula bertujuan untuk memotong Bahagian VI [Akta 792] berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 untuk memasukkan ke dalam akta itu peruntukan yang berhubungan dengan kekompetenan saksi kanak-kanak dalam memberikan keterangan dan untuk membenarkan mahkamah mensabitkan seseorang tertuduh berasaskan keterangan tanpa sokongan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan bersumpah dan selainnya.

Dengan pindaan ini, kekompetenan saksi kanak-kanak untuk memberikan keterangan dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang yang berhubungan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta 792 atau mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual kepada Akta 792, sekiranya mangsa adalah kanak-kanak dan pensabitan seseorang bagi kesalahan di bawah akta itu atau mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual kepada akta itu, sekiranya mangsa ialah kanak-kanak berasaskan keterangan tanpa sokongan saksi kanak-kanak hendaklah diuruskan di bawah Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda Jadual kepada Akta 792 berbangkit daripada pindaan yang dibuat dalam Fasal 2.

Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Madani tekad untuk meneruskan usaha dalam kedudukan saksi kanak-kanak dalam sistem keadilan negara dan tidak meremehkan peranan mereka. Usaha ini juga adalah selaras dengan komitmen antarabangsa Malaysia termasuklah di bawah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak, dengan izin, *Convention on the Rights of the Child*. Memetik ungkapan pejuang hak asasi manusia terkemuka, Nelson Mandela semasa pelancaran Dana Kanak-kanak Nelson Mandela di *Pretoria*, Afrika Selatan, bahawa, *"There can be no keener revelation of a society's soul than the way in which it treats its children."*

Maka reformasi undang-undang ini yang bermatlamat untuk mengangkat kedudukan saksi kanak-kanak setara dengan kedudukan saksi orang dewasa bukan sahaja mencerminkan hasrat murni Kerajaan Madani, tetapi turut menggambarkan jiwa rakyat Malaysia yang secara keseluruhannya. Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Saya mohon menyokong.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 10 orang Ahli termasuk saya yang hendak berbahas. Maka, saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah 5 minit seorang. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Mustafa bin Musa.

3.19 ptg.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana atas izin untuk saya turut mengambil bahagian dalam membahaskan pindaan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak agar keterangan dan kesaksian kanak-kanak sama ada mereka adalah mangsa ataupun saksi kejadian gangguan seksual ini menjadi iktibar dan hukuman kepada pelaku jenayah seksual terhadap kanak-kanak agar perlindungan terhadap kanak-kanak lebih tegas dan komprehensif.

■1520

Tuan Yang di-Pertua, salah satu kekangan atau masalah terhadap sesuatu keterangan kesaksian jenayah seksual kanak-kanak adalah keyakinan dan pemulihan perasaan curiga dan keyakinan terhadap kes yang dialami oleh mangsa. Daripada segi sistem keadilan memang pindaan akta ini amat jelas bahawa kerajaan amat tegas dan mengambil perhatian serius untuk menangani kes jenayah seksual ini secara tuntas dan berwajaran tinggi, tetapi pada peringkat siasatan, proses mengambil keterangan dan pembicaraan perlu

diperhalusi supaya hak dan juga keselamatan yang terkait dengannya terhadap saksi dan mangsa dapat diberi perhatian serius.

Justeru, saya ingin mengesyorkan agar fasiliti dan kemudahan di balai polis dan mahkamah diberi perhatian agar proses perbicaraan, siasatan dan perkara yang terkait dengannya dan proses keadilan kes jenayah gangguan seksual ini dapat dikendalikan secara optimum, cekap, berhemah dan terlindung.

Dalam kita mengukuhkan keterangan kesaksian kompeten kanak-kanak, kita perlu mengurus impak trauma, gangguan psikologi dan kesan jangka panjang terhadap pembentukan peribadi dan keadaan sosial kanak-kanak. Justeru, kemudahan selesa di bilik siasatan Polis umpamanya, di mahkamah dan di Jabatan Kebajikan Masyarakat perlulah lebih mesra dan kondusif bagi mangsa gangguan seksual ini.

Kawalan juga perlu dilakukan ke atas pelapor kes di media masa kerana kuasa *viral* di media sosial dan digital akan menambah risiko terhadap tahap berani dan kemampuan kanak-kanak itu untuk memberi kesaksian ke atas jenayah seksual terhadap mereka.

Pegawai-pegawai kehakiman, Polis dan mereka yang terlibat dalam perbicaraan kes kanak-kanak perlu diberi latihan khusus dan ditapis keupayaan supaya- keupayaan psikologi dan kompetensi mereka agar mereka dapat menguruskan perkara, menguruskan siasatan, menguruskan segala yang terkait dengannya tanpa ada gangguan, trauma, kesan psikologi, unsur-unsur paksaan yang mungkin secara jangka panjang akan menyebabkan mangsa terkait dengan trauma ataupun kesan-kesan yang sinonim dengannya.

Bagi pengendalian kes, kita harapkan agar pendekatan psikologi kanak-kanak perlu diberi perhatian serius. Yang Berhormat Menteri perlu memberi perhatian juga terhadap tataamalan dan *code of practice* bagi peguam yang melakukan kerja pembelaan supaya mematuhi syarat, agar risiko trauma dan kesan psikologi kanak-kanak diberi keutamaan positif dan sebarang provokasi yang bakal yang menyebabkan mangsa menjadi kecewa serta putus asa dan curiga perlu dielakkan.

Kes gangguan seksual dan sebagainya terhadap kanak-kanak perlu diberi perhatian serius. Kanak-kanak yang tidak berdosa telah menjadi mangsa kepada kerakusan nafsu yang mungkin berjiwa binatang oleh manusia yang berwajah insan.

Justeru, saya berpendapat bahawa undang-undang dibawa ini adalah undang-undang yang baik dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai yang bertungkus-lumus untuk mengendalikan kajian sehingga pindaan ini dapat dibawa di Dewan yang mulia ini. Saya mohon menyokong.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa. Sekarang saya menjemput Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

Dato' Haji Husain bin Awang: Husain Awang.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Di sini Hussin Ismail. Tidak ada ya? Okey, sekarang saya jemput Senator Tuan Musoddak bin Ahmad.

3.24 ptg.

Tuan Musoddak bin Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2024.

Sebagaimana yang telah dimaklumkan, pindaan ini juga bersekali dengan beberapa pindaan yang lain seperti Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007, Akta Keterangan, Akta Sumpah dan Ikrar dan beberapa akta yang lain. Walaupun kertas pindaan ini nipis dan ringkas, tetapi saya percaya pindaan yang dibuat ini besar kesannya bagi mengangkat suara kanak-kanak dalam sistem perundangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan beberapa akta ini bagi membolehkan penyaksian kanak-kanak untuk memberikan keterangan di mahkamah. Isu ini adalah sangat mustahak bagi memastikan suatu keadilan yang sempurna kepada mangsa dalam memastikan haknya tidak diabaikan dan sentiasa terbela.

Kita harus berpegang kepada prinsip bahawa seorang kanak-kanak berada di bawah tanggungjawab negara sehinggalah dia mencapai umur dewasa. Saya berpandangan, suatu yang merunsingkan kita ketika ini adalah kes-kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang terpaksa dilepaskan oleh mahkamah disebabkan beberapa isu teknikal. Malah, sebagaimana yang dimaklumkan, lebih 50 peratus kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak dilepaskan. Jadi, pelbagai pindaan dan reformasi terhadap perundangan hadir bagi memastikan keadilan kepada kanak-kanak tadi dapat diangkat mengikut neraca yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai beberapa perkara yang ingin dibangkitkan melalui pindaan pada hari ini. Pertama, apakah *pattern* kes-kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang dilepaskan atau DNAA di mahkamah ketika ini? Apakah ada remedi lain yang boleh dilakukan oleh pihak Polis mahupun pihak pendakwa raya bagi memastikan si pelaku tidak terlepas begitu sahaja.

Saya juga ingin mengetahui bagi kes-kes yang melibatkan orang kenamaan atau bersifat *high profile*. Apakah langkah bagi memastikan saksi dalam kes-kes ini termasuklah si mangsa dilindungi sepenuhnya? Apakah garis panduan pengendalian kes seksual terhadap kanak-kanak mematuhi tempoh 12 bulan sebagaimana yang ditetapkan?

Ini kerana kita sangat bimbang akan situasi melengah-lengahkan perbicaraan yang boleh mengganggu prosiding mahkamah serta menjejaskan situasi si mangsa dalam memberikan keterangannya kepada mahkamah. Saya juga ingin mengetahui jika kementerian

mempunyai pendekatan lain yang sedang dirancang bagi memastikan perkara ini terjamin. Kita tidak mahu jika ada pihak lain khususnya dalam kes-kes *high profile* mengambil kesempatan atas kelompangan perundangan yang lain sehingga membolehkan kes-kes ini terpaksa dilepaskan oleh mahkamah pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan kempen dan pendidikan kepada masyarakat sekeliling dalam kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak masih berada pada tahap yang rendah. Ada kes-kes yang dibawa ke peringkat pengadilan namun saya yakin masih banyak kes yang tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa.

Oleh sebab itu, saya ingin bertanya apakah kerajaan mempunyai suatu pelan bertindak yang khusus bagi memastikan kecaknaan masyarakat kita sama ada ibu bapa, penjaga, pihak berkuasa, para pendidik, ketua-ketua penduduk, NGO dan sebagainya sentiasa dipelihara bagi memastikan kedudukan kanak-kanak tadi sentiasa selamat daripada bahaya jenayah seksual.

Kita boleh bercakap bahawa ada kes-kes yang melibatkan penjaga mereka sendiri-harapkan pegar, pegar makan padi. Namun, itu seharusnya diatasi dengan pelbagai mekanisme yang harus dibina secara berstrategik dan menyeluruh. Kes-kes *under reporting* ini sewajarnya diatasi dengan sesi libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan yang berkait langsung dengan kehidupan seorang kanak-kanak tadi. Oleh itu, sejauh mana perkara ini diteliti oleh kerajaan dalam isu ini?

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang saya ingin bangkitkan adalah mengenai garis panduan terkini serta langkah penubuhan Suruhanjaya Kanak-kanak yang tersendiri. Apa perkembangan terhadap kedua-dua perkara ini memandangkan ada beberapa pindaan yang signifikan dibuat melibatkan isu kanak-kanak di Parlimen. Jadi, apakah perkara-perkara ini juga sedang diteliti oleh pihak kerajaan masa kini? Sekian, terima kasih. Mohon mencadangkan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad. Sekarang dan menjemput Yang Berhormat Tuan Isaiah a/l D Jacob.

■1530

3.30 ptg.

Tuan Isaiah a/l D Jacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih beri ruang kepada saya berbahas Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak. Saya ingin bawa beberapa perkara seperti khususnya kanak-kanak OKU yang melibatkan dalam kes-kes seperti ini.

Setakat mana undang-undang kita boleh menjaga, memberi jaminan kepada kanak-kanak OKU. Hari ini, pagi ini saya baca satu berita. Ayah sendiri merogol anak OKU sehingga melahirkan seorang anak. So, apakah- bagaimana kita ingin melindungi anak-anak OKU

sekarang? So, ini lah satu perkara yang amat serius kita kena perhatikan daripada segi bagaimana undang-undang kita boleh menjaga anak-anak OKU, jaminan untuk mereka.

Seperti yang tadi saudara saya, sahabat saya Datuk Haji Mustafa bin Musa beritahu keadaan siasatan di bilik siasatan. Apabila OKU terlibat dalam kes-kes seperti ini, bagaimana kemudahan dalam bilik-bilik. So, saya amat risau dan saya amat prihatin terhadap golongan istimewa, golongan OKU, di mana kita tidak ada kemudahan-kemudahan yang asas seperti yang termaktub dalam Akta Bangsa-Bangsa Bersatu.

Maka, saya ingin dapatkan jaminan daripada kerajaan dan juga kementerian. Adakah bilik-bilik tersebut, bilik-bilik siasatan dan juga pakar-pakar yang terlibat dalam siasatan ini ada pengalaman dan juga pengalaman khusus untuk meliputi ataupun mendapat siasatan terhadap kanak-kanak OKU ini? So dengan ini, saya kurang sihat. So, saya ingin menyokong penuh akta ini.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

3.32 ptg.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta berbahas mengenai dengan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2024 pada hari ini.

Saya mulakan ucapan ini dengan memetik firman Allah SWT... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Maksudnya, "Milik Allah jua lah segala ada di langit dan juga yang ada di bumi. Allah lah yang menjadikan apa-apa yang dikehendakinya dan mengurniakan anak perempuan kepada sesiapa yang dikehendakinya dan mengurniakan anak-anak lelaki kepada sesiapa yang dikehendakinya."

Dato' Yang di-Pertua, RUU ini adalah kesinambungan daripada RUU Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2024 yang telah dibahaskan pada hari ini sebelum ini yang banyak menyentuh peruntukan bagi kekompetenan saksi kanak-kanak untuk memberikan keterangan dalam mana-mana prosiding dan juga perkara-perkara lain.

Seterusnya, suka saya menyentuh sedikit isu gangguan seksual dalam kalangan kanak-kanak secara umumnya. Secara umumnya, kes gangguan terhadap kanak-kanak ini bukanlah satu isu baharu, tetapi ia sesuatu yang sering berlaku sejak sekian lama. Kebanyakan kanak-kanak yang menjadi mangsa gangguan seksual ini tidak berani untuk tampil ke hadapan untuk mengadu berkenaan gangguan yang mereka alami atau dengan lain lebih tepat lagi, mereka masih keliru dan tidak mengetahui bahawa tindakan yang diperlakukan ke atas mereka hakikatnya adalah perbuatan yang menyalahi undang-undang.

Yang lebih malang lagi apabila gangguan seksual ini dilakukan oleh ahli keluarga sendiri. Fenomena haruan makan anak atau sumbang mahram dilihat sebagai gambaran kepincangan dalam institusi kekeluargaan pada hari ini. Daripada segi falsafah *maqasid* syariah, Islam melaknat perbuatan terkutuk ini kerana ia tidak lain tidak bukan adalah untuk memelihara nasab ataupun keturunan ataupun juga disebut dalam bahasa Arabnya... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Dan juga untuk menjaga keharmonian kemanusiaan.

Berdasarkan laporan statistik jenayah tahunan Jabatan Perangkaan pada tahun 2022, jenayah seksual yang melibatkan mereka yang berumur di bawah 18 tahun adalah tinggi apabila membabitkan kesalahan seperti rogol iaitu sebanyak 85.6 peratus pada tahun 2022 dan juga kes sumbang mahram kira-kira 89 peratus pada tahun yang sama.

Impak daripada kejadian ini, dia akan meruntuhkan keyakinan diri, dengan izin, *self-confidence* kanak-kanak tersebut dan akhirnya, membawa kepada kemurungan. Sekali gus, mendorong ke arah penyakit mental yang disebabkan trauma yang dialami mereka. Kanak-kanak juga akan merasa malu, takut dan tidak percaya untuk tampil menceritakan pengalaman atau membuat aduan dan laporan kepada pihak berwajib kerana ia melibatkan perkara yang sensitif.

Oleh yang demikian, sejauh manakah keberhasilan inisiatif dan usaha pihak kerajaan terhadap beberapa akses kepada pencegahan jenayah ini seperti Talian Nur dalam membendung polemik ini daripada terus berleluasa? Adakah kerajaan berhasrat untuk mengadakan program berbentuk kesedaran dan advokasi pendidikan seksual di seluruh negara bagi memberi pendedahan terhadap jenayah seksual ini, terutama kepada golongan kanak-kanak di peringkat sekolah?

Pada masa yang sama, saya turut menyokong dan bersetuju dalam pengenalan seksyen baharu di bawah Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak *[Akta 676]* mengenai penggunaan pengurusan kes pra perbicaraan untuk memberi arahan tentang cara kanak-kanak itu akan memberi keterangan dan arahan. Ini akan menjadi mandatori untuk kes-kes kesalahan seksual kanak-kanak.

Akhir kata, institusi kanak-kanak pada hari ini perlu di perkasa secara tuntas agar terhindar daripada kerakusan dan kekejaman raksasa yang bertuhankan nafsu serakah di negara ini. Dan akhirnya, mampu menghidupkan suasana yang aman damai dan sejahtera tanpa sebarang ancaman yang berbahaya. Dato' Yang di-Pertua, sekian terima kasih dan saya menyokong.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain Awang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran.

3.39 ptg.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Selamat sejahtera dan salam Madani. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas peluang untuk membahaskan tentang Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2024 ini.

Pindaan ini merupakan langkah yang berani dan perlu dalam menangani ancaman jenayah seksual terhadap kanak-kanak yang semakin meruncing. Pindaan kepada Akta Kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017, Akta Keterangan 1950 dan Akta Sumpah dan Ikrar 1949 ini membawa perubahan yang signifikan dalam usaha kita untuk melindungi kanak-kanak daripada ancaman jenayah seksual.

■1540

Statistik menunjukkan terdapat lebih kurang 18,000 kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak sejak tahun 2018. Dengan peningkatan sebanyak 9.5 peratus ini, ini merupakan angka yang membimbangkan dan memerlukan tindakan yang segera. Dengan itu, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kementerian yang telah dapat meminda dan juga membetulkan kelemahan dalam undang-undang dan akta-akta yang sedia ada.

Pindaan ini juga memperkenalkan beberapa perubahan penting termasuk mempercepatkan prosiding mahkamah dan mengurangkan penangguhan kes. Namun, kita perlu memastikan bahawa langkah-langkah ini dilaksanakan dengan efektif. Persoalan utama adalah, bagaimanakah dan apakah mekanisme untuk mengurangkan kadar *dischargenot amounting to acquittal* (DNAA) yang tinggi yang akan dilaksanakan secara efektif?

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk meningkatkan kesedaran dan pendidikan mengenai jenayah seksual adalah sangat penting. Program-program pendidikan yang melibatkan PIBG, LPPKN dan pemimpin masyarakat adalah langkah yang positif. Namun, kita perlu memastikan bahawa bagaimana kerajaan merancang untuk memastikan program pendidikan ini mencapai semua lapisan masyarakat termasuk komuniti luar bandar dan juga golongan yang kurang berkemampuan dan juga golongan OKU seperti yang dinaikkan oleh YB Isaiah tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dikatakan oleh Martin Luther King Jr, "*The times is always right to do what is right*". Dalam konteks pindaan rang undang-undang ini, sangat penting untuk kita memberi penekanan kepada perlunya peningkatan keselamatan data peribadi dan sokongan kepada saksi kanak-kanak. Sokongan tambahan dalam proses perbicaraan adalah penting, tetapi kita harus bertanya apakah jenis sokongan khusus yang akan diberikan kepada kanak-kanak dalam proses perbicaraan dan bagaimana mekanisme ini akan mengatasi trauma psikologi yang mungkin mereka alami kemudian hari.

Dengan menegaskan perkara ini, kita tidak hanya memenuhi tanggungjawab moral kita, tetapi kita juga memastikan sistem keadilan berfungsi dengan adil dan berkesan dalam melindungi generasi akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, teknologi seperti kecerdasan buatan dan *deepfake* semakin digunakan jenayah-jenayah seksual. Kita perlu mempertimbangkan langkah-langkah untuk mengatasi ancaman ini. Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk mengintegrasikan teknologi-teknologi ini dalam sistem penguatkuasaan- *enforcement*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan kepentingan pendidikan dan kesedaran awam mengenai bahaya jenayah seksual. Program-program kesedaran perlu diperluaskan dan dilakukan secara lebih berkomprensif. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan kempen kesedaran ini mencapai semua golongan?

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyokong penuh Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2024 ini kerana ia adalah satu langkah yang sangat diperlukan untuk melindungi kanak-kanak daripada jenayah seksual dan memastikan sistem keadilan kita lebih berkesan. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj Chandran. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan.

3.43 ptg.

Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Dato' Yang di-Pertua atas kesempatan yang diberikan untuk saya ikut berbahas dalam konteks rang undang-undang berkaitan dengan pindaan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

Biarlah sebagai mukadimah, terus terang secara sokongan padu saya katakan keperluan untuk kita- semua memberikan dukungan sepenuh-penuhnya kepada pindaan akta ini atas semangat untuk mempertahankan dan melestarikan kestabilan sosial dan kesihatan rakyat negara kita khususnya.

Masalah gangguan seksual khususnya kepada kanak-kanak ini merupakan suatu penyakit tamadun besar yang dengan sendiri mengekang usaha untuk membentuk masyarakat atau warganegara Madani. Masyarakat berdasarkan tamadun, berdasarkan pemikiran, ilmu dan terhalang daripada terjebak dalam soal-soal jenayah.

Kita berharap bahawa dengan pindaan akta ini, akan dapat kita berusaha untuk menuju kepada keadaan sifar jenayah khususnya yang berkaitan dengan gangguan seksual ataupun jenayah seksual kepada kanak-kanak kerana, golongan remaja, golongan kanak-kanak ini

merupakan modal insan yang sangat penting untuk dipelihara, untuk dipupuk bagi perkembangan kemajuan negara lahiriah dan juga secara kerohanian.

Dato' Yang di-Pertua, soal fenomena gangguan seksual terhadap kanak-kanak merupakan suatu yang sangat serius dan kalau kita memetik sahaja satu laporan yang agak terkini daripada media, selama empat tahun berturut-turut didapati perangkaan yang menunjukkan gangguan seksual khususnya pula *sexually abused* melibatkan keluarga sendiri meningkat dari waktu ke waktu.

Saya bacakan secara ringkas, sejak tahun 2020 direkodkan 2,722 kes. Ini rakaman daripada siaran media yang dimaklumkan oleh pihak PDRM yang meliputi jenayah rogol, sumbang muhrim, cabul, gangguan seksual, seks luar tabii, pornografi, komunikasi secara seksual, amang seksual fizikal dan bukan fizikal.

Keseriusan masalah ini perlu ditangani dengan cukup rapi dan segera. Saya kira akta ini *insya-Allah* akan dapat membantu untuk kita mempertegas pelaksanaan bagi menghindarkan anak-anak kita daripada terlibat dalam gangguan seksual, apatah lagi yang melibatkan anggota keluarga sendiri. Suatu fenomena yang tak mungkin dapat diterima oleh manusia yang waras.

Dato' Yang di-Pertua, dalam soal menangani isu ini, dengan pelaksanaan akta ini *insya-Allah*, kita berharap seperti yang telah juga ditimbulkan oleh rakan-rakan Senator yang sebelum ini, soal yang kita bincangkan juga dalam perbahasan dalam kes sebelum ini pun, ia berkaitan. Soal merapikan mekanisme ataupun tatacara dan kaedah dalam memastikan bahawa siasatan, pengadilan itu dilakukan dengan serapi-rapinya dan berkali-kali juga kita timbulkan soal keperluan untuk pelaksana dalam pentadbiran pengurusan isu ini.

Memperoleh maklumat, memperoleh ilmu yang mendalam tentang psikologi perkembangan kanak-kanak kerana kanak-kanak merupakan golongan istimewa yang sangat banyak variabel, sangat banyak faktor yang perlu diberi perhatian. Soal psikologinya, soal emosinya, soal ketidakmatangan dan ini memerlukan suatu *treatment*, satu kaedah yang jauh lebih rapi, baharu kita menangani masalah gangguan seksual terhadap golongan dewasa. Tentulah ini memerlukan satu kajian yang mendalam, suatu perencanaan yang serapi-rapinya.

Dato' Yang di-Pertua, berkaitan dengan soal apakah ertinya akta ini jika tidak kemudian disusuli oleh suatu bentuk yang disebut oleh Senator sebelum ini soal kempen kesedaran dan pada saya soal pendidikan. Jadi, perlu jelas ada kebersamaan semua agensi, semua pihak lain yang berkaitan dengan institusi persekolahan, pendidikan, keluarga itu sendiri, jabatan atau institusi dan tempat awam.

Jadi, penguatkuasaan akta ini perlulah dilaksanakan dengan setegas-tegasnya dan perlu juga ada satu kawalan sendiri. Bukan sahaja soal kita menolak ataupun mengekang gangguan seksual dari luar, tetapi pendidikan untuk kawalan sendiri dalam kalangan anak-

anak kita itu sendiri dalam latihan pendidikan di dalam institusi keluarga, institusi pendidikan, jabatan, agensi dan di tempat awam. Maka, inilah segala kawalan sosial yang perlu sama-sama dilaksanakan oleh pelbagai pihak, semua pihak sesudah akta ini *insya-Allah* diluluskan.

Maka dengan demikian Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan. Sekarang saya menjemput Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah.

3.49 ptg.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam Malaysia Madani Yang di-Pertua Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Negara yang saya hormati sekalian. Terima kasih memberikan saya untuk berbahas mengenai Rang Undang-undang Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2024.

Dato' Yang di-Pertua, saya teruskan perbahasan saya dalam perkara pokok rang undang-undang ini, kesalahan seksual terhadap kanak-kanak atau Akta 2017. Saya menyambut baik pindaan yang ingin dilakukan terhadap Akta 2017 sedia ada sebagai satu langkah yang progresif dan dinamik, menghormati keberadaan seorang kanak-kanak untuk memberikan keterangan dan perincian maklumat tentang kompeten setaraf dengan orang dewasa.

■1550

Dato' Yang di-Pertua, amalan lama kerap kali menafikan suara anak-anak kecil yang didengar terutama anak-anak di bawah 12 tahun yang dianggap masih mentah untuk berbicara di dalam mahkamah.

Dato' Yang di-Pertua, suara mereka tidak diambil serius dan dibiarkan begitu sahaja supaya mereka dilihat masih lagi muda dan masih lagi menimba ilmu. Selama ini kita sering dihadapkan dengan anggapan bahawa kanak-kanak tidak mempunyai kemampuan setaraf orang dewasa di pelbagai sudut, apatah lagi menerima pakai maklumat yang mereka zahirkan dalam bentuk keterangan di mahkamah.

Namun, hasil daripada penyelidikan dan pembuktian saintifik serta aliran pemikiran rakyat yang semakin terbuka, kepelbagaian pendapat mampu diterima dengan rasional walaupun daripada seorang kanak-kanak kecil. Kita tidak mampu dan tidak harus memandang rendah terhadap buah fikiran yang mampu dilontarkan oleh kanak-kanak pada masa kini. Kemampuan mereka untuk berbicara kini seperti orang dewasa. Tidak boleh disamakan dengan kanak-kanak 20, 30, 40 tahun yang dahulu. Kanak-kanak zaman sekarang lebih terdedah dengan pelbagai teknologi maklumat, sering kemampuan mereka menganalisis tiap-tiap perkara dilihat luar biasa berbanding dengan zaman dahulukala.

Usaha mahkamah untuk melindungi kanak-kanak daripada cubaan diasak dengan pertanyaan kejutan peguam, pembela harus diberikan pujian kerana pengalaman seperti ini akan meninggalkan kesan dan trauma dalam kanak-kanak ini dalam masa pendek dan panjang. Seiring itu, sistem sokongan semasa kes berjalan ini amat penting. Juga sistem sokongan susulan kepada kanak-kanak terlibat selepas kes ini ditutup dalam usaha memastikan psikologi mereka dan emosi mereka dalam keberadaan yang tahap optimum daripada diganggu gugat.

Andai kata kanak-kanak terlibat dalam tertuduh di bawah umur 12 tahun dan tidak diwakili peguam, sejauh manakah keterangan tertuduh boleh diguna pakai untuk membela diri- dengan izin, *will the scenario be possible to take place in court of law for the poor children. The justice must take place.* Saya yakin dengan kepercayaan dan kompeten yang dimiliki oleh kanak-kanak dalam negara ini, pindaan akta 2017 mampu melakarkan satu lagi titik pencapaian dalam pengiktirafan kompetensi kanak-kanak dalam memberi keterangan di mahkamah. Pindaan, perubahan ini harus diterima baik kerana pendekatannya dilihat lebih mesra kanak-kanak. Penyediaan prosedur persekitaran yang kondusif dan membantu kanak-kanak ini supaya lebih tenang dan juga selesa dalam keadaan berbicara seiring dengan kepercayaan yang diberikan oleh mereka.

Dato' Yang di-Pertua, saya berbesar hati menyokong pindaan 2017 ini dalam usaha menaikkan martabat kanak-kanak dalam negara ini. Jadi, saya menyokong Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2024. Sekian saja perbahasan saya. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Tepuk]*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Md. Ghazali.

3.53 ptg.

Tuan Amir bin Md. Ghazali: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang saya hormati Dato' Yang di-Pertua, Ahli Dewan Negara dan seluruhnya saudara-saudara yang saya banggakan. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih diberi peluang berbahas di Dewan yang mulia ini mengenai Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2024. Pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk menjadikan sistem keadilan jenayah kita lebih mudah diakses dan adil bagi saksi kanak-kanak.

Dato' Yang di-Pertua, kanak-kanak adalah satu amanah, ujian dan anugerah yang sangat berharga dari Allah kepada hambanya. Lalu kita- semua di kalangan memiliki zuriat masing-masing. Mereka ini dipinjamkan hanya sementara, sekejap sahaja kepada kita di

mana harus dijaga, dipelihara, dididik dengan sempurna sebaik-baiknya termasuklah memastikan keselamatannya di dunia dan di akhirat.

Setiap daripada kita harus sedar bahawa betapa penting dan besarnya tanggungjawab kita sebagai pemimpin negara, pemimpin masyarakat dan sebagai ibu bapa bagi melindungi sebaik-baiknya. Hal ini tidak kira sama ada anak yang diperolehi itu anak yang sempurna ataupun anak yang tergolong dalam kategori orang kurang upaya (OKU).

Dato' Yang di-Pertua, melalui pindaan undang-undang yang dibahaskan ini, ia menunjukkan keprihatinan yang amat tinggi Kerajaan MADANI pimpinan Perdana Menteri atas perilaku kesalahan-kesalahan jenayah seksual yang melibatkan kanak-kanak di dalam negara kita. Sering kali kita mendengar dan berhadapan dengan isu ini di kawasan kita, di sekitar kejiranan kita, seolah-olah kita berada di sebuah negara dunia ketiga ataupun negara yang tidak bertamadun, tidak ada undang-undang.

Di surat khabar, di media sosial, media elektronik, kita dihidangkan berita-berita yang menyentuh hati nurani kita. Terdapat kejadian anak-anak dipukul, didera, dihumban dari bangunan, dihempuk hingga meninggal dunia sama ada dilakukan oleh jiran tetangga, penjaga, bapa angkat, ibu angkat atau menjadi mangsa perbuatan ganas seksual daripada ibu bapa itu sendiri.

Namun begitu, pindaan 118 yang tidak lagi memasukkan kompetensi inkuiri untuk setiap saksi kanak-kanak yang mana saya amat bersetuju terhadap pindaan tersebut. Namun begitu, soalnya mengapa di UK dan di India sudah lama mengiktiraf bahawa saksi kanak-kanak juga sama kompeten dengan saksi dewasa? Malaysia masih ketinggalan. Namun begitu, tidak mengapa. Kita memulakan perkara yang baik ini.

Dato' Yang di-Pertua, dapatan daripada pelbagai sumber dan laporan media massa terdapat sejumlah 18,326 kes telah dilaporkan sejak tahun 2018 sehinggalah November 2023 dan daripada kesalahan yang dilaporkan adalah terdiri daripada kegiatan aktiviti rogol, sumbang mahram seperti mana Prof bagi tahu tadi dan juga saya difahamkan kesalahan-kesalahan seksual ini meningkat sebanyak 9.5 peratus di Malaysia. Ini ialah salah satu kadar yang amat membimbangkan kita- semua.

Hasil pembentangan RUU ini, saya difahamkan bahawa rang undang-undang yang digubal ini adalah memudahkan prosiding di mana kanak-kanak ini akan memberi keterangan. Yang Berhormat Menteri telah menyatakan dengan pindaan rang undang-undang ini kekompetenan saksi kanak-kanak untuk memberi keterangan dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang yang berhubungan dengan mana-mana kesalahan di bawah akta ini dan mana-mana akta lain akan dipermudahkan. *Insyah-Allah*.

Dato' Yang di-Pertua, saya nak mengambil kesempatan dalam perbahasan ini. Ia menyentuh dan berkongsi Dewan yang mulia ini serba sedikit keadaan yang terjadi kepada ikon bola sepak negara. Kes yang melibatkan pemain bola sepak negara saudara Faisal Halim

juga perlu disegerakan proses prosiding agar mendapat pembelaan yang sewajarnya. Ya, daripada kanak-kanak dia bermula diasuh, dididik, mengambil masa bukan sehari dua tapi bertahun-tahun lamanya untuk mencipta skil yang luar biasa sehingga diiktiraf ke peringkat antarabangsa.

*Ku sangka nanas di tengah padang,
Rupanya pandan yang tumbuh berduri;
Ku sangka panas hingga ke petang,
Rupanya hujan di tengah hari.*

Sementara sahaja. Pelbagai kenyataan dikeluarkan, pelbagai persepsi dibentuk dan keluarlah kisah-kisah rekaan yang boleh menjejaskan industri sukan bola sepak negara. Kesan daripada kejadian tersebut, saudara Faisal Halim menderita dan menghadapi trauma, keluarga hidup dalam ketakutan, karier beliau kemungkinan hancur lebur jika kesihatannya menurun. Masa depan penuh gelap gelita.

Inilah satu tragedi yang saya harap tidak akan berulang lagi di bawah Kerajaan MADANI kepada mana-mana individu yang mempunyai potensi di pelbagai bidang. Saya menggesa dan merayu kepada Menteri yang berkaitan agar meneliti kembali kes-kes sebegini dan perlu diberi keutamaan, keadilan dan pembelaan yang sewajarnya. Dengan ini, saya menyokong RUU Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2024. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Md. Ghazali. Sekarang menjemput Menteri untuk menjawab.

3.58 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyertai sesi perbahasan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2024.

Segala cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat amat dihargai dan akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2024 iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa, Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad, Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang. Eh sama juga. Dua kali.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Satu, Dato' Haji Husain bin Awang dan Tuan Haji Hussin bin Ismail... *[Ketawa]*

Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson: Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran; Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan; Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah; dan Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Md. Ghazali.

■1600

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa telah membangkitkan beberapa perkara. Saya akan beri jawapan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan Senator-Senator yang lain, bilik saksi dan bilik menunggu saksi kanak-kanak yang telah ditubuhkan adalah bersifat mesra kanak-kanak dan membolehkan saksi mangsa kanak-kanak yang hadir perbicaraan di Mahkamah merasa lebih selesa dan selamat kerana mereka ditempatkan berasingan daripada orang awam. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri sebelum ini, bahawa *colour* dan sebagainya pun akan diambil kira supaya menyenangkan kanak-kanak bila memberi keterangan.

Kedua, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dari semasa ke semasa sentiasa melaksanakan kursus-kursus berkaitan kanak-kanak dan jenayah seksual terhadap kanak-kanak sama ada secara dalaman- *in-house* atau di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan. Ini adalah untuk menjawab soalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa. Antara kursus yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- (i) ceramah berhubung dengan prosiding mahkamah yang melibatkan kanak-kanak;
- (ii) seminar melindungi hak dan menyokong mangsa jenayah seksual kanak-kanak;
- (iii) kursus penderaan dan pengabaian kanak-kanak di Malaysia;
- (iv) kursus pengendalian saksi kanak-kanak: isu dan cabaran;
- (v) kursus komprehensif undang-undang berkaitan kanak-kanak di Malaysia;
- (vi) *course on the law relating to sexual crimes*;
- (vii) kursus penterjemahan dan penguasaan bahasa jurubahasa bagi mahkamah rendah;
- (viii) *high-level roundtable regarding best practices relating to the handling of the child victims/witnesses in the criminal justice system*; dan
- (ix) *seminar on sharing good practices from the UK in handling of child victims in criminal justice system*.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa, perkara yang beliau bangkitkan, jawapannya adalah- berkenaan dengan cadangan pewujudan tentang pengendalian kes-kes jenayah seksual kanak-kanak, kerajaan menerima baik cadangan yang dikemukakan dan akan diperhalusi secara teliti bersama semua pihak kepentingan termasuk Majlis Peguam.

Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad telah membangkitkan banyak perkara. Jawapannya adalah seperti berikut. Didapati kes-kes terpaksa diberikan arahan DNAA melibatkan situasi, antara lain, keengganan mangsa untuk meneruskan kes terhadap tertuduh. Kerajaan sedang meneliti perkara ini di mana isu ini akan dibincangkan bersama semua pihak berkepentingan agar keadilan terhadap mangsa kanak-kanak dapat dipelihara.

Kedua, kerajaan tidak akan mengamalkan prinsip *double standard*. Sekiranya terdapat bukti yang kukuh seseorang itu telah didapati melakukan kesalahan jenayah seksual, seseorang itu akan dibawa ke mahkamah tanpa mengira status atau kedudukannya.

Ketiga. Ya, terdapat garis panduan kanak-kanak untuk mengendalikan kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak di Malaysia yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan pada tahun 2017 yang digunakan sebagai panduan yang seragam untuk semua pihak yang terlibat dalam pengendalian kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak sebelum, semasa dan selepas kes tersebut dibawa ke mahkamah. Kerajaan komited untuk memperluaskan usaha bagi memperluaskan kesedaran terhadap bahaya jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Usaha ini akan melibatkan kerjasama dengan jabatan dan agensi berkaitan yang lain.

Sebab utama kes kesalahan seksual kanak-kanak dilepaskan, DNAA, adalah- oh, ini saya sudah jawab.

Yang Berhormat Senator Sivaraj a/l Chandran membangkitkan perkara tentang apakah kerajaan mempunyai perancangan mengintegrasikan teknologi dalam sistem penguatkuasaan.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Melalui Pelan Strategik Kementerian Dalam Negeri 2021-2025, selain penggunaan *artificial intelligence* (AI), KDN juga mempertimbangkan penggunaan dron, automasi berasaskan robotik, *cloud computing* dan *internet of things* (IoT) yang berupaya mengurangkan kos dan sumber manusia di samping meningkatkan kecekapan agensi penguat kuasa dalam menangani cabaran dan isu-isu keselamatan. Strategi ini juga adalah selaras dengan dasar pendigitalan yang dibuat oleh kerajaan.

Dato' Yang di-Pertua, nampaknya ini hanya ada jawapan-jawapan yang sedia. Perkara-perkara yang lain yang dibangkitkan adalah juga berkenaan perkara ini, pejabat akan membuat secara tulis dan memberi jawapan-jawapan tersebut.

Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Itu hak YB untuk menjawab.

Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson: Mesti jawab punya.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

*[**Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Puan Lim Hui Ying) dan diluluskan]

■1610

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN (PINDAAN) 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.10 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2024 dibacakan untuk kali kedua sekarang.

Dato' Yang di-Pertua, pada tanggal 11 Julai 2024, Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2024, D.R.25/2024 tersebut telah turut diluluskan di Dewan ini pada hari ini. Melalui rang undang-undang tersebut, Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 [Akta 676] dipinda untuk mengadakan peruntukan bagi kedua-dua peruntukan substantif dan tatacara mengenai keterangan saksi kanak-kanak dan Akta 676 akan menjadi perundangan utama yang memberikan tumpuan mengenai keterangan saksi kanak-kanak.

Oleh itu pindaan berbangkit perlu dibuat antara lain kepada Akta Keterangan 1950 [Akta 56] untuk peruntukan yang perlu mengenai keterangan yang diberikan oleh saksi kanak-kanak. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan pindaan di bawah rang undang-undang ini melibatkan dua perkara utama iaitu:

- (i) pemotongan perkataan, dengan izin "*tender years*" dalam seksyen 118, Akta Keterangan 1980; dan
- (ii) pemotongan seksyen 133A, Akta Keterangan 1950.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rang undang-undang ini mengandungi tiga fasal.

Fasal 1, mengandungi tajuk ringkas yang dicadangkan dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 118, Akta Keterangan 1950 untuk memotong perkataan, dengan izin "*tender years*" yang digunakan dalam seksyen itu berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 untuk memasukkan ke dalam akta itu peruntukan yang berhubungan dengan kekompetenan saksi kanak-kanak untuk memberikan keterangan. Dengan pindaan ini, kekompetenan saksi kanak-kanak untuk memberikan keterangan dalam mana-mana prosiding hendaklah diuruskan di bawah Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007.

Fasal 3 bertujuan untuk memotong seksyen 133A Akta Keterangan 1950 berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 untuk memasukkan ke dalam akta itu peruntukan yang berhubungan dengan kebolehterimaan keterangan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya dan untuk membenarkan mahkamah mensabitkan seseorang tertuduh berasaskan keterangan tanpa sokongan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya.

Pindaan ini penting untuk menambah baik aspek kekompetenan saksi kanak-kanak untuk memberikan keterangan dalam mana-mana prosiding dan memansuhkan kehendak mandatori bahawa keterangan saksi kanak-kanak yang diberikan tanpa sumpahan hendaklah disokong untuk mendapatkan sabitan dalam prosiding jenayah.

Usaha ini diambil setelah mengambil kira semua maklum balas yang diberikan oleh pihak-pihak berkepentingan bagi memastikan penambahbaikan peruntukan keterangan saksi kanak-kanak dan pindaan perundangan yang dilaksanakan tidak membelakangkan pandangan mana-mana pihak.

Sememangnya, cadangan pindaan ini adalah sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan oleh Kerajaan Madani untuk melindungi hak dan kepentingan kanak-kanak di negara ini sambil hak tertuduh kepada perbicaraan yang adil serta memastikan suara kanak-kanak didengari dan dilindungi dalam sistem perundangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keterangan 1950 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Di hadapan saya ada permohonan untuk dua orang Ahli yang hendak berbahas. Maka, saya membuat ketetapan bahawa masa diberi 6 minit seorang.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: YB hendak 7 tadi, bagi 6 lah. Silakan Yang Berhormat Dato' Kesavadas.

4.15 ptg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pemansuhan seksyen 133A yang digariskan dalam rang undang-undang ini akan memberi ruang perundangan kepada mahkamah untuk melaksanakan penghakiman tanpa keterangan sokongan daripada saksi kanak-kanak seperti yang digariskan dalam seksyen 2D [Akta 676] yang dipinda.

Dengan kata lain, mahkamah boleh mempunyai *flexibility* untuk memuktamadkan sabitan ke atas seseorang tertuduh biarpun mahkamah hanya mengambil keterangan daripada saksi dewasa. Menerusi pemansuhan peruntukan tersebut, mahkamah berupaya melaksanakan pertimbangan bertumpu fokus atau *focus consideration*, dengan izin, terhadap satu-satu keterangan yang diucapkan oleh seseorang saksi dewasa yang dipanggil.

Natijahnya mahkamah boleh mengendalikan prosiding dengan lebih berfokus tanpa melibatkan perjalanan *inquiry* atau pemeriksaan hanya untuk menilai kefahaman atau literasi seseorang saksi kanak-kanak untuk berbicara di hadapan mahkamah. Oleh yang demikian, mahkamah serta pihak-pihak yang terlibat dalam satu-satu prosiding mampu mencapai penjimatan masa dan kos yang boleh memberi manfaat kepada mahkamah untuk

mengendalikan mana-mana kes yang jauh lebih penting untuk diputuskan khususnya bagi tujuan kemaslahatan umum.

Kelancaran prosiding yang boleh dicapai tanpa sebarang- untuk cabaran atau tidak perlu atau, dengan izin, *unnecessary challenges* sewajarnya dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh mahkamah untuk melakukan penelitian terhadap penghakiman tanpa mengetepikan prinsip keadilan terhadap mangsa lebih-lebih lagi mangsa itu ialah seorang wanita atau kanak-kanak.

Walaupun begitu, pengecualian terhadap keterangan sokongan daripada saksi kanak-kanak di hadapan mahkamah tidak boleh dijadikan sebagai penentu mutlak yang boleh menjustifikasikan pengendalian prosiding yang seimbang dan adil. Artikel 12 *Convention of Right of Children* yang ditandatangani oleh Malaysia pada 13 Februari 1995 sewajarnya didukung bersama oleh sistem perundangan negara.

Artikel tersebut dengan jelas menggariskan tentang kesaksamaan yang harus diberikan kepada kanak-kanak untuk suaranya didengar di dalam satu-satu prosiding perundangan. Dengan mengambil kira aspek umur dan kelancaran dalam pengucapan lisan, mahkamah sewajarnya menjadikan Artikel 12 Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Kanak-kanak sebagai dorongan penting dalam mempertimbangkan tanpa prejudis keperluan bagi kehadiran saksi kanak-kanak untuk memberikan keterangan sokongan dalam satu-satu prosiding.

Kanak-kanak yang tidak lagi mentah atau tidak lagi berada dalam kategori *tender years* terutamanya yang berumur di antara 13 hingga 17 diyakini secara zahirnya yang mempunyai keupayaan untuk memberi keterangan yang boleh dinilai kerasionalannya untuk tujuan penghakiman. Selagi mana sekarang seorang kanak-kanak yang dicadangkan oleh mahkamah untuk dipanggil memberi keterangan sebagai saksi seumpama akalnya.

Mahkamah seharusnya memberi ruang kepada kanak-kanak tersebut untuk memberi keterangan sebagai saksi. Dengan mengambil kira bahawa kanak-kanak itu merupakan saksi tunggal atau *sole witness*, dengan izin, dalam satu-satu kes yang memerlukan keterangan yang bersifat *elaborative* apa lagi pilihan yang ada pada mahkamah untuk membuat penghakiman yang rasional dan tepat jika mahkamah tidak mendengar keterangan daripada mulut kanak-kanak itu sendiri terlebih dahulu.

■1620

Berhubung dengan hal yang saya bangkitkan itu, saya ingin menjadikan kes *Maniam Santhiran lawan PP*, 2010 sebagai rujukan. Kes tersebut telah menjadikan kes *Vahula Bhushan All India Report 1989 Supreme Court* muka surat 236 sebagai duluan yang mana mahkamah mempunyai hak untuk mendengar serta menerima keterangan daripada seseorang saksi kanak-kanak biarpun ia dibuat tanpa keterangan sokongan.

Mahkamah telah memutuskan dengan tegas bahawa satu-satu kenyataan yang jelas dan meyakinkan boleh diterima biarpun diucapkan oleh seseorang saksi kanak-kanak yang mana Hakim telah menyatakan dengan izin, bahasa asalnya, *“The testimony of a single witness if it is straight forward cogent and it is believed it sufficient to prove the prosecution case. The conviction can be made on the testimony of such a single witness.”*

Berdasarkan kepada hujah penghakiman yang ditekankan dalam kes tersebut, saya ingin menegaskan bahawa pengecualian terhadap keterangan saksi kanak-kanak dalam satu-satu perbicaraan boleh menjejaskan prinsip *equality* dalam pengendalian mahkamah.

Justeru, dengan mengambil kira umur, kesihatan mental serta faktor lain yang bersifat *influential*, seseorang kanak-kanak sewajarnya diberikan hak yang saksama untuk menyuarakan keterangan yang membolehkan dirinya menyatakan kebenaran yang sepatutnya menjadi penilaian penting kepada mahkamah...

Timbalan Yang di-Pertua: Habis. Habis semua... *[Dichelah]*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Datuk Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh habiskan. Boleh habiskan

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya. Ya. Dah habis dah.

Timbalan Yang di-Pertua: Dah habis dah? Okey... *[Ketawa]*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: *[Ketawa]* Datuk Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: ...Sekian sahaja ucapan perbahasan yang saya bagi Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2024. Saya mohon menyokong. Masa 6 minit ini memang munasabah.

Timbalan Yang di-Pertua: Munasabah ya.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik... *[Ketawa]*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya ambil kira dalam perbahasan akan datang. Terima kasih YB Dato' Kesavadas.

Sekarang saya jemput YB Dato' (Dr.) Arman Azha. Masa 6 minit juga. Cukup?... *[Dichelah]*

4.22 ptg.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Malaysia Madani.

Jangan risau Datuk Yang di-Pertua. Saya minggu ini akan pastikan perbahasan saya bawah 5 minit...

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Nak bagi lebih?

Timbalan Yang di-Pertua: Ah.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Minggu depan.

Timbalan Yang di-Pertua: Minggu depan. Baik... *[Ketawa]* Terima kasih.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Terima kasih sekali lagi kerana memberikan laluan kepada saya berbahas mengenai Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2024. Datuk Yang di-Pertua, susulan daripada pindaan Akta 676 dan Akta 2017, maka Akta 1950 ini turut mengalami pindaan agar objektif dan akta-akta yang diguna pakai adalah selari antara satu sama lain bagi kes-kes yang melibatkan keterangan saksi kanak-kanak dalam negara ini.

Syabas sekali lagi kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-undang yang dalam usaha untuk memperkasakan undang-undang yang melibatkan saksi kanak-kanak seiring dengan peredaran dan perkembangan zaman dan kemajuan. Potongan perkataan "*tender years*" dalam seksyen 118 Akta 1950 serta potongan seksyen 113, akta yang sama bertepatan dengan mengiktiraf kompeten saksi kanak-kanak dalam negara ini.

Datuk Yang di-Pertua, kompetensi kanak-kanak tidak boleh diukur pada usia mereka kerana perkembangan intelektual dan emosi serta fizikal kanak-kanak hari ini berbeza-beza. Ada yang matang awal, ada yang matang lambat dan kerana itu pindaan akta ini amat penting. Walau bagaimanapun, secepat mana pun seorang kanak-kanak itu berbicara, kadang-kadang ada keterbatasannya daripada segi penyampaian dan bahasa dalam prosiding ketika memberikan keterangan. Cakupan tatabahasa yang masih belum cukup kembang dalam satu-satu bahasa atau dialek yang dituturkan oleh kanak-kanak tersebut memainkan peranan dalam penyampaian maklumat ketika prosiding berjalan.

Kita risau ketika prosiding berjalan, kanak-kanak tersebut masih lagi trauma lebih-lebih lagi kalau kanak-kanak itu dalam kes pencabulan. Jika Bahagian Hal Ehwal Undang-undang bersiap sedia dengan kemudahan jurubahasa khas untuk kanak-kanak, saya percaya selancar mana pun kanak-kanak itu berbicara, pasti masih ada kekangan tatabahasa yang timbul dalam menyampaikan keterangan mereka.

Datuk Yang di-Pertua, daripada segi perundangan pula, pindaan yang dilakukan adalah Akta 1950 amat penting. Namun ketersediaan kemudahan atau pindaan di lapangan untuk implementasikan pindaan tersebut bagaimana pula? Adakah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang telah bersedia? Nanti risau implementasi tidak dapat dilaksanakan ketika akta ini diluluskan. Datuk Yang di-Pertua, kita tidak mahu di atas kertas dan secara teorinya dilihat cantik, indah, mudah, tetapi di lapangan sentiasa mengalami pelbagai cabaran dengan ketertidaksediaan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang.

Namun begitu, walau apa pun cabaran yang mungkin timbul dalam melaksanakan pindaan, langkah berani daripada Bahagian Hal Ehwal Undang-undang ini untuk merubah persepsi kolot yang mengenai kompetensi keterangan saksi kanak-kanak ini amat saya hargai

demikian menghargai masa hadapan kanak-kanak dalam negara ini. Kita tahu kanak-kanak merupakan pewaris negara kita. Kanak-kanak dalam mahkamah diberikan keterangan dan saya yakin ada di kalangan kanak-kanak ini masih lagi dalam keadaan trauma.

Jadi, saya harap apabila rang undang-undang ini diluluskan, Bahagian Hal Ehwal Undang-undang perlu lihat di semua sudut. Jangan hanya cantik di atas kertas macam saya nyatakan tadi, akhirnya implementasinya tidak berjaya, tetapi selaku seorang Ahli Dewan Negara, Datuk Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini dilaksanakan. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Macam saya nyatakan. Bawah 5 minit, minggu ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, YB nak gred apa- A kah, B kah, A+?

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Saya tak payah *grading* lagi Datuk Yang di-Pertua, sebab minggu depan panjang saya nak bahas. Saya simpankan untuk diskaun minggu depan.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. *Insyaa-Allah*, saya sediakan masa... *[Ketawa]* Terima kasih YB. YB Menteri.

4.27 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]:Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih kepada dua orang pembahas yang saya rasa adalah perkara-perkara yang relevan yang telah dibahaskan.

Saya ingin hanya ringkas sahaja mengenai kes yang dirujuk oleh Yang Berhormat Kesavadas mengenai kes Maniam itu. Saya rasa adalah relevan dan kita akan ambil tahu. Kita sudah ambil tahu mengenai kes tersebut kerana prinsipnya adalah satu prinsip yang kita semua ketahui dan tindakan susulan akan diambil.

Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah, *I hope I call the right name*. Terima kasih kepada sokongan Yang Berhormat. Perkara-perkara Yang Berhormat khuatiri akan diambil kira dan mustahak sekali, saya terima kasih kerana memberi sokongan penuh kepada pemindaan rang undang-undang ini. Terima kasih kepada semua Ahli Senator yang lain yang tidak berbahas, tetapi memberi sokongan juga. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Belum beri sokongan lagi YB. Baharu dalam proses hendak bagi sokongan ini... *[Dewan ketawa]*

Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson: Tanjung, Tanjung akan bagi sokongan.

Timbalan Yang di-Pertua: Jawapan yang ringkas dan pendek. Saya harap memuaskan hati kedua-dua pembahas kita... *[Ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya adalah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Puan Lim Hui Ying) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SUMPAH DAN IKRAR (PINDAAN) 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.31 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Sumpah dan Ikrar (Pindaan) 2024 dibacakan untuk kali yang kedua sekarang.

Datuk Yang di-Pertua, pada 11 Julai 2024, Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2024 iaitu DR25/2024. DR25/2024 tersebut telah turut diluluskan di Dewan ini pada hari ini. Melalui rang undang-undang tersebut, Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 [Akta 676] dipinda untuk mengadakan peruntukan bagi kedua-dua peruntukan substantif dan tatacara mengenai keterangan saksi kanak-kanak dan Akta 676 akan menjadi perundangan utama yang memberikan tumpuan mengenai keterangan saksi kanak-kanak. Oleh itu, pindaan berbangkit perlu dibuat, antara lain kepada Akta Sumpah dan Ikrar 1949 [Akta 194] untuk peruntukan yang perlu mengenai keterangan yang diberikan oleh saksi kanak-kanak.

Datuk Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, rang undang-undang ini mengandungi dua fasal.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memotong seksyen 8, Akta Sumpah dan Ikrar 1949 mengenai keterangan orang yang umurnya belum matang. Pemotongan ini adalah berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 untuk memasukkan ke dalam akta itu peruntukan mengenai keterangan oleh saksi kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah dan selainnya.

Sememangnya cadangan pindaan ini adalah sebahagian daripada komitmen berterusan oleh Kerajaan Madani untuk melindungi hak dan kepentingan kanak-kanak di negara ini sambil mengambil kira hak tertuduh kepada perbicaraan yang adil serta memastikan suara kanak-kanak didengari dan dilindungi dalam sistem perundangan kita. Datuk Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa menyokong.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Sumpah dan Ikrar 1949 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai dua orang sahaja yang hendak berbahas. Maka saya hendak membuat ketetapan bahawa masa akan diberikan adalah 6 minit seorang.

Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Seri Prof. Dr. Awang bin Sariyan.

4.35 ptg.

Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Saya kira, saya hanya perlu menggunakan waktu separuh daripada yang diperuntukkan.

Timbalan Yang di-Pertua: *[ketawa]*

Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Datuk Yang di-Pertua, kerana dalam tempoh dua hari ini, saya kira sudah banyak hujah-hujah yang telah kita kemukakan bagi mendukung dan menyokong keperluan mempertegas akta atau undang-undang pemeliharaan dan pemuliharaan hak dan keadilan bagi kanak-kanak. Termasuk dengan memberikan kewibawaan kanak-kanak sebagai saksi dalam soal-soal yang kursus berkaitan dengan isu-isu yang telah dibincangkan soal jenayah seksual dan sebagainya.

Maka, dalam konteks ini pada hemat saya tidak ada sebarang ruang lagi untuk kita berhujah ataupun melihat untuk menolak keperluan ini. Bahkan inilah saatnya yang terbaik

untuk kita memberikan sokongan padu pada usaha-usaha yang telah diberikan atau dikemukakan oleh pihak Menteri undang-undang atau pihak kerajaan dalam memastikan bahawa undang-undang kali ini akan dapat mendukung pembinaan masyarakat madani, masyarakat yang bertamadun yang kita harapkan akan dapat mencapai keadaan atau golongan sifar jenayah khususnya berkaitan dengan kanak-kanak sebagai golongan yang menjadi jaminan untuk kemajuan negara dan kesihatan rakyat seluruhnya.

Maka itu Datuk Yang di-Pertua, saya dengan ini memberikan sokongan padu kepada rang undang-undang yang kita bincangkan sekarang. Terima kasih Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Ini yang paling singkat.

Timbalan Yang di-Pertua: Bila bagi masa lebih tak nak. Bila bagi masa sikit tak nak.

Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Minggu depan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih... *[Ketawa]*. Sekarang saya jemput Senator Noraini Idris untuk berbahas.

4.36 ptg.

Datuk Noraini binti Idris: Tuan Yang di-Pertua terima kasih Datuk Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Masa 6 minit ya...

Datuk Noraini binti Idris: ...Memberikan saya ruang...

Timbalan Yang di-Pertua: Nak 6 minit, nak lebih?

Datuk Noraini binti Idris: Boleh lah.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh ambil masa Datuk Awang tadi.

Datuk Noraini binti Idris: Boleh lah 6 minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Hah?

Datuk Noraini binti Idris: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa 9 pun boleh. Datuk Awang tadi 3 minit saja.

Datuk Noraini binti Idris: Okey. *We follow the flow* la.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik... *[Ketawa]* Silakan.

Datuk Noraini binti Idris: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang untuk bersama-sama mengambil bahagian membahaskan rang undang-undang ini.

Tujuan utama pindaan rang undang-undang ini adalah bagi tujuan menyokong pindaan yang dibuat dalam Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2024. Berdasarkan Rang Undang-undang Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 yang dipinda untuk mengadakan peruntukan dan tatacara mengenai keterangan saksi kanak-kanak. Selain itu, Rang Undang-undang Sumpah dan Ikrar juga merupakan peruntukan yang

diperlukan dalam keterangan yang diberikan oleh saksi kanak-kanak dalam setiap kes yang melibatkan golongan ini.

Komitmen yang diberikan oleh kerajaan pada hari ini yang terus komited dalam usaha melindungi hak dan kepentingan kanak-kanak di negara amat dihargai. Pindaan ini juga difahamkan mengambil kira hak tertuduh kepada perbicaraan yang adil serta memastikan suara kanak-kanak didengari dan dilindungi dalam semua perundangan di negara ini amat dihargai dan perlu disokong agar hasrat ini tercapai.

Namun begitu, terdapat beberapa isu berbangkit yang ingin saya dapatkan penjelasan lanjut daripada YB Menteri iaitu bagaimanakah kaedah yang digunakan bagi memastikan kanak-kanak yang ingin mengangkat sumpah ini benar-benar faham dengan istilah bersumpah ini dan adakah peguam atau sesiapa yang dilantik wajib memberikan penjelasan terperinci dengan bahasa yang mudah difahami oleh golongan kanak-kanak ini sebelum akuan sumpah dibuat.

Bahkan, jika kanak-kanak ini didapati memberi keterangan bersumpah yang tidak benar ataupun palsu, adakah mereka juga akan berhadapan dengan sabitan membuat keterangan palsu sama seperti yang dikenakan terhadap saksi dewasa? Bahkan adakah terdapat keperluan mendesak bagi memberi ruang kepada saksi kanak-kanak ini untuk memberi keterangan bersumpah hanya melibatkan kes-kes berat atau ianya terbuka kepada semua kes.

Dengan pindaan rang undang-undang ini juga akan menjadikan layanan sama rata diberikan terhadap kebolehterimaan keterangan kanak-kanak sama seperti keterangan orang dewasa. Di sini saya ingin tahu adakah sekiranya saksi kanak-kanak ini gagal hadir atau enggan hadir untuk datang memberi keterangan apabila dikehendaki oleh pihak mahkamah. Adakah saksi kanak-kanak ini akan tertakluk kepada pengeluaran sapina ataupun waran tangkap sekiranya dia gagal beri hadir atau enggan hadir yang mana prosedur ini boleh dikenakan ke atas saksi dewasa.

Berbalik kepada sumpah dan ikrar di mahkamah, bagaimana pula dari sudut kefahaman tentang sumpah dan ikrar di mahkamah yang akan dibuat secara terperinci bagi memastikan saksi benar-benar memahami definisi dan konsep akuan bersumpah di mahkamah adalah jauh berbeza daripada ikrar yang sering kali kanak-kanak ini lafazkan di sekolah.

■1640

Bahkan, adakah implikasi terhadap pencabulan akuan bersumpah ini akan dijelaskan secara terperinci kepada ibu bapa atau penjaga saksi kanak-kanak ini yang mungkin juga kurang faham tentang konteks akuan bersumpah mahkamah? Satu lagi soalan saya, adakah pindaan ini juga merangkumi akuan bersumpah kanak-kanak yang dibuat di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 yang biasanya dibuat di hadapan pesuruhjaya sumpah?

Pengakhirannya, diharapkan...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada masa lagi. Belum habis lagi.

Datuk Noraini binti Idris: Akan tetapi pendek sahaja lagi lepas ini... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Datuk Noraini binti Idris: Diharapkan dengan pindaan yang dibuat dalam rang undang-undang ini akan memberi peluang kepada saksi kanak-kanak untuk mendapat peluang yang sama dengan golongan dewasa. Namun, dalam masa yang sama semua pihak yang terlibat perlulah bersedia dalam apa juga keadaan bagi memastikan reformasi ini bukan sahaja akan memberi ruang kepada saksi untuk tampil dengan yakin, namun juga sebagai satu langkah ke hadapan dalam sistem perundangan negara kita.

Datuk Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong pindaan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB. Sila YB Menteri.

4.41 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Datuk Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyertai sesi perbahasan rang undang-undang ini. Segala cadangan dan pandangan Ahli Yang Berhormat amat dihargai dan akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan telah memberi pandangan bahawa *the importance of this act* dan juga telah memberi sokongan. Saya berterima kasih kepada beliau. Yang Berhormat Senator Datuk Noraini Idris membangkitkan banyak perkara walaupun hanya singkat dalam tak sampai 4 minit, tetapi perkara-perkara yang berkaitan ini saya akan jawab seberapa yang boleh sebagai peguam dan sebaliknya akan mendapat jawapan daripada pihak pegawai-pegawai.

Soalan adakah peguam akan menjelaskan dengan terperinci mengenai sumpah yang perlu diambil oleh kanak-kanak? Adalah menjadi tugas Hakim dalam prosiding mahkamah untuk memastikan kanak-kanak sebelum mengambil sumpah bahawa kanak-kanak itu faham mengenai sifat sumpah yang diambilnya iaitu kanak-kanak itu perlu bercakap benar dan kanak-kanak itu perlu faham kepentingan memberi sumpah.

Lagi satu adalah mengenai apabila kanak-kanak itu tidak hadir. Adakah sepina dan sebagainya akan dikeluarkan? Itu adalah dengan budi bicara daripada DPP, tetapi pada keseluruhannya selalunya oleh kerana kanak-kanak terlibat, dia akan sedikit luar biasa daripada kes-kes yang biasa. Dalam kes-kes yang biasa, dewasa senang untuk mengeluarkan sepina, tetapi untuk kanak-kanak perhatian akan diambil dan kaunseling dan

sebagainya akan diberi sebelum sepina dikeluarkan. *Not* semata-mata dikeluarkan dan sebagainya.

Timbalan Pendakwa Raya boleh mengeluarkan bukan sahaja sepina, tetapi juga waran tangkap, jika perlu. Perkara-perkara yang lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, jawapan akan dibuat secara tulis. Saya berterima kasih kepada kedua Yang Berhormat perkara-perkara yang dibangkit. Seperti yang kita perlu faham, ini adalah *consequential*. Dia adalah berkait *necessary amendment* yang perlukan untuk *the Principal Act*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(5), saya hendak menetapkan bahawa Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan dan diluluskan D.R. 29/2024, Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2024 seperti nombor enam dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini. Selepas itu, majlis akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, Rabu 24 Julai.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Digital (Datuk Ugak Anak Kumbong) dan diluluskan].

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN (LANGKAH-LANGKAH KHAS) (PINDAAN) 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.26 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]: Datuk Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan Langkah-langkah Khas (Pindaan) 2024 dibacakan untuk kali yang kedua sekarang.

Datuk Yang di-Pertua, pada 11 Julai 2024, Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2024, D.R. 25/2024 tersebut telah turut diluluskan di Dewan ini pada hari ini. Melalui rang undang-undang tersebut, Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 [Akta 676] dipinda untuk mengadakan peruntukan bagi kedua-dua peruntukan substantif dan tatacara mengenai keterangan saksi kanak-kanak dan Akta 676 akan menjadi perundangan utama yang memberikan tumpuan mengenai keterangan saksi kanak-kanak.

Oleh itu, pindaan berbangkit perlu dibuat antara lain kepada Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 [Akta 747] untuk meminda peruntukan yang perlu mengenai keterangan yang diberikan oleh saksi kanak-kanak.

*[Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Puan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, rang undang-undang ini mengandungi dua fasal.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memotong seksyen 19 Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 mengenai sabitan seseorang tertuduh berdasarkan testimoni tanpa sokongan kanak-kanak dalam usia mentah.

■1650

Pemotongan ini adalah berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 untuk memasukkan ke dalam akta itu peruntukan yang membenarkan mahkamah mensabitan seseorang tertuduh berasaskan keterangan tanpa sokongan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya. Dengan pindaan ini, pensabitan seseorang bagi mana-mana kesalahan keselamatan sebagaimana yang

dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 berasaskan keterangan tanpa sokongan saksi kanak-kanak hendaklah diuruskan di bawah Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007.

Sememangnya cadangan pindaan ini adalah sebahagian daripada komitmen berterusan Kerajaan Madani untuk melindungi hak dan kepentingan kanak-kanak di negara ini sambil hak tertuduh- mengambil kira hak tertuduh kepada perbicaraan yang adil serta memastikan suara kanak-kanak didengari dan dilindungi dalam sistem perundangan kita. Datuk Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Digital [Datuk Ugak anak Kumbong]: Datuk Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai satu sahaja ya, satu orang Ahli yang hendak berbahas maka saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah 6 minit, cukup Yang Berhormat- ker nak lebih?

Puan Susan Chemerai Anding: Lebih dari cukup.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Okey, terima kasih. Dipersilakan... [*Dewan riuh*]

4.52 ptg.

Puan Susan Chemerai Anding: Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahaskan rang undang-undang ini iaitu suatu Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012. Dalam bahasa Inggeris ialah *Security Offences Special Measures Act 2012*, dengan izin, atau disebut sebagai SOSMA, dengan ringkas Akta 747.

RUU ini adalah susulan pindaan berbangkit daripada Akta 676 iaitu Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 yang baharu sahaja diluluskan sebentar tadi. Dengan pindaan Akta 676 ini semua keterangan kanak-kanak bagi apa juga jenis kesalahan akan tertakluk kepada Akta 676. Ada lima lagi akta yang dipinda sebab berbangkit daripada pindaan kepada Akta 676 yang sama.

Namun antara akta-akta ini yang berbangkit Akta 747 iaitu Akta SOSMA ini boleh dikatakan ada sedikit kelainan. Satu, ia nya adalah akta keselamatan yang berbangkit ataupun berkait dengan jenayah berat seperti *terrorism* dan *gangsterism*, dengan izin, *extremism* dan sebagainya yang mengancam keselamatan negara. Keduanya ialah prosedur

berkenaan dengan keterangan yang diberi dan sebagainya, banyak dia *deviate*, dengan izin, atau lari daripada jenayah biasa lain sebab melibatkan jenayah berat.

Contoh, orang yang ditahan di bawah SOSMA boleh ditahan tanpa bicara selama 28 hari dan ada yang ditahan pada satu tempoh yang agak panjang sebab tempoh boleh dilanjutkan. Penggunaan dokumen di bawah seksyen 18A SOSMA juga satu *deviation* daripada Akta Keterangan misalnya yang membuat sabitan di bawah SOSMA. Ini mengundang tanda tanya, jadi oleh itu sesetengah pihak menganggap SOSMA ini undang-undang yang *draconian* ataupun zalim.

Justeru saya mahu tahu pandangan Menteri, adakah pindaan ke atas keterangan kanak-kanak ini nanti akan bermakna lebih senang untuk mendapat sabitan pada kes-kes SOSMA sebab kalau benar ini mungkin menyebabkan ketidakadilan kepada yang tertuduh. Ini terutamanya memandangkan kehendak bagi mahkamah mengingatkan dirinya *warn itself* tentang bahaya membuat sabitan terhadap seseorang tertuduh berdasarkan keterangan kanak-kanak akan ditiadakan melalui pindaan kepada Akta 676 ini.

Saya rasa ini sudah dijawab oleh Menteri tadi, tapi saya mahu juga *raise this issue* kalau ada bezanya dengan SOSMA. Saya juga ingin penjelasan sama ada kanak-kanak yang memberi keterangan di bawah Akta SOSMA diberi perlindungan tambahan dari yang biasa sebab ini melibatkan kes-kes jenayah yang berat. Puan Yang di-Pertua, sudah pasti pindaan kepada Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak dan pindaan kepada SOSMA seksyen 19 yang berbangkit dari ini menunjukkan komitmen berterusan Kerajaan Madani untuk melindungi hak dan kepentingan kanak-kanak negara ini serta memastikan suara kanak-kanak didengari dan dilindungi dalam sistem perundangan kita.

Akta SOSMA ini pula diperlukan untuk tujuan keselamatan rakyat dan negara. Jadi pada masa kini, kita- semua mahukan keselamatan rakyat dan negara, kita juga seharusnya tidak mengabaikan keperluan untuk memastikan perundangan kita berlaku adil kepada proses percabaran tertuduh. Kita harus juga menegakkan keadilan dalam sistem perundangan tersebut selaras dengan hasrat Malaysia Madani. Sekian sahaja, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Tak perlu masa lagi Yang Berhormat? Okey, bagi masa tak nak pula ya. Okey, dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

4.57 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]: Terima kasih Datuk Speaker. Baharu dapat jawapan.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Puan Susan Chemerai Anding yang telah mengambil bahagian dalam- hanya seorang sahaja Senator yang mengambil bahagian dalam rang undang-undang ini pindaan dan saya percaya ini adalah beliau mewakili semua Senator di sini dan merangkumi dengan *facts* yang berkenaan.

SOSMA saya setuju adalah satu akta yang sangat serius, tetapi pindaan-pindaan kepada Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak merupakan undang-undang yang sedia ada di bawah SOSMA berkenaan dengan keterangan tanpa sokongan oleh saksi kanak-kanak tidak mengubah kedudukan undang-undang. Beliau juga, Yang Berhormat Senator juga menanya bila sabitan dan sebagainya dengan keterangan kanak-kanak. Saya ingin beritahu dan menegaskan bahawa tidak ada kompromi dalam hal ini.

Mahkamah akan mengambil kira seluruh keterangan yang wajar dan akan memberi sabitan bukan kerana kanak-kanak atau dorongan-dorongan dan sebagainya sabitan akan berlaku. Saya percaya dan saya difahamkan bahawa ini adalah *due process of the law*. Ini adalah sedikit keterangan, ada beberapa perkara lain yang dibangkitkan jawapan bertulis akan dibuat. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Fasal-fasal dikemukakan kepada jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa **mempengerusikan Mesyuarat]***

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Digital (Datuk Ugak anak Kumbong) dan diluluskan]

■1700

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG ANGKATAN TENTERA (PINDAAN) 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.03 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]: Datuk Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2024 dibacakan untuk kali yang kedua sekarang.

Datuk Yang di-Pertua, pada 11 Julai 2024, Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2024, D.R. 25/2024 dan D.R. 25/2024 tersebut telah turut diluluskan di Dewan ini pada hari ini. Melalui rang undang-undang tersebut, Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 [*Akta 676*] dipinda untuk mengadakan peruntukan bagi kedua-dua peruntukan substantif dan tatacara mengenai keterangan saksi kanak-kanak dan Akta 676 akan menjadi perundangan utama yang memberikan tumpuan mengenai keterangan saksi kanak-kanak.

Oleh itu, pindaan berbangkit perlu dibuat antara lain kepada Akta Angkatan Tentera 1972 [*Akta 77*] untuk mengadakan peruntukan yang perlu mengenai keterangan yang diberikan oleh saksi kanak-kanak. Datuk Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, rang undang-undang ini mengandungi dua fasal.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 pula bertujuan untuk memotong proviso kepada subseksyen 109(2) Akta Angkatan Tentera 1972, berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 untuk memasukkan ke dalam akta itu peruntukan yang berhubungan dengan kebolehterimaan keterangan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya dan untuk membenarkan mahkamah mensabitkan seorang tertuduh berasaskan keterangan tanpa sokongan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya.

Sememangnya cadangan pindaan ini adalah sebahagian daripada komitmen berterusan oleh Kerajaan Madani untuk melindungi hak dan kepentingan kanak-kanak di negara ini sambil mengambil kira hak tertuduh kepada perbicaraan yang adil serta memastikan suara kanak-kanak didengari dan dilindungi dalam sistem perundangan kita. Datuk Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Digital [Datuk Ugak anak Kumbong]: Datuk Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai tiga orang Ahli yang hendak berbahas. Maka, saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah 6 minit seorang. Kalau nak lebih, *insya-Allah* boleh. Terima kasih.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

5.06 ptg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Puan Yang di-Pertua.

Peranan Mahkamah Tentera dalam mengendalikan satu-satu perbicaraan yang melibatkan pegawai serta anggota tentera sebagai tertuduh tidak boleh dipandang ringan. Menerusi perhatian bersama Kementerian Pertahanan, kerajaan seharusnya menumpukan segala keperluan yang boleh memartabatkan institusi Mahkamah Tentera sebagai pengendalian kehakiman yang berupaya berperanan dengan adil dan berwibawa.

Sejajar dengan pindaan seksyen 109(2) yang tidak akan lagi menguatkuasakan pemakaian peruntukan berkaitan keterangan saksi kanak-kanak dalam pensabitan yang dibuat oleh Mahkamah Tentera, Kementerian Pertahanan seharusnya melaksanakan inisiatif yang berorientasikan pembangunan kredibiliti penghakiman yang boleh meningkatkan tahap literasi perundangan atau *legal literacy*, dengan izin, seseorang pegawai yang menganggotai Mahkamah Tentera menurut seksyen 104, Akta 77 ini.

Dengan kata lain, setiap pegawai berkeelayakan yang dilantik untuk menjadi anggota Mahkamah Tentera tidak boleh lagi sewenang-wenangnya mempedulikan asas-asas penting yang digariskan dalam setiap undang-undang bertulis negara, khususnya Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, sistem penilaian literasi perundangan sewajarnya dilaksanakan secara berkala bagi menguji sejauh mana tahap kefahaman seseorang Pegawai Tentera dalam satu-satu skop perundangan yang relevan serta berkait rapat dengan bidang kuasa angkatan tentera 1972 sebagai anggota tetap Mahkamah Tentera. Menurut seksyen 104(2), Panglima bagi setiap unit angkatan tentera perlu menjadikan sistem penilaian tersebut sebagai mekanisme terbaik untuk membentuk integriti, profesionalisme serta moral ke arah mewujudkan proses pengendalian yang setara, berkredibiliti tinggi dan tidak boleh dipersoalkan oleh rakyat.

Bercakap tentang kredibiliti Mahkamah Tentera, saya berasa terpanggil untuk menyingkap kembali satu kritikan terbuka yang pernah dilontarkan oleh pakar Perlembagaan Persekutuan, Dr. Aziz Bari terhadap hukuman bersalah yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah Tentera terhadap Mejar Zaidi pada tanggal 20 Januari 2015. Dr. Aziz telah mempersoalkan kewajaran sabitan tersebut dengan menyatakan bahawa tindakan Mejar Zaidi yang berani mendedahkan penipuan SPR berhubung dakwat kekal tidak melanggar lunas Perlembagaan Persekutuan.

■1710

Mahkamah Tentera seharusnya berfungsi secara adil dalam mengendalikan seseorang pegawai tentera yang dituduh atas mana-mana kesalahan yang digariskan dalam Bahagian V, Akta Angkatan Tentera tanpa mengetepikan keluhuran Perlembagaan Persekutuan serta mana-mana undang-undang bertulis yang lain. Dengan kata lain, setiap anggota Mahkamah Tentera yang diamanahkan untuk mengendalikan satu-satu perbicaraan perlu dengan sedalam-dalamnya memahami skop atau cabang perundangan yang terlibat.

Kefahaman yang tinggi dalam satu-satu skop undang-undang bertulis boleh mendorong seseorang ahli Mahkamah Tentera untuk menghormati setiap batasan serta penetapan yang terkandung dalam satu-satu undang-undang yang *influential* serta *correlative* dengan perjalanan perbicaraan bagi satu-satu kes yang dibicarakan menurut Akta Angkatan Tentera.

Oleh sebab itu, penglibatan saksi untuk memberi keterangan dalam satu-satu perbicaraan mahkamah termasuklah Mahkamah Tentera seharusnya menjadikan sebagai antara pemberat penting yang boleh menjadikan sebagai justifikasi yang boleh mendorong kepada pengendalian yang lebih rasional. Dalam perbicaraan kes Mejar Zaidi, seseorang-saksi yang merupakan pesara tentera bernama Ahmad Yusof dipanggil oleh defendan semasa prosiding mitigasi.

Dalam keterangannya, pesara tersebut menyifatkan bahawa Mejar Zaidi merupakan seorang pegawai tentera yang cekap yang pernah membantu dalam operasi menyelamatkan pesara tersebut yang terlibat dalam kemalangan semasa bertugas sebagai askar pengaman di Bosnia pada tahun 1995. Saksi tersebut merayu di hadapan Mahkamah Tentera agar hukuman yang telah diputuskan ke atas Mejar Zaidi dikurangkan. Berdasarkan kepada fakta daripada kes bersejarah tersebut, sebagai penutup kepada perbahasan ini, saya ingin menekan bahawa Mahkamah Tentera seharusnya mengendalikan perbicaraan yang adil tanpa prejudis.

Ia seharusnya merangkumi penilaian hujah yang cermat yang dipandu dengan literasi undang-undang ahli tentera- Ahli-ahli Mahkamah Tentera di samping meliputi kaedah pengendalian yang inklusif dengan mengambil kira keterangan yang dilengkapkan- yang diungkapkan oleh seseorang saksi yang dipanggil.

Puan Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya bagi Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2024. Saya mohon menyokong. Cukup 6 minit. Terima kasih.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Yang Berhormat. Ngam-ngam ya enam minit. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah. Lebih daripada 6 minit diberikan.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: Saya dah beritahu dah. Kali ini saya berucap bawah 5 minit saja.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Bawah 5 minit. Dipersilakan.

5.13 ptg.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Malaysia Madani Datuk Seri Yang di-Pertua Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Negara. Pertama saya nak ucap tahniah dan terima kasih kepada empat Timbalan Menteri yang ada hari ini dan paling utama Bahagian Hal Ehwal Undang-undang dan juga daripada MINDEF kerana faham akta ini cukup memainkan peranan yang cukup penting bagi kedua-dua kementerian mereka. Terima kasih.

Datuk Yang di-Pertua, Akta 676 merupakan perundangan utama yang memberikan tumpuan mengenai keterangan saksi kanak-kanak. Oleh itu, pindaan berbangkit perlu dibuat. Antara lain, kepada Akta Tentera 1972 untuk peruntukan yang perlu mengenai keterangan yang diberikan kepada saksi kanak-kanak agar akta-akta yang melibatkan keterangan saksi kanak-kanak ini harus selaras.

Oleh yang demikian, saya melihat perkara ini sudut yang lebih positif dalam usaha kerajaan mengiktiraf keterangan saksi kanak-kanak dalam berada sama taraf seperti keterangan orang dewasa tanpa sebarang prejudis. Datuk Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, penerimaan keterangan saksi kanak-kanak di Mahkamah Tentera dilihat agak keberatan pada pandangan saya kerana imej tentera itu sendiri luarannya yang cukup hebat dan cukup serius.

Saya bercakap dalam konteks imej dan persekitaran Mahkamah Tentera yang saya lihat kurang kondusif untuk menjadikan tempat kepada saksi kanak-kanak untuk memberikan keterangan. Emosi kanak-kanak juga mudah terganggu akibat trauma, panik, kegelisahan malah mungkin juga ugutan-ugutan yang mungkin terima. Penerimaan keterangan saksi kanak-kanak di Mahkamah Tentera adalah pindaan yang diterima pakai umum.

Namun, bagaimanakah pula layanan dihulurkan kepada saksi kanak-kanak yang terlibat? Sifat dan fitrah kanak-kanak itu lembut, mudah terusik. Adakah pegawai-pegawai yang diberi kebertanggungjawaban itu dipilih khas untuk dilatih untuk berurusan mengambil keterangan kepada saksi kanak-kanak itu mengikut permintaan dan lenggok yang sesuai

dengan usia mereka? Penerimaan keterangan oleh rakaman audio visual patut dipuji dalam mengurangkan ketidakselesaian saksi kanak-kanak di persekitaran yang dilihat asing lebih-lebih lagi dalam suasana yang serius dalam Mahkamah Tentera.

Datuk Yang di-Pertua, macam saya nyatakan, saya minggu ini tak nak cakap panjang-panjang sebab saya tengok ramai pembahas dan saya yakin usul ini pun pasti akan diterima. Jadi, Datuk Yang di-Pertua, pindaan Akta Tentera 1972 ini bertepatan dengan pindaan Akta 676 dengan melayakkan saksi kanak-kanak memberi keterangan yang boleh diterima pakai di mahkamah sama ada bersumpah untuk kanak-kanak yang berumur 20 tahun ke atas dan berjanji untuk bercakap benar bagi kanak-kanak yang berusia di bawah 12 tahun kecuali kompeten mereka dicabar oleh pihak peguam ataupun mana-mana pihak.

Dengan itu, saya berdiri di sini menyokong pindaan Akta Angkatan Tentera 1972 untuk menerima kompeten saksi kanak-kanak. Sekian sahaja perbincangan saya. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam Malaysia Madani.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Yang Berhormat. Ini sekejap lagi saya akan memberi ruang seluas-luasnya kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberi penerangan, penjelasan yang lebih terperinci kepada tiga orang pembahas kita. Saya harap Menteri akan dapat memberi perincian jawapan. Terima kasih.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai. Perlu lebih masa daripada 6 minit?

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Cuba. *Insyah-Allah... [Ketawa]*

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Okey. Terima kasih. Dipersilakan.

5.17 ptg.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Okey. Terima kasih kepada Puan Yang di-Pertua. Pertama kali, saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan saya kepada Angkatan Tentera Malaysia ke atas usaha rapatnya melindungi sempadan dan kepentingan negara kita. Komitmen Angkatan Tentera Malaysia dalam memainkan peranan sebagai benteng utama negara merupakan kebanggaan negara dan harus kita hormati.

Puan Yang di-Pertua, pindaan rang undang-undang ini merupakan satu langkah yang proaktif yang untuk menyelaraskan peruntukan mengenai saksi kanak-kanak di Akta Angkatan Tentera seiring dengan pindaan Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007. Ianya penting untuk memastikan sistem perundangan kita sentiasa *attractive* dan juga dikemas kini dalam menangani urusan melibatkan kanak-kanak.

Pindaan kepada seksyen 109(2) mengenai pentadbiran sumpah dalam akta ini memotong proviso dan yang mengecualikan saksi kanak-kanak daripada mengambil sumpah yang merupakan langkah yang memperkasakan kredibiliti testimoni kanak-kanak *as their*

testimonies can be use as sole evidence. Tidak lagi saksi kanak-kanak dilayan seperti saksi kelas yang kedua berbanding dengan saksi dewasa.

Secara umum, pindaan ini adalah langkah yang tepat. Namun, saya mempunyai beberapa cadangan dekat sini kepada proses pra perbicaraan mahkamah yang melibatkan kanak-kanak terutamanya dalam konteks ketenteraan. Puan Yang di-Pertua, proses pra perbicaraan dalam konteks Mahkamah Tentera dapat ditambah baik dengan kaedah-kaedah yang meminimumkan tekanan mental kanak-kanak dan menyediakan mereka menghadapi proses perbicaraan.

Misalnya, Mahkamah Tentera boleh mengadakan *supportive interview, supportive interview*, dengan izin, atau temu bual yang menyokong kepada saksi kanak-kanak pra perbicaraan untuk memberi mereka satu gambaran tentang proses perbicaraan menerangkan kepada mereka hak-hak sebagai seorang saksi serta kaedah yang boleh membantu mereka mengurangkan rasa tekanan semasa perbicaraan dijalankan. Ia dapat meningkatkan ketepatan keterangan saksi kanak-kanak dan pada masa yang sama memastikan kesejahteraan mental saksi kanak-kanak tersebut.

■1720

Ingat, keterangan saksi kanak-kanak yang tepat bermakna kita dapat mempertahankan kepentingan terbaik- *the best interest* masyarakat serta semua individu yang terlibat dalam prosiding undang-undang.

Puan Yang di-Pertua, bagi saksi kanak-kanak yang merupakan mangsa serangan seksual, Mahkamah Tentera perlu menyesuaikan sikit kepada keperluan privasi dan kesejahteraan mental mangsa tersebut. Proses perbicaraan kehakiman adalah menggerunkan kepada kanak-kanak apatah lagi kanak-kanak yang merupakan mangsa serangan seksual.

Selain daripada kaedah perbicaraan seperti kehadiran secara maya ataupun video rakaman bagi mengurangkan rasa tekanan kepada mangsa kanak-kanak, saya berharap kerajaan juga boleh mempertimbangkan memberi rawatan mental atau terapi kepada mangsa kanak-kanak sebelum mereka memberi testimoni semasa perbicaraan yang memastikan proses tersebut tidak menjejaskan proses pemulihan kanak-kanak dan dapat menggabungkan proses pemberian testimonial sebagai proses penyembuhan.

Puan Yang di-Pertua, pindaan ini boleh diperkasakan lagi dengan garis panduan yang menyenaraikan amalan terbaik- *best practices* semasa menjalankan perbicaraan. Misalnya, langkah mengelakkan pencemaran bukti- *contamination of evidence* seperti tidak membenarkan mana-mana orang tanpa kebenaran pakar atau badan kehakiman untuk menghubungi atau berinteraksi dengan mangsa kanak-kanak dalam fasa pra-perbicaraan atau semasa perbicaraan supaya kompetensi dan kredibiliti testimonial mangsa kanak-kanak

tersebut tidak dipengaruhi dan tidak dicemari oleh elemen yang luar- *to avoid the contamination of evidence.*

Mungkin Mahkamah Tentera mempunyai garis panduan sebegini, saya tidak pasti. Jika ada sememangnya baik. Jika tiada saya mengesyorkan kerajaan agar mempertimbangkan cadangan ini demi keselamatan dan kesejahteraan mangsa-mangsa terutamanya mangsa kanak-kanak.

Puan Yang di-Pertua, saya pun nak ambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas kesediaan kerjasama dengan Indonesia untuk menugaskan pasukan pengaman ke Palestin. Ianya langkah yang wajar terutamanya perspektif kemanusiaan. Difahamkan lebih 21,000 orang kanak-kanak kini hilang, terkubur, terkorban akibat kekejaman genosid yang dilakukan oleh pihak Zionis.

Saya menggesa kerajaan agar terus memberi tekanan melalui perhubungan antarabangsa seperti representasi dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk gencatan senjata di Palestin supaya pasukan pengaman kita dapat menghulurkan bantuan kepada warga-warga Palestin terutamanya golongan kanak-kanak yang terperangkap di Gaza.

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada jasa angkatan tentera Malaysia yang teguh, berdedikasi dalam menjalankan tanggungjawab demi memajukan proses perbicaraan saksi kanak-kanak, saya memberi sokongan kepada Rang Undang-undang Angkatan Tentera. Sekian sahaja, terima kasih.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab dengan masa yang lebih saya berikan.

5.24 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]: Okey. Satu harilah, Yang Berhormat.

Puan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyertai sesi perbincangan rang undang-undang ini. Segala cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat amat dihargai dan akan diberi perhatian yang sewajar.

Tiga Ahli Yang Berhormat membahaskan rang undang-undang ini adalah Yang Berhormat Dato' Kesavadas, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Arman Azha dan Yang Berhormat Senator Dr. Dominic Lau.

Dato' Dr. Kesavadas telah membangkitkan perkara-perkara yang perlu dilaksanakan di Mahkamah Tentera dengan adil dan katakana, saya bersetuju. Itu adalah pandangan kerajaan bahawa Yang Berhormat yang setuju kepada pindaan dan mahkamah dan hakim-Hakim akan berwaspada dan mengambil kira kanak-kanak yang memberi keterangan di

mahkamah. Ini akan membolehkan sama rata seperti dewasa, tetapi oleh kerana kanak-kanak itu adalah berusia, berumur kurang dari 18 dan itu adalah budi bicara Hakim yang akan membuat keputusan itu, tetapi kita juga ada *expert* dalam mahkamah terutamanya jurubahasa yang akan memberi perhatian kepada kanak-kanak tersebut dan juga Timbalan Pendakwa Raya dan Peguam dan sebagainya.

Kedua Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Azha- adakah pegawai-pegawai yang mengendalikan saksi kanak-kanak mempunyai kepakaran yang mencukupi? Pegawai-pegawai yang mengendalikan saksi kanak-kanak termasuk Timbalan Pendakwa Raya (TPR) dipilih daripada TPR yang berpengalaman dan diberi latihan berterusan bagi memastikan kes-kes yang melibatkan saksi kanak-kanak dijalankan secara efisien dan perhatian- dan mesra kepada kanak-kanak. Yang Berhormat, lagi satu?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson: Sedang dalam proses. Saya mengambil kira pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat Dominic Lau, perkara-perkara yang khusus itu akan dijawab secara bertulis. Dengan kita, kita ada juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan. Jika beliau ingin menyumbang sedikit kerana dia ada kepakaran yang luar biasa memandangkan dia Timbalan Menteri dan juga *Court Marshall* dan sebagainya. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau nak sumbang itu saya memberi ruang kepada dia dengan kebenaran Yang Berhormat Puan Speaker.

Saya berterima kasih kepada semua Ahli Parlimen Senator yang telah menghujah hari ini. Mana-mana yang tidak saya sempat memberi jawapan, akan diberi jawapan secara tulis. Saya beri ruang kepada Yang Berhormat Speaker untuk menentukan adakah perlu Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi pandangan yang lebih dalam-dalam, dalam hal ini.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Ini keadaan luar biasa dan saya rasa sebagai seorang sahabat dan seorang Timbalan Menteri yang lama dan arif bolehlah memberi sedikit pandangan. Saya beri 5 minit kepada Yang Berhormat.

5.28 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Haji Adly bin Zahari]: Terima kasih Datuk Seri Speaker dan juga terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tak pernah berlaku, saya datang sini, tapi saya suka menarik perhatian.

Tadi ada dibangkitkan tentang Mahkamah Tentera tapi saya fikir akta ini banyak terkait dengan kesaksian daripada kanak-kanak walaupun tadi disebut tentang beberapa kes berhubung dengan Mahkamah Tentera, tetapi kalau mengikut maklumat saya, penyaksian daripada kanak-kanak ini sebenarnya tidak pernah lagi berlaku dalam kes-kes yang melibatkan di Mahkamah Tentera, tetapi walau bagaimanapun, kita tahu bahawa

keperluannya harus ada kerana kita tahu di hadapan itu mungkin ada perkara-perkara tadi ada dibangkitkan juga tentang isu-isu yang terkait dengan jenayah seksual.

Walaupun kalau kita tahu bahawa di Mahkamah Tentera, perkara-perkara begitu agak asing, tetapi saya fikir kewujudan akta ini adalah untuk memperkemaskan selari dengan Perlembagaan Negara dan dalam masa yang sama kita tak pasti ke hadapan itu apa lagi jangkaan-jangkaan kita di Mahkamah Tentera, tetapi macam tadi disebut pandangan tentang keseselesaian kanak-kanak di Mahkamah Tentera dan sebagainya, saya fikir itu bukan sahaja di Mahkamah Tentera, tapi keseluruhan daripada itu harus kita juga mengambil pertimbangan kerana kita tahu bahawa kanak-kanak itu daripada segi psikologinya- tadi saya lihat daripada awal, Yang Berhormat Dr. Awang Sarian juga ada menyebut tentang- bagaimana psikologi kanak-kanak itu. Itu pun harus saya fikir diambil ketetapan.

■1730

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kerana hari ini bila saya dengar pandangan-pandangan itu, saya ucap tahniah juga kepada Ahli-ahli Dewan Negara, kerana saya berminat, kerana banyak- hujah-hujah dikemukakan boleh menambah baik dari segi pelaksanaan. Walaupun kita memperkemaskan akta, tapi saya ucap tahniah kepada Ahli Dewan Negara juga kerana mengemukakan pandangan-pandangan kita untuk kita menambah baik terutamanya bagi menjaga kanak-kanak itu sendiri. Bukan sahaja daripada segi fizikal, sekitaran kita, tapi juga secara psikologinya.

Jadi, saya fikir di Kementerian Pertahanan- ya, anggota pertahanan kita, disiplin menjadi asas kita. Walaupun macam saya sebut tadi mungkin saksi kanak-kanak itu jauh daripada tindakan-tindakan disiplin yang kita lakukan pada hari ini di Mahkamah Tentera itu, tapi ke hadapan, ia juga menjadi keperluan sesuai dengan kehendak dan tuntutan Perlembagaan negara.

Jadi, ini spontan saya jawab. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberikan saya ruang dan juga kepada Datuk Seri Speaker. Terima kasih.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih, Timbalan Menteri Pertahanan. *Alhamdulillah*, syukur. Jawapan yang bagi saya sungguh memberi kita *insight to* apa yang akan berlaku dan sedang berlaku. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri, ada nak jawab soalan?

Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson: Ya, saya ada jawapan panas ini.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Ya, silakan.

Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson: Ini mengenai Senator Dr. Dominic Lau, di mana telah menanya- pastikan saksi kanak-kanak dikendalikan dengan lebih mesra di Mahkamah Tentera. Semua prosedur berkaitan saksi kanak-kanak akan dikendalikan di bawah Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007. Semua perlindungan juga diperuntukkan di bawah akta tersebut. Terima kasih.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

*[**Majlis Mesyuarat bersidang semula**]*

*[Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga; disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Puan Lim Hui Ying) dan diluluskan]

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Ahli-ahli Yang Berhormat, pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kelima-lima Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai kementerian yang berada di Dewan yang mulia ini sehingga akhirnya. *Alhamdulillah*, syukur. Tahniah YB-YB. Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 24 Julai 2024. Terima kasih.

*[**Dewan ditangguhkan pada pukul 5.36 petang**]*